

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**



**MESYUARAT KETIGA**

**PENGGAL KETIGA**

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**SHAH ALAM, 11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nurul Liana binti Musa  
**Pelapor Perbahasan**

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 11 November 2020 dimulakan dengan bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** *Assalamualaikum W.B.T* dan salam sejahtera untuk pertanyaan kita mulakan pada pagi ini saya menjemput Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker soalan saya nombor 106.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : SENARAI HITAM UNTUK ISU KONTRAKTOR GAGAL**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan, PK8 iaitu Perkara 2 (v) Pemilik modal/ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat/firma perunding disenaraihitamkan, adakah bermaksud Kerajaan Negeri boleh menyenarai hitam pemilik syarikat sekiranya kontraktor - kontraktor lantikan mereka gagal memenuhi kerja-kerja selepas dilantik PBT?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Speaker, Yang Berhormat Bandar Utama bertanya berdasarkan Pekeliling Perbandaran Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan PK8. Adakah sesebuah syarikat. Pengarah di sesebuah syarikat tu boleh disenarai hitamkan sekiranya gagal memenuhi kerja-kerja yang telah dilantik. Tuan Speaker berdasarkan PK 8 Pekeliling Perbendaharaan Ketidakpatuhan Dalam Perolehan

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

Kerajaan, agensi hendaklah terlebih dahulu mengambil tindakan ke atas syarikat atau firma perunding berkenaan mengikut terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam perjanjian kontrak. Aduan hanya boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia selepas agensi mengambil tindakan berdasarkan perjanjian kontrak sebelum tindakan sewajarnya diambil oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan seterusnya. Taman Medan? Tidak Hadir. Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan Subang Jaya nombor 108.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan tindakan yang telah/sedang diambil ke atas pesalah-pesalah yang disyaki mencemar Sungai Gong/Sungai Selangor pada bulan September 2020 dan Sungai Semenyih pada bulan Oktober 2020 sehingga menyebabkan henti tugas LRA masing-masing.

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya. Tuan Speaker tindakan yang sedang diambil ke atas pesalah-pesalah yang disyaki mencemar Sungai Gong ataupun Sungai Selangor pada bulan September 2020 adalah seperti berikut:-

Yang pertama pertuduhan di bawah Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Dan kedua, pertuduhan di bawah Seksyen 55(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pertuduhan-pertuduhan tersebut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor di mana kes telah pun disebut buat pada kali pertama di Mahkamah Seksyen Selayang pada 15 September 2020 berhubung kes pencemaran yang berlaku di sungai Semenyih baru-baru sebab Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih meneruskan siasatan berhubung pembuangan sisa organik berhampiran kawasan perindustrian Nilai, Negeri Sembilan. Yang disyaki



**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

sebagai punca utama menyebabkan pencemaran bau sehingga membawa kepada henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Loji Rawatan Air Bukit Tampui pada 04 Oktober 2020. Sekian.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan pencemaran yang melibatkan Negeri Sembilan. Dah satu bulan lebih sejak ianya berlaku tetapi ianya masih dalam siasatan. Maka ada tak sebabnya yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Buat masa ini walaupun Polis telah pun menangkap beberapa suspek, selepas siasatan tak ada kaitan dengan kes ini. So, kita tak dapat cari punca sebenar sampai sekarang. Kerana kemungkinan ia dilakukan oleh pembuangan secara terus ke sungai ataupun berlaku dilakukan oleh kilang-kilang berkenaan di sekitar perindustrian Nilai, Negeri Sembilan. So, pencemaran di Sungai Semenyih ini bukan di negeri Selangor. Dia berpunca di sebelah negeri, Negeri Sembilan di mana sungainya mengalir melalui batang mana? Sungai Pajam seterusnya ke Sungai Semenyih. Sebab itulah kita sangat berharap Jabatan Alam Sekitar dan juga SPAN dengan memberi peranan bantu negeri untuk membendung masalah yang kita hadapi di sebelah Negeri Sembilan. Sebab kuasa LUAS kita tidak boleh bergerak ke seberang Negeri Sembilan. So, kita sangat berharap JAS dan juga pihak SPAN membantu kita untuk selesai isu ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO berkenaan pencemaran sungai terutamanya yang berlaku semalam. Yang Berhormat kata di Dewan semalam sumbernya daripada loji IWK di Rawang. Tapi IWK telah menafikan. Adakah Yang Berhormat ada perkembangan terkini tentang siapa yang melakukan salah laku ini yang menyebabkan gangguan air kepada lebih sejuta akaun di negeri Selangor ini.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih soalan daripada Bukit Gasing. Semalam saya sempat turun ke kawasan berkenaan IWK Taman Velox, Rawang. Dan untuk makluman semua bekalan air telah pun, loji rawatan air telah pun bermula beroperasi sejak pukul 3.00 pagi lagi. Dan dijangkakan air akan disalurkan, mula disalurkan selepas tengah hari ini. So, kita harap di mana yang terlibat bersabar sikit kerana air akan pulih secara berperingkat-peringkat.

Untuk siapakah yang mencemarkan Sungai Selangor semalam? Semalam ada, kita ada buat satu serbuan bersepadu bersama dengan semua pihak termasuk Polis, termasuk LUAS, termasuk Jabatan Alam Sekitar, termasuk PBT, MPS dan lain-lain. Selepas kita siasat, kita dapati satu premis di Taman Velox iaitu premis ni jaraknya 700 meter berdekatan dengan Sungai Gong. Dan premis tu stor, mempunyai stor *waste* pembuangan berjadual. Dan kita mendapati mereka membuang sisa berjadual ni ke dalam tandas. So, dia ada hos ada semua kita jumpai tapi kita tidak dapat tangkap siapa. Dan Polis telah pun mengenal pasti tuan punya premis. So, kita berharap, saya rasa Polis akan buat penangkapan untuk buat siasatan selanjutnya. Berkenaan IWK di Taman Velox semalam pihak IWK menafikan ini merupakan perbuatan mereka dan mereka juga merupakan satu mangsa. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak IWK telah pun menerima sisa buangan kimia ini sejak 04hb November iaitu Rabu lepas, seminggu yang lepas. Dia menerima bahan buangan ini yang berwarna merah dan baunya seakan buah Nangka, ya buah Nangka. Memenuhi sepenuhnya IWK. So, IWK pada masa itu melaporkan kes ini kepada SPAN dan menutup *Outlet* daripada IWK. Tetapi IWK masih menerima kumbahan. Dia tak boleh *stop* yang *plant* IWK ni. Dan IWK telah pun membuat laporan Polis pada masa itu. SPAN pun setuju supaya segala kumbahan yang masuk akan diangkat terus oleh lori IWK ke tempat lain. So, *plant* itu telah dihentikan sejak 04hb November. Akan tetapi kita hairan pihak negeri tidak dimaklumkan perkara ini. Pihak LUAS, pihak Air Selangor tidak dimaklumkan perkara ini dan kalau kita dapati tahu perkara ini kita akan bertindak dengan segera supaya mencari premis ataupun kilang yang melakukan semua ini. Sebab itulah ini merupakan kali keempat risiko yang ditimbulkan IWK. IWK perlu sepatutnya bertanggungjawab untuk menjaga premis mereka. Saya harap polis akan buat sesuatu menangkap mereka dan menghadap mereka ke mahkamah. Sekian.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Yang Berhormat, IWK dah kesan. Pihak SPAN dah dimaklumkan oleh IWK. Kenapa pihak SPAN tidak melakukan penyiasatan untuk mencari sumber yang membuang bahan kumbahan ini? Sepatutnya pihak SPAN mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan dari 04hb September. Saya amat kecewa mendengar jawapan ini pada hari ini! Pihak SPAN tidak melakukan kerja selama seminggu sehingga kita menyebabkan banyak perumahan industri dan kedai terjejas.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Baik. Biar saya jawab dulu. Seminggu ini boleh berlaku apa-apa juga. Saya nampak kalau berlaku hujan bahan kimia akan melimpah dan mengalir ke sungai kerana dah penuh, dah hampir penuh dah. Kalau berlaku sesuatu hujan mesti akan penuhkan. Sudah seminggu ini memang berlaku. Berlaku hujan dan ada limpahan keluar daripada *plant* IWK kadang. Kita semasa kita sampai kita minta *as built drawing plant* IWK. Malangnya IWK tidak boleh menyediakan beri kita satu *as built drawing* untuk kita siasat pelan mereka. Kita nak tahu *piping* tu ke mana?

*Discharge* ke mana? Tak tahu. Sebab itulah kita harap sangat-sangat harap, Pusat boleh membantu kita. Kerana IWK di bawah Pusat di bawah Kementerian Kewangan, di bawah SPAN. Mereka perlu membuat sesuatu kerana ini merupakan kali keempat yang berlaku di pelan IWK. Dua di Bukit Mahkota di Semenyih satu di Batang Kali, dan kali ini di Rawang. So, amat malang berlaku air di mana IWK henti tugas. Orang Selangor tak dapat air kerana masalah yang berlaku.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Ok. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker memandangkan keadaan begitu serius dan kerajaan negeri kredibiliti ataupun nama baik negeri Selangor sudah tercemar bukan sahaja air tercemar, nama baik pun tercemar dan saya meminta kerajaan negeri mengambil tindakan *legal* membawa IWK ke Mahkamah. Menang atau kalah belakang kira dan satu surat amaran ataupun tindakan yang sewajarnya terhadap SPAN juga. Kerana SPAN yang kita harapkan tapi SPAN nampaknya begitu tidak guna! Jadi saya haraplah EXCO boleh ambil tindakan bagi pihak negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Memang kita telah pun membuat laporan Polis di mana Polis ambil kes ini untuk siasatan. Dan kita akan buat sesuatu di mana kita akan gunakan akta LUAS yang sedia ada untuk mendakwa siapa-siapa. Ingat! IWK pernah didakwa dan disabit kesalahan. Mereka mengakui dan memberi apa? Membayar denda sebanyak RM15,000. So, ini yang berlaku. So, kita tak kira siapa. IWK pun kita akan *sue* kalau mereka buat salah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kajang, EXCO Alam Sekitar. Siapakah yang boleh menyita premis yang melakukan kesalahan, yang menyalurkan air kumbahan sisa tidak berjadual ke IWK ataupun membuang ke dalam tandas premis tersebut?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih ADUN dari Yang Berhormat daripada Pelabuhan Klang, yang bersama-sama saya untuk menziarah ataupun melawat kawasan berkenaan semalam. Untuk makluman Yang Berhormat, sisa berjadual ini dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar. So, berapa kuantiti masuk dan keluar memang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar. Siapa boleh sita premis itu? Kalau, sebab ini bukan kilang, ini kedai, so kedai itu dibawah PBT juga. So PBT boleh sita dan juga JAS Jabatan Alam Sekitar juga boleh masuk premis untuk ambil tindakan. So, dua agensi perlu bertanggungjawab. Tapi PBT, kalau tak ada maklumat dari IWK susah dia nak ambil tindakan. So, saya haraplah, kita jangan tuduh mana-mana pihak, siapa yang bersalah, kita kena jalankan amanah untuk mendakwa mereka. Dimana saya rasa kali ini, ada suatu yang berlaku, mereka gunakan premis hanya *toilet*, sebelum itu mereka gunakan *main hole*, diluar, *main hole* boleh nampak, orang boleh nampak, kali ini dia curi-curi masuk ke kedai, *shop lot* yang tiada orang

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

untuk masukkan air buangan *waste* ke *toilet* dan selepas *toilet* mengalir ke IWK. IWK pun jadi mangsa, tapi IWK pada masa ini tak bagitahu kita, berlaku sejak satu minggu yang lalu. Sekian.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Tuan Speaker. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi telah berlaku empat kali, maksudnya pencemaran ini dan kita tahu bahawa ia melibat Kerajaan Persekutuan yang mana Menteriya adalah Menteri daripada Kerajaan Persekutuan, Tuan Ibrahim Tuan Man dan melibatkan SPAN, JAS dan IWK ini sendiri. Saya nak tanya kepada EXCO, apakah tindakan yang diambil oleh Menteri sedangkan perkara ini dah berlaku dan sehingga hari ini ada tak apa-apa kenyataan dan bantuan daripada Menteri sendiri.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Seri Setia. LUAS telah pun mengarahkan IWK iaitu SPAN juga, segera untuk *clear* kan kawasan itu. Kita telah maklum nak bagi *clear* kan hari ini juga, sebab kalau bahan kimia itu masih berada di IWK, dia ada risiko kalau berlaku hujan, air itu akan melimpah dan mengalir ke sungai. Sebab itulah kita semalam dah keluarr arahan segerakan untuk angkat keluar bahan kimia itu untuk *discharge* ke tempat lain dan plan itu memang telah pun di tutup *outlet*, tapi dia masih menerima kumbahan daripada kilang-kilang dan juga rumah yang sekeliling. So, kumbahan yang masuk ke loji itu itu akan terus angkat ke lori tak angkat ke tempat lain. So memang pelan itu tidak ada proses la, tak boleh proses langsung, kerana ada bahan buangan kimia di dalam.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ada satu soalan yang saya rasa banyak warga Selangor ingin tahu, dimana isu air ini memang isu yang sangat serius di Selangor pada ketika ini. Soalan saya adalah, bagaimana kerjasama antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan. Kami ingin tahu adakah Kerajaan Persekutuan memberikan kerjasama penuh dalam perkara ini, jenis-jenis kerjasama yang diadakan sekarang, adalah kita mempunyai mesyuarat bersepadu dan sebagainya dan bagaimanakah maklumbalas daripada pihak SPAN di bawah Kerajaan Negeri Kerajaan Persekutuan, daripada Jabatan Alam Sekitar di bawah Kerajaan Persekutuan dan IWK satu agensi di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya ingin dapatkan maklumbalas daripada YB EXCO.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Sebelum itu kita memang tak ada masalah kerjasama anantara pusat dengan Kerajaan Negeri. Dimana kita ada Mesyuarat Jawatankuasa Kecemasan Sumber Air, di mana dipengerusi oleh saya dan ahli-ahli yang terdiri daripada SPAN, JAS dan juga semua pihak yang terlibat. So, saya boleh *call meeting* itu bila-bila masa supaya ada satu penyelaras kerja boleh dibuat. Saya rasa buat masa ini Jabatan Alam Sekitar memang memberi kerjasama yang baik pada kita. Mereka memang membuat kerja mereka untuk menyiasat dan juga men-*spotcheck* setiap kilang yang berada di Selangor. Hanya masalah, kadang kemungkinan juga mereka menghadapi kengkangan kekurangan kakitangan.

Itulah kita sangat berharap, kerana kita nampak baru-baru ini pendakwaan dibuat oleh polis ini nampaknya ada dua akta yang mereka gunakan iaitu seksyen 430 Kanun Keseksaan itu di bawah SPAN pusat dan dakwaan di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling di bawah Jabatan Alam Sekitar juga di bawah pusat. So, saya harap pusat juga boleh main peranan yang penting untuk bantu negeri untuk menyelesaikan masalah pencemaran. Pencemaran ini bukan setakat masalah Kerajaan Negeri tapi juga Kerajaan Pusat kerana air ini kita jaga bersama-sama, kita tak boleh kata pusat akan lepas tangan, tidak mereka juga ada buat kerja mereka dimana saya dimaklumkan semalam KSU ada turun padang pada tengahari, so saya rasa pusat juga sudi membantu kita. Kita harap pusat boleh menurunkan peruntukkan yang lebih banyak kepada kita untuk menyelesaikan masalah pencemaran di sungai. Saya rasa peruntukkan dari pusat banyak, tapi tak nampak, wang itu diturunkan ke Kerajaan Negeri Selangor. Kita terpaksa gunakan RM200 Juta untuk perancangan tahun depan untuk membina *division* sungai untuk buat *piping*, buat pam untuk kalau berlaku pencemaran di muka sawk, loji dan air kita akan pamkan air terus daripada kolam. Itu semua inisiatif daripada Kerajaan Negeri Selangor, so kita harap Kerajaan Pusat, Y.B. dari Sijangkang, boleh bagitahu bos kamu, Yang Berhormat untuk bantu kita, bantu kita, bawa isu ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Minta maaf.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya rasa ini peraturan tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Ahli Dewan Negeri tidak sepatutnya jawab, ini bukan sesi jawab untuk Ahli Dewan Negeri, ini untuk Exco. So minta jangan kita lari ya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Pertanyaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sijangkang.

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih. Adakah *standard* TON yang sama, air yang dikeluarkan daripada IWK bermakna 0 TON, dengan *standard* yang kita gunakan, hanya 0 TON yang kita boleh rawat sumber air untuk digunakan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Apa tu, saya tak, TON. Haa, iyalah, bacaan bau itu TON la. Dimana pada permulaan kita kesan 8 TON selepas itu turun ke pada 4 TON, semalam pukul tengah malam baru turun ke *zero* TON. Dan untuk makluman Yang Berhormat, bahan kimia buangan itu yang kita dapati di premis ...

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya ingat soalan saya tidak di jawab. Soalan saya, adalah *standard* TON yang sama pencemaran yang dikeluarkan, TON pencemaran ini, air yang keluar daripada IWK dan juga *standard* TON makna 0 TON la yang kita gunakan untuk dirawat.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** Yang penting bahan kimia itu, bau yang seakan sama. Apa bau yang kita kesan di muka sauk SSP 123 dan Rantau Panjang, bau itu seakan sama dengan apa yang berlaku di IWK dan kita dapati premis yang kita dapati yang bersalah melakukan kesalahan itu, bahan kimia itu juga sama, warna sama merah, juga bau angka. Semasa kita berkesan di *discharge* di IWK, bau TON itu 30 TON, 30 TON, dan sampai di Sungai Sembah, kita dapati 5 TON, 5 TON. So sampai ke muka sauk di Rantau Panjang jadi 4 TON. So itulah, TON itu seakan bau seakan sama.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya rasa yang utamanya adalah TON, sebab kita berdasarkan kepada 0 TON hanya air kita boleh rawat daripada sumber air itu, tetapi kalau kita, walaupun mungkin baunya berbesa, tetapi masih lagi ada pencemaran bau 4 TON 5 TON, mana ia masih lagi tidak boleh dirawat.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Untuk loji rawat air hanya boleh rawat air itu sehingga bacaan *zero* TON, walaupun kita minta 1 TON dibenarkan tapi pihak KKM, Kementerian Kesihatan Malaysia yang berada di loji itu tidak benarkan kita operasikan loji itu kalau masih satu TON. Mereka tegas, mesti *zero* TON baru operasi LRA dijalankan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, soalan seterusnya. Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Tuan Yang, yang soalan saya no.107, 109 *sorry*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : 109.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Haaa.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KELUASAN HUTAN SIMPANAN SELANGOR**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keluasan hutan simpanan yg masih ada di Selangor?
- b) Apakah status hutan di Kuala Langat dan adakah hutan ini dibenarkan untuk diterokai?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Keluasan Hutan Simpan Kekal di negeri Selangor ialah 250,207.39 hektar ataupun bersamaan 31.6 peratus daripada keluasan tanah negeri. Yang kedua Hutan di Kuala Langat masih berstatus Hutan Simpanan Kekal. Merujuk kepada Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985, sebarang aktiviti penerokaan di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal ini adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aktiviti penerokaan bagi tujuan pertanian telah dikenal pasti berlaku di dalam kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan sejak lebih 30 tahun yang lalu. Dalam hubungan ini, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang dalam tindakan untuk menyediakan Kertas Kerja bagi Program Pemutihan di hutan simpan ini seterusnya mendapatkan pertimbangan lanjut Pihak Berkuasa Negeri melalui MMKN. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Yang Berhormat, saya nak bertanya berkaitan dengan tanah yang telah dicerobohi di atas tanah hutan simpanan ini. Setakat ini berapa banyak tanah yang telah dikenakan tindakan pada penceroboh-pencoroboh.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN** : Saya rasa semalam saya telah pun menjawab soalan ini semasa penggulungan untuk pembangunan. Untuk di Hutan Simpan Kekal, jumlah keluasan yang tanaman pertanian adalah sebanyak lebih kurang 3,463 hektar dan bilangan orang yang terlibat jumlah *person* terlibat sebanyak 454 orang dan kelulusan yang ini berlaku di zaman kerajaan lepas, dimana tanah itu diterokai, tiada tindakan diambil dan kita juga kadang-kadang kita masih ada dilemma. Ada Yang Berhormat yang di Dewan ini yang mengatakan hutan simpan itu kita perlu kekalkan

tak boleh cerobohi, tetapi ada Yang Berhormat menyokong pula, ada pemutihan dijalankan.

Sepatutnya Hutan Simpan Kekal ini perlu ditanam semula hutan, pokok-pokok, tapi kalau kita benarkan lagi untuk Bertani, maknanya itu bukan lagi hutan simpan, tak ada pokok, hanya sayur-sayuran. Sebab itulah, ini masalah politik juga, dimana ada *request* daripada petani-petani untuk mereka memutihkan tanaman mereka terutama petani-petani kecil. Dan masalah kita hadapi adalah bukan setakat petani kecil, tapi juga ada syarikat-syarikat, ada enam syarikat yang besar yang dulu dapat TOL, selepas kita ambil alih pada tahun 2008, kerajaan telah menamatkan kontrak TOL mereka, tapi mereka masih menjalankan aktiviti pertanian di Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan. Dan kita sedang berbincang dengan mereka, kita hanya *consider* bagi kelulusan kepada permit kepada petani-petani yang kecil bukan syarikat, bukan syarikat dan juga ada syarikat yang tanam kelapa sawit, itu yang kita tidak benarkan, termasuk orang asli juga tanam kelapa sawit, guna tanah Hutan Simpan Kekal. So, kita memang ada dilema sama ada kita nak kekalkan hutan simpan kekal, nak rampas, tanam semula pokok ataupun kita nak teruskan bagi kebenaran pembuktian untuk tanaman sayuran. Itulah yang berlaku sekarang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, soalan seterusnya, Hulu Bernam? Tidak hadir. Bukit Lanjan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Timbalan Speaker. Soalan 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PROGRAM CERIA**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah yang dibelanjakan untuk Program Ceria sejak 2018. Apakah jumlah projek yang dilaksanakan sejak 2018 mengikut daerah?
  
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan buka program Ceria untuk Pangsapuri Kos Sederhana untuk tahun depan?

**JAWAPAN:**



## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Timbalan Speaker. Untuk menjawab soalan daripada Bukit Lanjan. Bukit Lanjan bertanya tentang Program Ceria, berapa jumlah yang dibelanjakan untuk Program Ceria sejak 2018 dan apakah jumlah projek yang dilaksanakan itu mengikut daerah?

Untuk menjawab soalan ini, jumlah perbelanjaan peruntukan Skim dari tahun 2018 hingga 30 September 2020 adalah sebanyak RM31,805,620.21 di mana pecahan bilangan penerima bantuan CERIA adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Bilangan Projek CERIA	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1	Petaling	31	13,856,793.97
2	Klang	3	1,106,377.85
3	Hulu Langat	19	6,495,889.10
4	Gombak	3	6,678,473.60
JUMLAH		56	28,137,534.52

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Seterusnya Bukit Lanjan bertanya, apakah program Ceria ini boleh dilaksanakan untuk Pangsapuri Kos Sederhana tahun depan? Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini belum. Bantuan Skim Ceria difokuskan hanya untuk pangsapuri kos rendah dan kos rendah sederhana dengan mengambil kira penghuni yang mendiami hartanah tersebut kebanyakannya terdiri daripada kelompok golongan rendah (B40) yang mana akaun penyelenggaraan pangsapuri kos rendah dan kos sederhana rendah juga tidak mencukupi untuk menampung kos-kos baik pulih kerosakan harta bersama. Jadi buat masa ini Program Ceria tidak ditawarkan kepada pangsapuri kos sederhana kerana keupayaan badan pengurusan menampung kos pembaikan selain daripada polisi insurans bangunan sekiranya berlaku kerosakan di luar jangka telah pun diwujudkan. Tambahan lagi pematuhan Akta Pengurusan Strata 2013 iaitu Akta 757 di kalangan pemilik pangsapuri sederhana adalah tinggi berbanding pemilik di pangsapuri kos rendah. Itu sahaja Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bukit Lanjan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Soalan susulan saya adalah, setelah mendengar jumlah projek yang telah dilaksanakan sejak 2018, saya nampak ada macam ketidaksinambungan antara daerah-daerah yang menerima dana projek Ceria. Jadi apa kriteria sebenarnya kerajaan negeri menetapkan supaya sebuah

bangunan ataupun permohonan daripada *Joint Management Body* (JMB) boleh diluluskan oleh kerajaan negeri dan berapa lama mereka harus menunggu?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Bukit Lanjan. Sebenarnya sebagaimana yang telah saya jawab dalam jawapan soalan 23, untuk kriteria penerimaan unit Ceria ini ataupun program Ceria ini kita mempertimbangkan unit-unit yang melebihi 10 tahun, pangsapuri kos rendah, ataupun pangsapuri kos sederhana rendah, yang mengalami kerosakan yang melibatkan nyawa ataupun lebih kepada keceriaan, isu-isu penyelenggaraan yang tidak terurus, dan seterusnya ianya mestilah bilangan yang menduduki kawasan itu mestilah melebihi adalah kebanyakannya daripada golongan B40. Jadi apa yang ditanyakan oleh Y.B. Bukit Lanjan, selain daripada kriteria itu, apakah syarat ataupun proses yang mungkin boleh diambil oleh pihak JMB? Sebenarnya setiap tahun pihak Lembaga Perumahan telah pun mengeluarkan notis kepada JMB untuk mereka mengemukakan permohonan-permohonan ini daripada itu nanti kita akan tapis mengikut kriteria yang ada dan seterusnya kita akan kerajaan negeri akan melihat sama ada ianya bersesuaian atau tidak. Dalam masa yang sama, mungkin masa menunggu itu sebenarnya ianya ada kerjasama dengan COB juga, COB ni kalau kita lihat ia beroperasi di PBT, COB juga memainkan peranan untuk melihat, untuk memantau atau meneliti permohonan bersama dengan Lembaga Perumahan. Saya belum pasti sama ada proses yang diwujudkan ini perlu ditambah baik sebab saya baru masuk *office* tersebut, tetapi *Insyallah* saranan daripada Bukit Lanjan, jika perlu proses ini diteliti dan dilihat supaya jangka masa itu tidak terlalu lama ataupun mungkin perlu ada jawapan segera, lulus atau tidak lulus supaya JMB tidak menunggu sama ada permohonan mereka ini diterima atau tidak. Sebab saya tahu banyak aduan mengatakan bahawa banyak permohonan yang *depa* tak tahu status. Jadi di sinilah sebenarnya kita akan perbaiki dan *Insyallah* kita akan maklumkan setiap permohonan itu perlu diberikan maklum balas tetapi untuk Yang Berhormat semua, ambil kesempatan ini saya nak maklumkan sepatutnya setiap JMB telah pun dapat notis yang mereka perlu menghantarkan untuk permohonan tahun hadapan mestilah dihantar selewat-lewatnya 30 November tahun ini. Itu sahaja, Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan tambahan? Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Selain daripada pangsapuri kos sederhana, adakah kategori pangsapuri yang lain selain daripada kos sederhana itu boleh dipertimbangkan untuk juga memperolehi kesempatan untuk mendapatkan Skim Ceria ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Taman Medan. Buat masa ini hanya dua kategori iaitu Pangsapuri Kos Rendah dan Pangsapuri Kos Sederhana Rendah sahaja dipertimbangkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, soalan seterusnya, Balakong?

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan Balakong No. 112.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : DASAR GATED DAN GUARDED**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penggunaan kad akses (automatik) hanya boleh dibenarkan sekiranya penyertaan 100% penduduk atau difikirkan wajar mengikut kesesuaian PBT/PTD berkaitan bagi 'Guarded Community' untuk mengelakkan isu dan permasalahan dikemudian hari. Adakah Kerajaan Negeri berniat untuk merendahkan syarat penyertaan dari 100% ke 80%?

**JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan juga Balakong yang bertanya tentang akses automatik ataupun isu-isu berkaitan dengan Dasar "*Gated Dan Guarded*".

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengeluarkan Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2016 berkenaan Garis Panduan Skim Perumahan Berpengawal (*Guarded Community*) Di Negeri Selangor (Penambahbaikan 2016) yang berkuatkuasa pemakaiannya mulai 1 September 2016.

Antara perkara utama yang dibuat penambahbaikan/ pindaan ke atas garis panduan tersebut adalah penggunaan Kad Akses Automatik hanya boleh dibenarkan sekiranya penyertaan 100% penduduk atau difikirkan wajar mengikut kesesuaian PBT / PTD berkaitan bagi Skim '*Guarded Community*' untuk mengelakkan isu dan permasalahan di kemudian nanti. Walau bagaimanapun, saya rasa berhubung pindaan syarat untuk menurunkan jumlah peratusan penyertaan penduduk daripada 100% kepada 80% boleh ditentukan oleh pihak PBT. Maksudnya garis panduan itu kita syatkan begitu, 100% untuk akses untuk mereka yang menggunakan akses ini, ataupun akses automatik ini tetapi di mana ada juga kelonggaran ataupun ketetapan-ketetapan yang boleh ditentukan oleh pihak PBT dalam pelaksanaan ini yang mana ada juga telah mengurangkan daripada 100% kepada 80%. Sekiranya persatuan penduduk tidak

berhasrat untuk mengenakan akses automatik, persatuan penduduk hanya perlukan persetujuan 70% sahaja. Jadi dia berbeza, yang guna akses automatik, kita kenakan syarat tertentu tetapi yang tidak gunakan akses, hanya sekadar *guard* dan sebagainya ia hanya memerlukan 75% penduduk sahaja daripada bilangan unit yang berpenghuni, maknanya penyewa pun boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada 75% ini atau peratusan lain yang difikirkan wajar. Maksudnya dalam masa yang sama kita bagi juga kepada pihak PBT dan PTD untuk memikirkan peratusan lain yang difikirkan wajar berkaitan dengan Skim Perumahan Pengawalan. Lembaga Perumahan memberikan satu garis panduan umum, tetapi dalam masa yang sama jika ada kesesuaian-kesesuaian tertentu, pihak PBT lah yang akan melaksanakan atau memberikan panduan pelaksanaan ini.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat juga selain daripada garis panduan dasar yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan negeri terdapat beberapa pihak berkuasa tempatan yang telah pun juga mengeluarkan garis panduan terperinci berkenaan Skim Komuniti Berpengawal mengikut kesesuaian masing-masing iaitu seperti Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan juga Majlis Perbandaran Klang. Mereka telah ada garis panduan tersendiri. Itu sahaja Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik, soalan berikutnya? Ijok?

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan Ijok No. 113.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : JALAN LEBUHRAYA FT 54**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah2 segera yang akan di ambil untuk mengelakkan kemalangan di Jalan Lebuhraya FT 54 yang berpunca daripada ciri2 keselamatan yang lemah?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Y.B. Ijok, Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Ijok ingin bertanyakan isu berhubung dengan Lebuhraya FT 54 aspek kemalangan dan ciri-ciri keselamatan jalan. Untuk makluman Yang Berhormat, jalan ini adalah jalan persekutuan FT 54 yang menghubungkan daripada Bandar Seri Coalfields sehingga simpang FT005 Jeram, dalam peringkat pembinaan,

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

penaiktarafan, telah bermula daripada bulan Ogos 2016 dan akan siap pada bulan Februari 2021. Peringkat kemajuan semasa jalan ini ialah 99% iaitu jalan ini sepanjang 31.5 yang menelan belanja RM436,308,720.00, ini kos penaiktarafan jalan ini yang dibuat daripada satu lorong dua hala kepada dua lorong dua hala.

Daripada maklumat yang kita perolehi, kemalangan masih terkawal di jalan ini dan memang kita ada menerima aduan pihak JKR daerah membuat rondaan mendapati ada aduan-aduan berhubung aspek keselamatan seperti lampu jalan, lampu isyarat, permukaan jalan dan lain-lain dan perkara ini telah dipanjangkan untuk dilaksanakan kerana ia masih berada di bawah tempoh tanggungan kecacatan (*defect liability period*) kita ada masa untuk diperbaiki. Jalan ini di bawah pengawasan JKR Malaysia dan dibantu oleh JKR daerah dalam pelaksanaan ini. Sebarang aduan ataupun isu berkaitan ini masih lagi di bawah tanggungjawab kontraktor untuk menyelesaikannya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya? Dusun Tua?

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya No. 114.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)**

#### **TAJUK : EKONOMI KITARAN**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan untuk mengalakkan lagi perkembangan Ekonomi Kitaran (Circular Economy) selain daripada aktiviti kitar semula?

#### **JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Konsep ekonomi kitaran atau *circular economy* merupakan konsep guna, pulang dan cipta semula (*use, return, and re-create*) yang mana berbeza dengan *linear economy* iaitu beli, guna dan buang (*buy, use and throw*). Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah memasukkan elemen *circular economy* bagi menggalakkan inisiatif sisa sebagai sumber pendapatan (*waste to money*) di dalam penggubalan Dasar Kebersihan Negara.

Untuk melaksanakan industri *circular economy* ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Sehubungan itu, selain daripada mewujudkan pusat kitar semula secara komprehensif di semua PBT Negeri Selangor dengan konsep *circular economy*, Kerajaan Negeri Selangor sedang membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre* bersebelahan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor. Salah satu fasiliti di kawasan tersebut adalah loji *Waste To Energy* (WTE). Dengan adanya *Integrated Solid Waste Management Centre* ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik. Soalan berikutnya? Bukit Melawati?

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Tuan Timbalan Speaker, soalan saya 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PELANCONGAN PASCA COVID-19**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status kempen 'Pusing Selangor Dulu' dan pelancongan domestik pasca COVID-19 di Negeri Selangor?
- b) Apakah status bantuan dan inisiatif Pelan Pemulihan Ekonomi pasca COVID-19 bagi sektor Pelancongan?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima Kasih Yang Berhormat Bukit Melawati seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, pandemik COVID-19 amat memberi kesan kepada Industri Pelancongan di dunia termasuklah di Negeri Selangor. Untuk maklum yang terhormat Kerajaan Selangor melalui Tourism Negeri Selangor telah pun melaksanakan kempen promosi Pelancongan Domestik "*Pusing Selangor Dulu!*" bagi merancang semula aktiviti pelancongan di negeri Selangor bagi tempoh pasca COVID-19 yang mengimbangkan kesan ketiadaan kehadiran pelancong antarabangsa akibat penutupan pintu masuk negara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, beberapa program promosi fokuskan pasaran pelancongan domestik telah pun dilaksanakan seperti berikut. Yang pertama, MITA *E-Travel Fair 2020* yang dilaksanakan pada tarikh 15 Mac hingga 14 April 2020

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

dengan platform digital. Yang kedua, FAMTRIP Pakej Pelancongan Domestik bersama Persatuan *Malaysia Inbound Tourism Association* ataupun MITA pada tarikh 23 hingga 24 Julai 2020 di Daerah Sepang. Yang Ketiga, Jelajah Pesona Selangor Edisi “*Pusing Selangor Dulu!*” pada tarikh 21 hingga 23 September 2020 di Duyung Marina Resort, di Kuala Terengganu. Yang Keempat *World Hospitality, Lifestyle & Entertainment Exhibition And Conference (WHOLE 2020)* di *Spice Convention Centre, Pulau Pinang*. Melalui aktiviti-aktiviti dan kempen yang dilaksanakan oleh Tourism Selangor, ianya juga telah memberi platform dan ruang juga kepada penggiat-penggiat industri dan produk operator untuk sama-sama mempromosikan serta menjual produk mereka kepada orang ramai di dalam meningkatkan hasil pendapatan mereka. Kempen yang dijalankan oleh Tourism Selangor juga turut telah memberi ruang kepada pengusaha-pengusaha produk pelancongan yang baru untuk memperkenalkan produk mereka kepada orang ramai.

Impak dari pelaksanaan kempen yang dijalankan sehingga bulan September Tahun 2020, berikut merupakan impak liputan media yang telah diterima setelah penganjuran kempen “*Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!*”:-

BIL	PLATFORM	IMPAK PELAKSANAAN KEMPEN
01	Liputan Media	Jumlah Liputan Media: <b>459 Artikel</b> Nilai Pengiklanan : <b>RM3.23 juta</b> Nilai ROI / PR : <b>RM 9.7 juta</b>
02	Laman Media Sosial Rasmi Tourism Selangor	Jumlah pengikut: <b>350,000 pengikut</b> Jumlah ‘Reach’ dan ‘Impressions’: <b>Peningkatan sebanyak 40%</b>

Untuk menjawab soalan yang Kedua :-

b) Pihak Tourism Selangor sudah pun membentangkan mekanisme pengagihan bantuan kepada pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk penyaluran bantuan kepada kumpulan sasaran di bawah dua inisiatif iaitu:

1. Bantuan ‘one-off’ RM1000 kepada pemandu pelancong yang bermastautin di Negeri Selangor dan berdaftar dengan Persatuan Pemandu Pelancong Selangor, hos komuniti setempat dan pengusaha *homestay* berlesen di Negeri Selangor. Ini tidak termasuk pendayung sampan di kelip-kelip, belum lagi.
2. Subsidi baucar pelancongan Negeri Selangor dengan setiap penerima (orang awam rakyat Malaysia) yang layak akan menerima baucar pelancongan negeri Selangor sebanyak RM200 seorang dan dibelanjakan kepada pakej-pakej pelancongan di dalam Negeri Selangor samada penginapan di hotel, tiket masuk taman tema dan penginapan di *homestay* berlesen. Ini kita akan buat pelancaran bulan Disember.



## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Bantuan serta inisiatif Pelan Pemulihan Ekonomi pasca COVID-19 bagi sektor Pelancongan ini dijangka akan mula diagihkan melalui kaedah 'e-wallet' bermula pada bulan Disember 2020. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bukit Melawati..

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Soalan tambahan. Yang Berhormat EXCO, saya ingin bertanya berkaitan dengan kesan impak COVID-19 ini adakah pelan induk pelancongan negeri Selangor yang telah dilaksanakan 2020/2025 ini akan mengambil kira situasi pandemik COVID-19 ini kerana kita jangka ia akan mengambil masa beberapa tahun dan ini akan terus menjejaskan industri pelancongan kita, jadi ini sangat penting untuk memastikan *survival* industri pelancongan kita adakah ia mengambil kira keadaan krisis seperti ini.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Melawati. Sekarang saya masih meneliti final draf Pelan Induk Pelancongan 2020 hingga 2025. Makna kita akan memperhalusi juga Pandemik COVID-19 memang kita jangkakan pada 4 ataupun 6 bulan pertama tahun 2021 kemungkinan juga pelancong dari luar negara tidak masuk Malaysia kerana sekatan sempadan so kita akan tengok balik supaya Pelan Induk Pelancongan 2020 hingga 2025 merangkumi aspek termasuk kita akan *consider* pandemik COVID-19. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya Teratai.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN :** Tuan Speaker, saya mohon untuk menggunakan peraturan tetap 24 sub 2. Terima Kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya benarkan.

### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LAI WAI CHONG (N22 TERATAI)

#### TAJUK : PROGRAM RIDE SELANGOR

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini mengenai program RiDE Selangor dari segi jumlah permohonan dan kelulusan.

**JAWAPAN:**



**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima Kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Teratai dan mohon izin bersekalian daripada Sijangkang bernombor 150 yang bertanya perkembangan mengenai program RiDE Selangor permohonan dan kelulusan dan apakah perkembangan setakat ini. Berdasarkan bajet yang telah kita ada 2 Juta pada tahun ini kita memperuntukkan pemohon pada 3 ribu pemohon. Sehingga 11 November 2020, jumlah permohonan RiDE yang telah diterima adalah sebanyak 22, 321. Manakala 1900 pemohon yang telah layak disaring menerima manfaat program ini dan mereka yang memohon merupakan anak Selangor yang berumur di antara 17 hingga 35 tahun. Dari segi perkembangan yang ada pada hari ini kita telah bekerjasama dengan beberapa syarikat terkemuka dan agensi yang telah menggerakkan platform perkhidmatan *e-hailing* termasuk *Bungkus-It*, *Zack To Express*, *Warung Rider* dan juga *Selangor Digital Supply Chain* ataupun SELDEC dan kita masih lagi membuka pada mana-mana perkhidmatan *e-hailing* yang ingin bekerjasama dengan kita. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2021 tahun depan berdasarkan bajet yang telah diluluskan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, fokus kita adaah pada mereka yang berkhidmat untuk *e-hailing* untuk di kawasan luar bandar pada tahun ini di kawasan bandar tahun depan di kawasan luar bandar, *InsyaAllah*. Dan diantara pengubahsuaian yang kita kena pada kali ini dulu kita katakan mereka memohon lesen dalam 2021 ini tetapi berdasarkan pada kekangan sekatan COVID-19 kita telah membuka pengubahsuaian sikit iaitu mereka yang memiliki lesen 2019 termasuklah mereka yang sekarang sedang bekerja di dalam syarikat *e-hailing* yang memenuhi syarat-syarat yang telah kita tetapkan untuk memohon program RiDE ini. Di antara inisiatif yang telah kita nyatakan yang berbeza iaitu subsidi lesen, kursus latihan, skim PERKESO dan pengurusan-pengurusan menerusi budget yang telah kita adakan melalui budget yang telah ditetapkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya Taman Templer.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tuan Speaker , mengikut peraturan 24 (2) saya mohon untuk ambil soalan ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik. Saya benarkan..117

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA TINDAKAN DAERAH (JKTD)**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan mesyuarat JKTD dalam masa yang terdekat ini?

**JAWAPAN:**

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR :** Dua soalan tersebut.. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyatakan dan juga menjawab soalan yang telah disampaikan oleh Bukit Gasing *on behalf of* Taman Templer selaras dengan keputusan Arahan No.1 2020 (Mekanisme Penyelarasan Pembangunan Negara) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia pada 1hb Januari 2020, Kerajaan Negeri Selangor telah disarankan untuk melaksanakan arahan ini melalui mekanisme penyelarasan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JPTD) bagi menggantikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD).

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) yang disarankan Perdana Menteri tersebut adalah wadah untuk agensi kerajaan di daerah dan langkah-langkah yang dibincang dalam mesyuarat JTPD ini termasuk mewujudkan pembangunan seimbang di bandar dan kampung supaya pembangunan dapat dirancang secara teratur di samping mengatasi masalah pertindihan fungsi serta peranan jabatan-jabatan kerajaan. Perkara yang turut dibincang termasuk isu prasarana seperti kemudahan jalur lebar, jalan raya, elektrik, air, pendidikan dan kesihatan. Mesyuarat Jawatankuasa ini yang melibatkan semua jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan juga sangat penting supaya tidak lagi berlaku pertindihan fungsi dan peranan, bahkan mengelakkan pertindihan peruntukan yang boleh menyebabkan pembaziran.

Antara arahan-arahan yang telah dikeluarkan pada ketika itu, memaklumkan pegawai daerah di setiap daerah di Selangor telah dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JPTD) melalui watak perlantikan yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dan telah berkuatkuasa pada 5hb Februari 2020 sebagai mematuhi Arahan No. 1 2020. Watak perlantikan dan Surat Perlantikan kepada semua Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah telah disempurnakan penyampaian oleh Pengarah Pembangunan Negeri Selangor atau iku merangkap Setiausaha Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg), Pejabat Pembangunan Negeri Selangor melalui surat bertarikh 20hb Februari 2020.

Di dalam Majlis Tindakan Pembangunan Negeri itu juga Yang Berhormat Pengerusi turut bersetuju agar struktur dan peranan mesyuarat yang ditetapkan seperti Arahan No. 1 2020, dilaksanakan dan disebutkan secara spesifik disitu adalah tanpa penglibatan Ahli-ahli Parlimen dan ADUN. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin kita sedia untuk merangka dan merancang

kembali perkara ini khususnya selepas berlaku proses mesyuarat-mesyuarat sebelum ini tidak berlaku sudah pasti kerana PKP dan sebagainya justeru untuk memastikan keseluruhan maklumat dan arahan-arahan ini dapat dipatuhi kita bergantung pada pekeliling namun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masih boleh membuat keputusan supaya melanjutkan atau mengadakan majlis tindakan daerah kita sendiri supaya kita dapat menentukan serta memastikan setiap agensi dan setiap urusan-urusan yang berlaku diperingkat daerah dapat dipantau oleh ADUN dan ahli parlimen. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang ...

**Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima Kasih Tuan Speaker pertanyaan saya adalah adakah Kerajaan Negeri akan mengimplicasikan Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Daerah ini dan adakah melibatkan Ahli-Ahli Dewan Negeri daripada pembangkang dan perlu surat watakah-watakah perlantikan daripada Kerajaan Negeri?...

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR :** Ini adalah arahan sewaktu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berada dalam satu kelompok yang sama, arahan ini terpaksa kita ikuti kerana ia adalah arahan no. 1 yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada ketika itu iaitu pada Januari Tahun 2020 dan ia menggantikan arahan yang keluar pada bulan 12 sebelum itu dan saya pasti kita akan merancang sendiri sesuai dengan keadaan dan situasi semasa supaya kita tidak tertinggal dengan isu-isu berkaitan pelarasan dan juga aktiviti pembangunan diperingkat negeri dan kita akan masukkan semula kebetulan mesyuarat pembangunan negeri pun baru sekali berlaku dan kita tak tahu bila lagi berlaku jadi kalau kita tunggu terlalu lama jadi masalah namun bagi pihak Kerajaan Negeri kita sedia untuk bekerjasama dengan semua pihak termasuk memanggil wakil-wakil daripada pembangkang untuk memastikan hal-hal isu-isu berkaitan dengan negeri dapat dibincangkan diperingkat lokaliti dengan lebih mendalam mengikut kepada keperluan-keperluan yang ditetapkan ataupun sebagaimana garis panduan yang ditetapkan pihak majlis mesyuarat kerajaan negeri akan segera menetapkan apabila kita akan memulakan semula jawatankuasa tindakan daerah ini diperingkat daerah-daerah supaya kita dapat membuat sesuatu arahan-arahan dan pekeliling yang sepakat dan sama ataupun yang seimbang. Terima Kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya ..Semenyih

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI :** Terima kasih yang Berhormat Timbalan Speaker, soalan saya nombor 118.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PELABURAN ASING**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan asing (FDI) yang telah masuk ke Selangor bagi tahun 2020?
- b) Apakah tindakan Invest Selangor dalam usaha menggalakkan pelaburan pasca Covid -19 untuk pelaburan tahun 2021?

**JAWAPAN:**

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR :** Terima Kasih Semenyih.. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, sebanyak 122 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 3,386,391,933 ataupun (RM 3.39 bilion). Daripada jumlah ini sebanyak RM 1,559,547,468 atau 46.05% adalah daripada FDI ataupun pelaburan-pelaburan asing. Program promosi dan penggalakkan pelaburan merupakan program yang berterusan dan diadakan setiap tahun. Berdasarkan keadaan semasa dan penularan pandemik COVID-19 ketika ini, program – program yang telah dirancang, namun tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini akan dilaksanakan pada tahun 2021.

Antara usaha menggalakkan pelaburan pasca COVID-19 untuk pelaburan tahun 2021 adalah:

- i. Meneruskan program-program libat urus bersama *stakeholder* dalam aktiviti pelaburan sama ada secara fizikal atau secara dalam talian.
- ii. Meneruskan program-program menyantuni pelabur dengan mengadakan lawatan-lawatan kilang bagi mengeratkan hubungan di samping membantu menyelesaikan permasalahan yang berbangkit untuk menggalakkan pihak syarikat membuat penambahan/pengembangan pelaburan sedia ada.
- iii. Membantu mempercepatkan proses kelulusan dan penyelesaian masalah yang berkaitan pelaksanaan projek-projek perkilangan menerusi mesyuarat penyelarasan projek pembangunan yang dipengerusikan oleh YB EXCO.
- iv. Mengadakan program-program persidangan dan seminar secara maya (*virtual*). Sebagai contohnya *webinar* ataupun *online meeting*.
- v. Program-program promosi dan penerbitan iklan melalui media elektronik dan juga sosial media.

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

Ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan (a) tadi suka saya menegaskan bahawa ini adalah angka untuk sektor pembuatan atau perkilangan. Sebaliknya 60% daripada sektor industri utama di negeri Selangor adalah sektor perkhidmatan. Jika kita campur kedua-duanya nilai pelaburan yang diperolehi oleh negeri Selangor menjelang bulan September 2020 adalah melebihi RM11 Bilion. Ketika itu negeri Selangor menduduki tangga kedua selepas negeri Sabah. Dari segi jumlah keseluruhan sektor-sektor yang terbabit. Namun jumlah secara rasminya, 2.3 dari sektor perkilangan dan tambah lagi dengan sektor perkhidmatan lagi jadi 11.7 Bilion. Sekian. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI:** Soalan tambahan. Memandangkan pasca COVID-19 ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menarik pelabur tempatan untuk menampungi permasalahan pelabur luar ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Kalau dengar dengan teliti jawapan tadi, kita dapat lihat wujudkan keseimbangan antara FDI *and domestic investment* yang ada di dalam negeri Selangor. Daripada pelabur luar negara yang bertapak di sini sehingga Jun di negeri Selangor 3.9 Bilion itu, 40% saja daripada FDI atau *foreign direct investment*. Selebihnya adalah pelaburan-pelaburan tempatan. Dan daripada angka-angka yang kita dapat lihat semenjak daripada tahun 2018. Kita telah merekodkan 18% *investment* pada 2018. Lebih 17 Bilion pada tahun 2019, keadaannya atau kadarnya hampir 50-50. Ataupun lebih tinggi sedikit, kadang-kadang kan. Yang pelaburan asing dan pelaburan tempatan ia bertukar-tukar macam begitu. Sebab itu negeri Selangor masih lagi tempat rujukan dan juga menjadi tempat tumpuan dengan kemampuan dan keadaan infrastruktur, serta keutuhan ekonomi serta kedudukan logistik dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua, selain daripada sektor industri apakah sektor-sektor yang juga menarik perhatian pelabur untuk melabur di negeri Selangor Darul Ehsan? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Taman Medan. Saya sebutkan tadi, sebenarnya yang nombor satu yang saya sebutkan tadi ialah di Selangor adalah sektor perkhidmatan. 60% daripada gig ekonomi, pelaburan ataupun hasil negeri adalah melalui sektor yang dipanggil sektor perkhidmatan/*services sector*. Kita lihat *Food Panda*, *Grab Food* dan juga perkhidmatan-perkhidmatan lain itu contoh sahaja sebab banyak lagi perkhidmatan penghantaran logistik. Negeri Selangor 60%nya

daripada sektor perkhidmatan. Kita juga ada sumbangan sekitar 6-7% daripada sektor pembinaan sebab itu Kerajaan Negeri melaksanakan beberapa ubahsuai dalam tempoh 2 tahun supaya sektor pembinaan dalam dikekalkan. Sektor pertanian sekitar 1.5%, pengkuarian tidak sampai 1% sebenarnya, daripada gig ekonomi negeri Selangor secara keseluruhan. Justeru, di negeri Selangor memang negeri pengindustrian tetapi industri kita sudah mula bergerak ke sektor perkhidmatan. Dan ini adalah sebahagian daripada *natural development* ataupun pembangunan lumrah bagi sebuah negeri maju yang beralih sektor pembuatan ke sektor perkhidmatan. Dan juga, sebahagiannya teknologi tinggi saya bagi contoh *Western Digital*. *Western Digital* kita telah mengalihkan kilangnya dan kita mungkin kelihatan seperti hilang peluang pekerjaan tapi dalam masa yang sama *Western Digital* membuka *research development* nya yang berada di Petaling Jaya menjadi tumpuan asia tenggara. Sebagai contoh walaupun kita kehilangan *mass labour* dalam konteks-konteks tertentu tapi kita dapat kualiti *resources, human resource* yang datang membuat kajian yang diadakan di Asia Tenggara, paling tidak di peringkat rantau *Asean*. Dan ini adalah menjadi contoh bagaimana daripada *mass labour* menghasilkan sesuatu produk-produk yang jelas di mata sebaliknya menghasilkan *research* dan kajian yang boleh digunakan dan bernilai peringkat dunia ataupun *trans broader*. Konsepnya ataupun kualiti dan perkhidmatan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, selain daripada menarik pelaburan untuk sektor pembinaan, *sector manufacturing, sector services* adakah Kerajaan Negeri akan melabur usaha untuk menarik pelaburan dalam bidang infrastruktur contohnya aset air, aset pengangkutan awam dan sebagainya untuk tahun hadapan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Kita terbuka dengan perkara-perkara tersebut tetapi yang paling Kerajaan Negeri yang paling penting harus mengambil kira *public interest* ataupun kepentingan awam sebagai *priority* utama. Sebab apabila ia melibatkan kepala infrastruktur awam seperti mana jalan, air, elektrik dan pelbagai perkara yang lain di bawah kelolaan Kerajaan Negeri kita kena ingat ia juga harus di lihat dari segi kos. Bila dilihat dari segi kos ia akan meningkat dari segi tarif ia akan meningkat dari segi beban rakyat dan keseluruhan. Sebab itu daripada segi industri lain kita berusaha bersungguh-sungguh mengambil keseluruhan supaya Kerajaan Negeri mempunyai kata akhir untuk memutuskan sesuatu keputusan yang boleh diseimbangkan dengan kesesuaian suara hati dan semangat masyarakat dan rakyat. Namun kita perlu realistik. Kalau kita tidak realistik akhirnya kita akan terperangkap dengan *policy games* dengan izin. Sebab itu dengan persoalan tarif dan



sebagainya ada kemungkinan-kemungkinan tertentu kita harus melihat dan menilai semula kalau tidak keseluruhan industri atau sektor itu akan berdepan dengan masalah yang kritikal namun Kerajaan Negeri sentiasa melihat dari masa ke semasa, waktu ke waktu supaya kepentingan awam ini menjadi *priority* utama dan tidak mudah untuk *code uncode* penswastaan dengan terlalu *obvious* atau terlalu tergesa-gesa dan akhirnya melibatkan berkepentingan yang melibatkan kos awam yang lebih besar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya ingin bertanya tentang strategik dan juga kedudukan Selangor khususnya Malaysia amnya dalam menarik pelaburan asing yang mana apa yang berlaku sekarang *transit* akan berlaku di mana Kingdom ia menarik diri daripada kesatuan Eropah dan barangkali mereka akan menentangi banyak lagi perjanjian dengan negara-negara Komanwel dan Amerika Syarikat dengan republik China ramai pekilang-pekilang atau *manufacture* yang berteknologi tinggi dan akan menarik diri daripada Tanah Besar, China dan melabur ke perantau asia tenggara termasuk daripada pelabur dari Taiwan, Jepun, Amerika Syarikat dan sebagainya. Jadi saya bertanya, apakah Selangor menempatkan yang bersesuaian untuk menarik kemasukan mereka khususnya mereka yang mempunyai pengalaman pengilangan produk-produk yang teknologi tinggi seperti apa yang dikatakan tadi *Western Digital* daripada Taiwan telah pun membeli aset mereka di Sungai Way dan barangkali kita akan dapat menghasilkan sebuah negeri atau negara penghasil *server manufacturing* yang terutama di dunia kerana **Vistro** kekuatannya pada *server manufacturing*. Termasuk juga, adakah kita mampu menarik syarikat seperti *Google*, *Facebook* untuk *set up regional headquarters* di Malaysia, di Selangor. Apakah kekuatan kita? Apakah kelemahan kita? Adakah kita telah pun terlibat usaha untuk mengatasi kelemahan kita. Jadi itu soalan saya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Banting ini memang strategik yang kita cuba laksanakan dari masa ke semasa. Kalau kita masih ingat di masa tumpuan hampir di kala 60%, 70% fokus kita di tahun 2015, 2016 dan 2017 dalam sektor aeroangkasa ataupun sektor penerbangan di negara kita. Kita telah meningkatkan sebenarnya daripada 62% keseluruhan industri penerbangan dalam negara kita kepada hampir ke 70% pada akhir tahun lepas ya. Pada akhir tahun lepas, Disember tahun lepas, hampir 70% hasil kegiatan industri *aviation* atau *aerospace* industri di Malaysia adalah berumah di negeri Selangor. Dan, kemudian apabila kita mengukuhkan dan memberikan satu penumpuan yang khusus dalam *smart state* ia sebenarnya turut menarik *technology companies* juga syarikat-syarikat yang berkaitan dengan teknologi membuka perkhidmatan dan juga industri mereka di sini antaranya Huawei. Saya sendiri bersama Yang Berhormat EXCO pergi ke Shenzhen kita sendiri bertemu wakil daripada syarikat-syarikat berkaitan untuk meminta mereka

datang. Malahan inisiatif Kerajaan Negeri itu juga turut menarik pelaburan-pelaburan tempatan ataupun syarikat-syarikat tempatan. Boleh saya sebutkan, kita mendapat taklimat daripada Kwasa Land sebagai contoh mereka ingin membuka dan memberi contoh bagaimana *full* teknologi ada satu syarikat yang akan membukanya serta turut di Kwasa Land yang bertempat di Shah Alam dan juga di Petaling Jaya. Sebelum ini Cyberjaya sebagai contoh. *Selangor Business Capital* juga mencirikan dan merealisasikan tersebut. Sebab itu dalam lawatan ... dan lawatan kita ke negara China, Huawei sebagai contoh kita membawa bersama PKNS. Sebab PKNS supaya juga faham pembinaan bandar-bandar baru selepas ini dan *locality-locality* baharu juga berteraskan kepada teknologi dan bandar pintar supaya ia sama menepati cita-cita negeri. Ia juga dapat menarik pelaburan-pelaburan baru serta kedatangan dan juga kehadiran industri-industri baru. Apa yang disebut oleh Banting sebentar tadi memang sangat tepat. Kita kadangkala mengambil kesempatan atas perang China dan Amerika Syarikat dan daripada situ sebenarnya banyak kilang-kilang ingin hendak mengeluarkan diri daripada China supaya produk-produk mereka dapat dipasarkan. Walaupun hasil dan usahanya ada di China. Walaupun Sijangkang membangkitkan sebagai contoh kilang *recycle* kertas antara yang terbesar di Asia Pasifik, nombor 5 dan nombor 6 yang kita bawa itu adalah contoh pelaburan-pelaburan yang bernilai tinggi dan *investment* nya hampir 2 ataupun lebih daripada 2 Billion yang telah berjaya ditarik oleh Kerajaan Negeri terutamanya di kawasan Teluk Datok dan kawasan persekitaran Kuala Langat yang telah mengerakkan dan menggetarkan ekonomi di Kuala Langat. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan berikutnya. Permatang.

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA WARGA EMAS**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah yang diambil oleh JKM dalam membantu warga emas yang tidak berkemampuan, terutamanya warga emas yang mempunyai anak dewasa tapi tidak mampu memberi sumbangan dalam menyara kehidupan warga emas tersebut.



**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tuan Timbalan Speaker, sebenarnya soalan ini adalah soalan yang sama dengan soalan 99 daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang yang telah dijawab, saya pohon.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya silap.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Memang soalannya sama, sebijik saya percaya Yang Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok baik. Soalan telah dijawab ya. Soalan 99. Soalan berikutnya, Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan 120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : SELANGOR FRUITS VALLEY**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri huraian terhadap prestasi kewangan Selangor Fruits Valley dengan penekanan diberi kepada perancangan produk-produk pelancongan pada masa depan serta strategi untuk menarik lebih ramai pengunjung ke SFV.

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM:** Terima kasih Yang Berhormat Banting. Tuan Timbalan Speaker, soalan Yang Berhormat Banting berhubung dengan Selangor Fruit Valley. Aspek berkaitan pelancongan dan juga kemajuan di tempat berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Selangor Fruit Valley adalah merupakan satu kawasan pembangunan pertanian dan juga eko pelancongan yang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri. Dan untuk prestasi kewangannya untuk tahun 2020 perbandingan dari Januari - Ogos 2020 mencatatkan pendapatan sebanyak RM 1.275 Juta.

Keuntungan sebanyak ialah pada RM209,600 bagi tahun ini peningkatan 18 % berbanding pada tempoh yang sama pada 2019 iaitu RM176,705. Dia ada peningkatan 18% tapi ini adalah prestasi keseluruhan sebab dia ada 2 komponen di sini, satu ialah urusan berkaitan dengan pertanian iaitu menyewa atau membangunkan produk-produk pertanian, satu ialah Agro Pelancongan jadi ini keseluruhannya prestasinya. Walaupun kalau di tengok pada teliti prestasi pada Agro Pelancongan ini agak rendah ini yang banyak memberi keuntungan adalah daripada sewaan tanah ataupun produk pertanian di sana. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan Negeri melalui PKPS kita memang memberi tumpuan untuk bagaimana untuk meningkatkan lagi aspek Agro Pelancongan kerana potensinya sangat besar di situ. Jadi ada berapa langkah yang kita telah ambil dan kita akan ambil bagi memperkemas dan meningkatkan lagi prestasi Agro Pelancongan di Selangor Fruit Valley. Antaranya kita meningkatkan atau memperkemas dari segi produk-produk pertanian di sana. Contohnya ialah bagaimana buah-buahan kita memastikan pertamanya ialah supaya buah-buahan ini yang tidak bermusim ini ditingkatkan kerana apa kalau orang pergi Fruit Valley buah tak ada, tak adalah *fruit* nya itu. Namanya pun Fruit Valley. Jadi masalahnya sekarang ke kadang musim-musim buah ini kalau yang bermusim ia tidak kena dengan *timing* cuti-cuti ataupun cuti sekolah bila ada pelancongan. Jadi masalah orang datang buah tak ada, memanglah kita boleh ambil buah daripada luar tapi kalau untuk jualan itu bolehlah tapi kalau dalam laluan di sekitar *track* di dalam kawasan kalau tak ada buah nampaknya tak melambangkan Fruit Valley itu.

Jadi kita telah tingkatkan penanaman buah-buahan yang tidak bermusim juga tanaman-tanaman bernilai tinggi tahun dulu-dulunya tidak boleh diperolehi tidak boleh ditanam di kawasan-kawasan rendah ini kawasan rendah antaranya ialah anggur yang kita telah menggunakan teknologi tanaman rendah memang di tanam dan saya lihat InsyaAllah tahun hadapan Ahli Yang Berhormat semua boleh melawat untuk melihat dan memetik buah-buahan anggur ini yang telah pun berjaya pada fasa pertama tapi peringkat percubaan. Kawasan ini bukan kecil ya, kawasan besar kita bangunkan tanaman anggur ini. *Low land* yang berteknologi yang kita gunakan daripada Sabah, dan juga tanaman-tanaman bernilai tinggi lain seperti *golden melon* pun telah pun dibangunkan di situ dan telah mula mengeluarkan hasil dan juga tanaman sayuran bermutu tinggi seperti *salad* atau pun *red coral salad* sebagainya ini merupakan juga tarikan telah pun dibangunkan tempat berkenaan dan boleh dilawati. Banyak lagi akan bangunkan di sana, juga dari segi pelbagai jenis haiwan ataupun unggas yang telah dibuat seperti ayam kampung dan juga itik telur sesuai dengan pendekatan rumah kampung yang kita telah perkenalkan produk di sana juga tambahan sokongan lain yang sedang dipertimbang akan dilaksanakan ialah pembangunan chalet yang telah pun kita sedang teliti untuk pelaksanaannya dan juga program-program aktiviti keluarga seperti Jom Makan Buah-Buahan dan pertandingan memasak kita dan pelancongan sikit.

Kita telah mengadakan juga promosi yang agak agresif di media sosial dan media massa dan tentulah tekanan kesan daripada COVID, pandemik COVID ada sedikit sebanyak memberi kesan daripada jumlah kedatangan pelancongan tapi, tapi pelancongan tempatan pun agak ramai yang berkunjung di Fruit Valley ini. Juga termasuk juga kerjasama strategi dengan Tourism Selangor yang telah kita laksanakan dan juga kerjasama atas talian melalui *Booking.com* dan MATTA Fair juga peningkatan infrastruktur termasuk *tram* dan jalan-jalan di sana dan satu lagi yang kita telah bangukan untuk dipertingkatkan dengan kadar yang sangat dengan pelaksanaan yang agak agresif juga untuk tahun ini dan tahun depan ialah pengeluaran kelulut bagi Selangor Fruit Valley yang terkenal merupakan kelulut Akasia. Kelulut Akasia ini berbeza dengan kelulut lain yang agak masam, tapi Akasia ini memang manis dan dia sentiasa, dia tidak memerlukan musim untuk pengeluaran kelulut ini, madu kelulut ini dan kita akan menjadikan itu sebagai salah satu produk premium bagi Selangor Fruit Valley untuk, sekarang ini kita pun dan ada beberapa pengusaha di kawasan berkenaan yang kita mempunyai kawasan hutan yang agak luas di situ Akasia yang boleh kita jadikan produk ini salah satu produk tarikan pelancongan dan juga produk menambah hasil bagi Selangor Fruit Valley. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya terima kasih. Saya ingin bertanya pada EXCO di mana saya kurang setuju bahawa Selangor Fruit Valley banyak membuat promosi kerana ini pernah saya iaitu jarang kita dengar ada promosi daripada PKPS terhadap Selangor Fruit Valley ini dan saya terpesona terdengar jawapan daripada Yang Berhormat EXCO dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah perbelanjaan peruntukan daripada Kerajaan kepada PKPS untuk membangunkan dengan lebih pesat lagi bahagian Agro Pelancongan atau pun orang kata *Leisure Farm* yang sangat popular dan di saya percaya *Republic of China* atau Taiwan juga New Zealand. Sekarang ini orang dengar sahaja *Leisure Farm* dia akan dua negara ini sahaja, New Zealand atau pun ke Taiwan. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO kita kata pusing Selangor dulu semua orang tak boleh keluar negara baik kita belanja wang kepada Kerajaan kepada PKPS untuk membangunkan sektor Agro Pelancongan ini termasuk durian, manggis, harum manis. Yang Berhormat harum manis masih ingat lagi, kita tanya juga apakah ia boleh ditanam di Selangor Fruit Valley, musang king boleh tak? Di Selangor Fruit Valleh ni. Tanam di situ kemudian tarik pelancong, tarik sepatutnya pergi ke Raub ke Bentong kita pusing sini dulu, dekat, jadi soalan saya?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Banting kepada aspek durian king, harum manis, InsyaAllah tahun ini kita ada harum manis jangan takut tapi setakat hanya negeri Perlis yang boleh mengeluarkan harum manis, tapi

saya boleh menjadi perhubunganlah daripada negeri Perlis dan Selangor ini tidak ada masalah. InsyaAllah. Cuma yang dalam untuk perhatian juga maklumat kepada Yang Berhormat antara dasar saya sebut dasar pertanian negeri Selangor ini salah satu daripada komponen 5 itu ialah, kalau ingat ialah aspek Agro Pelancongan adalah merupakan komponen penting dalam mana-mana juga pembangunan. Agro ataupun pembangunan pertanian di negeri Selangor ini memang kita jadikan dasar begitu, jadi mana-mana pembangunan yang kita nak buat ini termasuk roselle di Sungai Tawar, nanas di Sungai Panjang kita akan bangunkan semua ini mengambil kira akan perlunya aspek Agro Pelancongan bermakna fasilitinya kena ada. Sebagai contoh saya bagi tahu Fruit Valley ini kita dapati bila kita tak bangunkan dengan berlandaskan kepada keperluan Agro Pelancongan kita buat *green houses*, jadi pelancong datang dia nak buah ini kita boleh masuk. Jadi dia dari segi bio sekuriti dia akan *problem* banyak pokok akan mati sebab masing-masing masuk, berapa ramai masuk dia bawak penyakit. Jadi sebab itu kalau kita bangunkan 10 *green houses* kita buat yang ke 11 itu khusus untuk dia orang masuk, yang lain dia orang tidak boleh masuk jadi barulah ada galeri-galeri benda ini telah pun kita masukkan dalam semua aspek pembangunan termasuk di Fruit Valley yang telah sedang kita bangunkan kelulutnya, yang nanas, yang anggur dan juga yang golden melon tadi itu yang salad itu pun kita bangunkan begitu. Cuma dari segi publisiti itu ialah salah proses dan saya akui memang masih lagi lemah, saya bekerjasama dengan mantan Yang Berhormat Selat Klang dari masa dia jadi EXCO lagi aspek pembangunan Fruit Valley ini tapi masih tahap yang rasa-rasa boleh ditingkatkan lagi bagi memastikan tersohor kedudukan. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya kita ada sebelah Fruit Valley ini, dia sebelah berkembar itu beratus ekar durian yang sedang di dah setahun lebih dah sedang diusahakan dan InsyaAllah lagi satu dua tahun kita mempunyai ladang durian yang luas di situ di bawah PKPS. Sebahagiannya di bawah PKPS yang kita akan juga merupakan tarikan tapi harum manis minta maaf setakat ini, kajian dibuat saya mendapat maklumat ada di Selangor ini pokok bukan setakat benih daripada Perlis dia bawa tanah Perlis sekali nak tanam tapi masih tak berjaya untuk menghasilkan buah yang sewangi dan semanis dia harum manis di Perlis, dia setakat buah itu ada tapi dia tak harum dia tak manis, jadi itu yang jadi masalahnya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih pada EXCO yang memberikan penerangan yang begitu menarik tentang Selangor Fruit Valley. Saya dah lama tidak masuk ke Selangor Fruit Valley cumannya saya membayangkan kalau boleh, cuma tak tahu ada ke tidak sekarang telah ada atau tidak di Selangor Fruit Valley iaitu kalau Selangor Fruit Valley tanam bunga-bunga juga. Contohnya Bougainvillea pelbagai jenis, pelbagai jenis bunga raya pelbagai jenis bunga-bunga orkid yang ada banyak di seluruh negara dan juga pelbagai jenis hydrangea dan juga ada juga benih-benih untuk dijual ia sebab saya

kira ramai wanita-wanita yang masuk ke Fruit Valley selain daripada mereka ingin merasai buah-buahan kalau ada jualan pokok-pokok bunga juga ia nya lebih menarik jadi mungkin itu sebagai salah satu pada nilai tambah kepada Selangor Fruit Valley terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Itulah kebimbangan kita ini, kena tukar namalah pula pada Fruit kepada Flower Valley pula. Tak apalah tapi sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat memang ada cuma tidaklah dalam peringkat yang agak agresif luaslah kita ada herba pun ada. Pelbagai jenis herba memang ada di situ yang memang di tanam dan juga bunga tapi tak banyak herba banyak lagi. Memang ada dibuat sebagai sebahagian daripada produk tarikan pelancongan dan kita pun ada buat makmal untuk kajian *tissue culture* pun ada dibangunkan di situ. Jadi banyak benda yang berlaku juga saya kita akan pertingkatkan lagi semua ini dan saya akan memberi pertimbangan kepada cadangan bunga-bunga ini untuk dia juga sebahagian daripada komponen dalam apa nama ini pembangunan Agro Pelancongan di sana. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI** : Baik, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang terhormat EXCO adakah Selangor Fruit Valley juga menitik beratkan aspek penyelidikan, untuk menghasilkan sesuatu yang bukan merupakan produk yang selari dengan keadaan iklim negara pada yang minggu lepas saya ada melawat kebun komuniti ada penghasilan satu jenis buah tin, yang sebenarnya lebih sinonim dengan iklim mediterranean dan buah aprikot, jadi adakah Selangor Fruit Valley juga melakukan penyelidikan terhadap produk-produk yang tidak sinonim dengan keadaan iklim negara kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih. Jadi saya sebut tadi, contohnya macam apa nama *tissue culture* itu antara aspek-aspek penyelidikan yang kita bangunkan dan untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya buah tin memang di situ memang ada diusahakan dah sekian lama memang ada ditanam dan diusahakan di Fruit Valley. Kita mempunyai kawasan di situ seluas lebih 980 hektar sangat luas kawasan Fruit Valley ini. Kita dari masa ke semasa melihat dari segi guna tanah supaya dia membawa hasil pulangan yang tinggi, moden dan juga mesra alam itu merupakan satu proses yang berterus hingga kita bangunkan. Dan satu lagi yang akan saya sebutkan tadi banyak melibatkan banyak penyelidikan dan akan merupakan satu-satunya tempat pelaksanaan sistem piawaian bagi madu. Sebab ini kita di Malaysia madu ini tidak kawal oleh mana-mana piawaian atau standard, di Fruit Valley inilah kita mula laksanakan pembangunan atau pengurusan aspek pelaksanaan kelulut, madu kelulut ini dengan sistematik memenuhi piawaian yang kita telah pun siap di bawah persatuan-persatuan yang saya telah hubungi yang terlibat dengan madu kelulut untuk jadikan itu sebagai satu-satunya projek perintis pelaksanaan sebab madu kelulut ini untuk makluman sebahagian besar di luar adalah

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

banyak yang merupakan tiruan terutama madu yang biasa ini, ini madu makan bukan madu lain jangan faham, merujuk kepada madu betul ini. Madu lebah ini kalau ikut kajian 80% di pasaran adalah merupakan *fake* atau pun merupakan tiruan dan madu kelulut agak susah sikit dalam 30 40% tiruan jadi kita nak pastikan bila ada keluaran ini yang premium daripada Fruit Valley ini dia merupakan yang asli original. Itu benda itu hanya boleh dibuat kalau kita ada standard piawaian yang telah diluluskan di bawah Sirim, itu yang menjadi isunya, jadi kita akan pastikannya begitu. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan usul 22 tahun 2020. Usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Tua untuk menyambung penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat. Saya suka untuk mengimbas kembali supaya kita memahami keseluruhan apa yang dibangkitkan dalam Laporan *Public Account Community* ataupun PAC yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang semalam.

Antara *core* dan isu yang harus kita faham, semenjak daripada tahun 2016 sampailah Julai tahun 2019, Yayasan Selangor tidak mempunyai Pengurus Besar, dengan izin ataupun CEO, yang memandu serta memberikan peringatan-peringatan tertentu kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk meluluskan sesuatu dokumen-dokumen penting. Dan pada ketika itu, beberapa mesyuarat tidak dapat diadakan. Namun begitu, daripada rekod yang saya ada di sini, tahun 2016, ada 2 kali mesyuarat yang dilakukan. Iaitu pada 01 Mac 2016 dan satu lagi mesyuarat, itu adalah Mesyuarat Khas yang tidak boleh dianggap dan disahkan sebagai Mesyuarat Ahli-ahli Lembaga Pengarah pada 2016. 2017, ada satu sahaja mesyuarat, iaitu mesyuarat khas. Tetapi tidak ada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

Tahun 2018, ada dua mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang telah diadakan iaitu pada Januari 2018, masa Bukit Antarabangsa menjadi *chairman*. Dan pada 26 September 2018, saya telah mempengerusikan kali pertama Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Selangor, dan melihat isu-isu yang berkaitan termasuk tentang hala tuju, kepimpinan, *management* dan pengurusan Yayasan Selangor. Kemudian pada 2019, kita ada empat mesyuarat. Mesyuarat kali ke-110 pada 14hb. Februari. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, Mesyuarat Khas Ahli Lembaga Pengarah, kita adakan dua kali, iaitu pada 29 Mei dan 14 Julai. Dan satu mesyuarat Ahli Lembaga lagi. Maknanya dua mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada 19 Disember tahun



## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

2019. Dalam mesyuarat 19 Disember itulah, kita mendapat laporan daripada Jawatankuasa Audit yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri yang mendapati bahawa beberapa dokumen-dokumen seperti laporan akaun beraudit tidak dihantar kepada SSM. Dan juga beberapa dokumen-dokumen tidak dapat dilunaskan dan diselesaikan. Dan sebab itu bila dilihat kepada perkara itu, Pengurus Besar baru yang dilantik pada Julai lepas, telah meneliti keseluruhan dokumen-dokumen. Dan kita kenal pasti pada Januari 2020, bahawa masalah-masalah itu perlu kita selesaikan dengan segera. Sebab itu pada tahun 2020, kita hanya ada satu Mesyuarat Lembaga Pengarah. Kita *hold* kan semua itu, sampailah mesyuarat Lembaga Pengarah terkini pada 7 Oktober, setelah urusan-urusan itu selesai.

Pertama, pada, semalam saya sebutkan, pada Mei 2020, kita sudah menghantar surat kepada SSM dan juga pengesahan peletakan jawatan Ahli-ahli Lembaga Pengarah terdahulu dan digantikan oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah terbaru. Dan perkara itu hanya dimaklumkan, pada September 2020. Dan 5 November, kita baru disahkan senarai nama Ahli Lembaga Pengarah terbaru itu, setelah kita membayar beberapa *fee* dan juga dendaan-dendaan yang melibatkan kerana kelewatan-kelewatan pembayaran. Yang kedua, tentang laporan beraudit, sudah pasti. Disebabkan kita, laporan itu ada di dalam akaun, tetapi tidak disahkan di dalam mesyuarat. Itu saja. Tetapi kita telah menyemak balik, bila telah dibangkitkan oleh Pegawai Kewangan Negeri, pada September ataupun dalam pada tahun 2019, dan kita telah ambil tindakan bersekali diantara pendaftaran Ahli-ahli Lembaga Pengarah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ataupun SSM. Dan kita telah siapkan sebenarnya daripada tahun 2016, 2017, 2018 dan 2019. Semuanya telah beraudit dan telah disahkan oleh agensi auditor bertauliah. Dan kita hanya menunggu untuk Disember ini, untuk mesyuarat Agung, dalam perlembagaan Yayasan Selangor, kita perlu mengadakan Mesyuarat Agung. Sebelum ini Mesyuarat Lembaga Pengarah pun satu dua, apatah lagi Mesyuarat Agung tak pernah berlaku. Dan Kita, InsyaAllah *by* Disember ini, kalau saya nak jawab pertanyaan Ijok, ada atau tak lagi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengesahkan, hal ini telah di ratifikasi dan diselesaikan.

Apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, apabila mengatakan bahawa segala keputusan-keputusan itu tak sah. Pada mesyuarat 7 Oktober, kita telah meneliti semula, beberapa keputusan-keputusan yang dibuat, termasuk hal-hal yang berkenaan dengan penjualan-penjualan aset. Dan kita telah meminda semula keputusan tersebut, supaya penjualan-penjualan aset in dilakukan dengan tender terbuka ataupun dengan pengurniaan tender yang akan diisytiharkan selepas minit mesyuarat 7 Oktober itu disahkan kelak dalam mesyuarat yang seterusnya.

Ahli Yang Berhormat sekalian, bermula Januari 2020 lagi, pihak pengurusan telah memastikan kepatuhan Yayasan Selangor terhadap undang-undang peraturan SSM dan keduanya tentang Lembaga Hasil. Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 7 Oktober, yang saya sebut tadi, semua urusan proses kemas kini selesai di SSM dan

telah meluluskan ratifikasi, semua minit-minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, Resolusi Pekeliling serta tindakan korporat yang telah diambil.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya mohon agar pihak Yayasan Selangor mempertimbangkan semula berkenaan dengan penjualan aset Yayasan Selangor ini. Saya rasa sekiranya berlaku, tidaklah perlu sehingga melibatkan 77 unit. Kerana pada penelitian kami, sewaktu PAC, pendengaran PAC, Yayasan Selangor mempunyai aset bernilai lebih kurang RM800 Juta. Daripada aset RM800 Juta, kita dapati sebanyak RM300 Juta projek di Kampung Pandan sedang berjalan dalam tempoh 7 tahun. Maksudnya Yayasan Selangor akan dapat duit, RM300 Juta dalam tempoh 2019 sehingga tujuh tahun ke depan. Jadi saya rasa dengan penjualan aset yang begitu banyak, saya rasa, ia tidak menampakkan satu keputusan yang baiklah. Kalau nak jual, kena diberitahu, apakah berlaku pembelian lain. Tetapi kalau untuk dijual hanya untuk pengurusan, kami dapati tidak perlu. Dan ada juga beberapa projek yang sedang berjalan seperti, saya ada dapat beberapa projek yang akan berjalan dan sedang berjalan. Jadi saya rasa tak perlulah sampai 77 unit. Dan daripada 77 unit itu juga, saya tengok ada beberapa yang aset yang sebenarnya untung. Bukan rugi untuk dijual.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat sekalian. Terima kasih. Saya memang nak jawab untuk persoalan itu. Namun biar saya selesaikan bab sikit nanti. Memang kebetulan nota saya, kebetulan tentang isu itu. Namun saya selesaikan isu bab pengurusan ini. Sudah pasti pihak pentadbiran Kerajaan Negeri sangat menitik beratkan *good governance*, dengan izin. Dan sudah pasti semenjak daripada 2018, 2019, dan sampailah awal 2020, memang kita sedang meluruskan *governance* bagi Yayasan Selangor kerana walau bagaimana baik dan impak *good* ataupun kesan yang telah kita curahkan tetapi kalau kita tidak diikuti oleh *good governance* yang sebenarnya berturutan lagi daripada kes-kes tahun sebelum itu, tahun 2015, 2014 dan kes-kes yang berkaitan dengannya. Tapi itu semuanya diikuti mesyuarat Lembaga Pengarah, semua diikuti. Tetapi keputusan-keputusan tidak membawa kebaikan dan keuntungan termasuk di Bukit Bintang dan sebagainya dan mengakibatkan kita berada dalam keadaan kerugian dan tidak tepat segala perbelanjaan yang diberi. Hanyalah pada tahun 2018, seingat saya di mesyuarat kali pertama 2019, 2018, saya telah dibentangkan. Rupanya telah dibincangkan di peringkat jabatan masing-masing. Timbalan ataupun Pemangku pada ketika itu sedang menguruskan, Kampung Pandan, Bukit Bintang, pembinaan di Kelang, pembinaan di Shah Alam dan beberapa tempat-tempat yang lain. Tapi tidak boleh selesaikan bila Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan. Dan pada 2019 itulah kita telah membuat keputusan untuk melaksanakan perkara-perkara tersebut. Dan hal ini, jangan takut, telah di ratifikasi ataupun telah dibetulkan secara pentadbirannya dalam mesyuarat pada 7 Oktober. So, saya selamatkan itu dulu. Dari segi pendaftaran dan sebagainya selesai, dan sebenarnya sememangnya kita tahu daripada awal, malahan perkara ini mula dikesan apabila jabatan audit ataupun jawatankuasa audit telah mengenal pasti tentang hal



tersebut seawal 2019 dan diikuti proses yang diambil. Cuma biasalah daripada Mei sampai September, 4 bulan dan masuk PAC bulan tujuh, jadi perkara ini dibangkitkan. Namun begitu, tidak ada, *no hide*, tidak ada sebarang yang kita selindungi. Yang pentingnya kita dapat, selesaikan dan dapat pastikan Yayasan Selangor yang berusia 50 tahun, tahun ini, dapat mengembalikan serta melaksanakan tugas dengan baik kepada rakyat negeri Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Memandangkan Yayasan Selangor merupakan sebuah perbadanan yang sangat penting dan mustahak untuk negeri Selangor dan dulu ada kegemilangannya, dan baru-baru ini kita mengalami kelemahan yang besar dan sebagainya. Jadi saya rasa, apa salahnya kalau kita cuba satu eksperimen. Kita lantik ADUN-ADUN yang berkepakaran dan berpengalaman untuk masuk ke Lembaga Pengarah. Kita buat satu eksperimen, tengok macam mana kesannya, kesan positifnya. Kalau boleh, kita boleh dipanjangkan cara ini kepada GLC-GLC yang lain, kerana saya rasa dengan ADUN-ADUN yang ada pengalaman dan juga kepakaran, besar kemungkinan kita boleh *improve* lah, kita boleh memperbaiki *performance* ataupun prestasi semua GLC-GLC termasuk Yayasan Selangor. Masa sudah sampai kita memandang serius. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Sungai Pelek. Sebentar, saya nak jawab pulak, belum sempat jawab dah soalan kedua. Kebetulan notanya berturut, macam tengok nota saya. Berkenaan dengan pembangunan hartanah di Kampung Pandan yang bernilai RM300 Juta dalam tempoh 7 tahun. Sebenarnya ini perkara yang telah kita putuskan pada tahun 2019. Sebagaimana saya maklum tadi, pegawai-pegawai kita, Timbalan Pengarah pada ketika itu, Timbalan Pengurus Besar, telah mula bekerja daripada urusan ini, dan kita *endorse* pada tahun 2019. Namun begitu, apa yang ingin saya maklumkan, bahawa pembangunan Kampung Pandan akan memberi pulangan kepada Yayasan Selangor bermula akhir tahun 2024. Sehingga tahun 2027. Akan digunakan untuk peruntukan pendidikan Selangor ataupun pendidikan Yayasan Selangor. Yayasan Selangor hanya menerima *minimum* bayaran sebanyak RM15 Juta untuk tempoh 4 tahun, iaitu daripada tahun 2019 hingga tahun 2024, untuk pulangan daripada projek pembangunan Kampung Pandan yang akan mengambil jangka masa panjang dan bukan dalam aliran tunai semasa. So, daripada tahun 2019 sehinggalah tahun 2024, nilai yang dibayar adalah sekitar RM15 Juta setiap tahun kerana konsep pembayarannya adalah *staggered payment*, dengan izin. Pada ketika ini sudah pasti, nilai hartanah ataupun tarikan terhadap industri pembinaan masih lagi dianggap kecil dan tidak serancak pada tahun 2016, 2017, apatah lagi pada tahun 2019. Sudah pasti kerana COVID-19. Justeru pihak-pihak pentadbiran Yayasan Selangor melihat yang ingin dijual ini adalah aset-aset yang tidak strategik. Yang tidak mempunyai nilai yang besar kepada keuntungan negeri. Dalam belanjawan lepas, saya sebut, dalam pembentangan, dalam sidang Dewan

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

yang lepas, saya sebutkan, kita hanya dapat RM2 Juta. Sedangkan nilai yang kita dapat jual secara keseluruhannya sebenarnya adalah sebanyak RM59 Juta daripada penjualan aset-aset ini. Dan setakat ini kita telah dapat menjual sekitar RM6 Juta, RM6.6 Juta. Daripada proses tender yang akan kita kemukakan, ataupun kita akan muktamadkan dengan segera yang hampir pasti. Yang lain, ada nilai RM50 Juta lebih itu, masih lagi dalam proses supaya ia dapat dilakukan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kenapa saya sebutkan tidak strategik, sebab *holding cost* nya terlalu tinggi. Dan ia bukannya satu tahun ditanggung oleh pengurusan Yayasan Selangor. Bagi kita, Yayasan Selangor tu, ada dua mata, yang pertama untuk unsur pendidikan. Alhamdulillah, setakat ini masih lagi konsisten, melahirkan pelajar-pelajar cemerlang, memberikan peluang biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar. Dan juga dapat meneruskan pengurusan aset-aset yang bernilai tinggi.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya mohon agar pihak Yayasan Selangor menilai balik penjualan Kondo Uni Tower dan Kondo Puncak Ara. Kerana daripada dokumen yang kami dapat, pulangan melibatkan 75%, kos hanya 25%, maksudnya untung. Untung dia 75% dan kos cuma 25%. Manakala Kondo Puncak Ara, pulangan sebanyak 73%, manakala kos hanya 27%. Jadi mohon yang ini, agar diberi pertimbangan semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Kita akan lihat balik Kondo University Tower, kita ada 25 unit, Kondo Puncak Ara, kita ada 14 unit. Nilai yang dinilai RM17.1 Juta untuk Kondo Uni Tower dan Kondo Puncak Ara adalah RM6.3 Juta. Untuk pada ketika ini, sebenarnya, Kondo Uni Tower daripada 25, tiga (3) lebih kurang, bernilai RM2 Juta, telah hampir pasti dalam prosesnya dan Kondo Ara, kosong (0), tak ada lagi. Tak, Puncak Ara masih lagi kosong. Namun begitu, saya akan ambil, tengok dan kita akan lihat balik kalau ada nota ini, untuk kita tengok balik dan saya akan laporkan nanti bila ada pertanyaan dalam sesi Dewan yang akan datang, apakah wajar ataupun tidak. Namun begitu, yang penting, *consistency* dan juga *sustainability* kepada kedudukan Negeri Selangor ataupun Yayasan Selangor harus kita pertahankan dan apa yang kita kena tengok ialah keseluruhan. Saya akan laporkan ada *indirect cost*, *indirect cost* ini termasuk yang dipanggil sebagai *holding cost*. Kalau kita lihat daripada apa yang dapat daripada Yayasan Selangor, itu adalah nilai kos ataupun modal yang dipuratakan kepada bangunan-bangunan tersebut. Kalau kita lihat sekali imbas, dah balik modal tetapi dia ada *holding cost*, *renovation cost*, ataupun *maintenance cost* yang harus ditanggung oleh pihak Yayasan Selangor terhadap aset-aset yang dibangkitkan dan sebab itu kita letakkan kepada aset-aset ini, aset-aset yang kurang strategik atau menambah nilai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD. FAKHRULRAZI BIN MOHD. MOKHTAR :** Yang Amat Berhormat, saya nak tanya tentang Bangunan Yayasan Selangor, yang Parti Bersatu duduk di Petaling Jaya tu, sebelah Amcorp Mall tu, dia bayar sewa kepada Kerajaan Negeri atau tidak?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Pengerusi Bersatu Selangor tak ada (Ketawa). Tanya Ahli Bersatu lain. Kalau tak ada, esok saya halau (Ketawa). Apa? Ha, nanti dia buat *statement* lah. Tapi, kita sudah pasti akan kenakan sewa yang sepatutnya, itu pun kita tak halau walaupun dah berbeza parti sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itu pun serang bukan-bukan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu, bila kita tengok *holding cost* itu, kita kena, kita kena tengok keseluruhan. Saya, tidak ada angka yang jelas di sini tapi saya difahamkan ada *indirect cost*, ya, *maintenance cost* dia dan sebagainya yang harus kita laksanakan dan selesaikan.

Untuk makluman, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan penjualan aset strategik pada 19 Disember 2020 serta penjualan aset tidak strategik 2019 sebenarnya, serta penjualan aset tidak strategik ini adalah mengikut proses yang telah diluluskan dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah pada 7 Oktober, bagi meneruskan penjualan baki aset tidak strategik ini melalui proses tender ataupun sebut harga terbuka yang akan dilaksanakan oleh pihak Yayasan Selangor. Berkenaan dengan kedudukan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Selangor, komposisi Ahli Pemegang Amanah ataupun Ahli Lembaga Pengarah yang kita fahami, Yayasan Selangor secara umumnya telah ditetapkan dalam Tatawujud dan Tataurus, *Memorandum and Article of Association* Yayasan Selangor ataupun M&A yang telah ditetapkan pada 1970-an lagi, iaitu setahun penubuhan Yayasan Selangor. Justeru, pihak kami berpandangan bahawa sebarang pelantikan Ahli-ahli Dewan sebagaimana yang dicadangkan oleh Sungai Air Tawar disokong oleh Jeram dan juga dibangkitkan oleh Sungai Pelek sebentar tadi, haruslah melihat kembali kepada Tatawujud dan Tataurus M&A yang telah ditetapkan pada tahun 70-an lagi. Jawatankuasa Ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Insan, Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Tender pada 19 Disember dan Piagam Ahli Lembaga Pemegang Amanah pada 7 Oktober 2020 untuk memantau serta memastikan pengurusan Yayasan Selangor menjalankan tanggungjawab untuk mencapai objektif penubuhan tersebut.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan Pelan Indeks ataupun Pelan Tindakan Strategik pada 19 Disember, yang diyakini mampu menaikkan kembali kekuatan serta imej Yayasan Selangor. Maknanya 19 Disember 2019, kita telah melihat semula daripada segi SOP, Prosedur Kendalian Standard, ataupun SOP, *Standard Operating Procedure*, Tadbir Urus Korporat, Pengurusan Risiko, *contingency*, penambahbaikan operasi, pengurusan dan kemampuan kewangan. Ini aspek-aspek yang diambil kira secara keseluruhan untuk memastikan segala pengurusan dan pentadbiran Yayasan Selangor dapat dilaksanakan dengan baik. Jawatankuasa menggesa Ahli Lembaga

Pengarah di kalangan Ahli Dewan Negeri akan boleh dilihat kembali jika kita dapat melihat kembali Tatawujud dan Tataurus ini yang sebahagiannya boleh diputuskan bukan dalam Ahli Lembaga Mesyuarat Pengarah tetapi dalam Mesyuarat Agung. Dalam Mesyuarat Agung dan Yayasan Selangor ini ada pelik pula. Dia ada ahli, ada ahli pula. Ahli ini ada yang meninggal pun. Ada 31 orang ahli ya, jadi kita kena perbetulkan perkara-perkara ini, *InshaAllah*, kita akan perbetulkan dan kita akan laksanakan supaya Mesyuarat Agung dapat dilaksanakan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sabar Kuang. Saya tertarik ya sebelum saya nak bagi pandangan, tertarik dengan soalan Meru semasa kita memanggil PAC tempoh hari, saya bertanyakan juga berkenaan dengan Parti Bersatu yang sewa di Bangunan Yayasan itu. Jadi, dimaklumkan bayar sewanya cantik. Jadi, saya beritahu pada Yayasan, kalau dia mampu bayar, naikkan lagi sewa saya kata supaya menjadi sumber pendapatan yang bagus. Saya nak minta Yang Amat Berhormat tolong tengokkan juga input saya semalam dalam perbincangan mengenai pengurusan dan juga pembiayaan itu sendiri. Dalam pembiayaan itu, saya mendapati apabila penduduk datang untuk mendapatkan pengesahan pemastautin ya, sebab biasiswa ini perlu diutamakan kepada anak Selangor yang pertamanya, yang keduanya, selain daripada pemastautin, kita kena pastikan juga dalam syarat itu juga pengundi di Selangor, kerana benda itu tidak terdapat dalam Peraturan itu sebab kita dah tahu *limit* kita punya peruntukan yang sedia ada, jadi sasaran untuk kita nak membantu tu biarlah tepat pada golongan itu. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih atas saranan daripada Yang Berhormat Jeram, tapi yang sebahagiannya pelajar, mungkin mak bapa dia boleh lah mengundi. Kalau pelajar-pelajar ini umur 16 tahun, 15 tahun, tak daftar lagi tapi kita akan tengok balik kepada kesesuaian, kalau ia berpatutan. Tetapi, sebagaimana yang saya faham dan saya yakini, bahawa Institusi Pendidikan ini, kalau boleh kita jangan *politicise* kan. Kalau kita terlalu politikkan nanti dia jadi lebih berat dan sukar untuk mencapai cita-cita kita tapi kita juga berhati-hati dan sentiasa terbuka dan kita tidak mudah diperkotak-katikkan. Sebagai contoh, bila tuisyen rakyat, saya buka pintu kepada Jabatan Pendidikan dan, malahan saya jumpa Menteri pula, saya beritahu saya tak akan gunakan ini sebagai platform politik. Tetapi, kalau ada halangan-halangan, kita tidak boleh buat apa, setakat apa yang kita ada, setakat ini baik. Harapnya berjalan dengan lebih baik lah, sementara tinggal dua (2) majoriti di Parlimen itu. Kalau ada banyak, nanti dia berlagak pula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebab itu bila dibangkitkan tentang hal-hal lain, tentang Lembaga Pengarah, pendaftaran syarikat dan secara keseluruhannya, saya boleh nyatakan bahawa semua yang telah dibangkitkan itu telah diratifikasi ataupun dilaksanakan. Apakah kita tak ada masalah? Kita ada masalah. Apakah kita tak sedar? Sebenarnya, kita lebih sedar daripada awal. Semenjak daripada Januari, kalau boleh saya sebutkan, semenjak apabila kita lantik Pengurus Besar dan kita lihat

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

balik bab pengurusan. Biasanya apabila suatu ambil alih itu dibuat, kita akan pergi ke pengurusan dahulu supaya hal pokok ini dapat dilihat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Yang Amat Berhormat

**TUAN SPEAKER :** Silakan Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya ingin bertanya berkenaan dengan status Bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang. Kita pun maklum bahawa bangunan itu adalah satu mercu tanda kejayaan Kerajaan Selangor yang telah dibina pada tahun 1980-an. Tetapi, sehingga kini, bangunan ini saya rasa masih dibiarkan kosong, daripada tahun 2015 saya rasa. Dan sehingga sekarang ni, kita tidak nampak apakah perancangan Kerajaan Negeri ataupun Yayasan Selangor sendiri dalam mengembalikan kegemilangan bangunan tersebut di Bukit Bintang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuang tadi ada berbahas sewaktu Perbahasan? Tak bahaskan? Jadi, pihak Kerajaan nak jawab pun boleh, tak nak jawab pun boleh. Terpulang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya kena jawab sebab ini antara perkara yang selalu disebutkan sebab ia memang, dengan jelas memang nampak, bila kita ke Kuala Lumpur, dia jadi satu nampak, nampak *eyesore* di depan kita itu. Memang perkara ini daripada awal lagi. Daripada 2009, 2010 kita nampak benda ini. Dan sebenarnya, 2019 dalam mesyuarat yang saya sendiri mempengerusikan, kita telah meluluskan supaya ia ada usaha sama dengan syarikat swasta dengan projek RFP yang telah dilaksanakan oleh MBI membantu untuk pengurusan Yayasan Selangor pada ketika itu, untuk pembinaan ataupun menaik taraf kembali kepada bangunan tersebut. Namun, ada dua (2) sebab, PKP, sudah pasti terhenti seketika. Dan yang kedua, disebabkan pula oleh masalah-masalah SSM yang disebutkan daripada Januari tadi, dan selepas 7 Oktober, kita *ractify* balik keputusan itu, baru kita boleh teruskan semula ataupun melakukan negosiasi semula terhadap projek-projek yang dibangkitkan. Ada atau tak ada, dah ada sebenarnya, di Kampung Pandan, di Klang, di Shah Alam dan juga tidak ketinggalan di Bukit Bintang ya, di Bukit Bintang. Ini antara empat (4) yang telah kita putuskan semenjak daripada 2019 tetapi terhenti seketika semenjak daripada Januari tahun 2020 kerana kita *rectify* ataupun menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan sebagaimana dalam laporan PAC. Ada apa?

**TUAN SPEAKER :** Ya, sikit lagi.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, berkenaan

dengan yang mana sebelum ini, perkara ini berlaku dalam keadaan sedar. Tapi, saya ingin bertanya adakah pihak Yayasan sebenarnya sedar? Sebelum ini, Yayasan Selangor dah pun menjual harta rumah berkembar di Taman Templer Bestari, yang mana pada waktu ketika itu penilaiannya adalah RM1.2 Juta tetapi rumah ini dijual pada harga RM800,000.00 kepada Encik Azwahir Bin Mohd Sabiruddin. Saya tak pasti penjualan ini adakah dibuat secara *open tender* ataupun ia hanya penjualan secara rundingan. Jadi, saya rasa benda ini perlu dilihat, lebih-lebih lagi Yayasan Selangor nak jual pula sejumlah aset bernilai 77 unit yang melibatkan 11 *item*. Saya tengok, benda ni banyak jadi kita pun tahu banyak sebelum ini perkara-perkara seperti penjualan-penjualan ini yang akhirnya boleh mengheret kepada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat kepada perkara-perkara yang tidak diingini. Dan itu juga nasihat daripada pihak SPRM bila melibatkan penjualan yang banyak ni, perlu berhati-hati. Sebelum ini, kita tengok melibatkan, bukan Yayasan lah, benda-benda lain, yang melibatkan pembelian, melibatkan penjualan, sekiranya ia tidak diuruskan dengan betul, akhirnya ia akan menyebabkan pihak Yayasan Selangor boleh terheret kepada isu penjualan haram.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau daripada *report* yang kita ada, untuk Semi-D Templer Bestari ini, adalah bernilai dalam *valuation professional* yang telah kita buat bernilai RM1 Juta namun begitu, kita juga meletakkan 20% diskaun kepada Penjawat-penjawat Awam dan nama yang mungkin disebutkan itu adalah, salah seorang Penjawat Awam di PBT dan juga di Kerajaan Negeri, yang kita letakkan diskaun ini dan dapat menyelesaikan dan juga melupuskan aset-aset ini kebetulan aset-aset ini telah bertahun-tahun tidak disewa ataupun telah hampir rosak dan binasa sebenarnya, ataupun banyak kerosakan-kerosakan yang perlu ditanggung oleh pihak ini. Dan apa yang berlaku sebenarnya ialah pihak itu ataupun pihak terbabit, saya tak pasti dia telah memaklumkan kepada PKNS keinginannya untuk membeli dan kita kemukakan tawaran dan berlaku tawaran dengan pihak pembeli terbabit. Itu satu aset yang dibangkitkan. Sebab itu, saya sebutkan lagi sekali bahawa masalah, kita dah *rectified*, akaun kita telah selesai, hanya perlu Mesyuarat Agung menjelang Disember, harapnya tidak ada lagi kekangan-kekangan, kalau lepas Mesyuarat Agung, sebenarnya kita boleh berjalan sebagaimana biasa dan kita dapat meluruskan kembali apakah dia projek-projek dan juga bangunan-bangunan ataupun isu-isu yang berkaitan dengan Yayasan Selangor termasuk proses pembinaan yang dibangkitkan pada tahun, yang di Bukit Bintang tadi ya, ia akan siap sebenarnya menjelang 2022. Mungkin kita kena tengok balik dengan sebab PKP dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya tertarik ya berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sebab itu saya kata tadi, penjualan bangunan ini sepatutnya ia ditenderkan. Dan kita tahu hari ni Yayasan Selangor ada masalah kewangan sebab



tu saya nampak Yayasan Selangor perlu bijak lah mengurus bukan mengambil langkah dengan menjual aset dilihat untuk menyelesaikan masalah masa terdekat ni dan kita tengok penjualan tu banyak jumlahnya besar. Jadi saya nampak ianya tak, satu tindakan yang bukan satu tindakan yang tepat lah. Lebih-lebih lagi kita tahu Yayasan Selangor pun ada projek, 300 Juta yang akan dapat walaupun tadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebutkan dalam tempoh beberapa tahun kemungkinan dalam tempoh 2 tahun lagi tapi kita lihat sebenarnya ada dah pembayaran tahun lepas saya tengok daripada Projek Kampung Pandan tu dapat lebih kurang dalam 9 Juta pembayaran yang telah dibuat dan mungkin ada lagi pembayaran-pembayaran jadi kenapa perlu jual satu jumlah yang begitu besar dalam keadaan terburu-buru, melibatkan satu jumlah yang banyak. Lepas tu kita tengok tawaran tendernya dibuat secara *first come first serve*. Jadi sebab itu kita tengok ada perkara-perkara yang dilihat tidak kena.

Sebab itu saya beri teguran. Mungkin kita *check* tengok pula kadar mesyuaratnya sangat berkurangan. Tahun 2019, hanya satu kali walaupun Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ada memberitahu tetapi data yang kita dapat adalah data hasil daripada pendengaran yang PAC buat pada tempoh hari. Ianya adalah data yang diberi sendiri oleh CEO Yayasan Selangor. Jadi kalau ianya tak tepat maknanya itu, data yang tidak tepat diberi oleh CEO Yayasan Selangor. Sebab itu saya tengok, kalau perlu selepas ini dilihat penambahkan kepada Ahli Lembaga Pengarah. Ianya perlu dilakukan sebab Ahli Lembaga Pengarah ni sangat penting. Dia yang akan memutuskan setiap perkara yang akan dibuat oleh CEO yang dilantik oleh Yayasan Selangor dan kita pun faham dulu daripada Pengurus Besar hari ni dah lantik kepada CEO dah pasti nak buat satu perubahan yang lebih baik lah, saya kira tetapi perlu dilihat, kita tak nak kerana ada hanya lima orang Ahli Lembaga Pengarah ni terdiri daripada CEO - Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Kewangan, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor dan Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan. Saya takut ia tak mencukupi. Masing-masing sibuk sebab itu apa salahnya buat penambahan.

Masukkan di kalangan Ahli Dewan, saya bersetuju. Di kalangan mantan, anak Yayasan Selangor yang duduk dalam profesional pun boleh didudukkan di dalam Yayasan Selangor ini untuk sama-sama mentadbir berlaku semak dan imbang dan sama-sama menimba ilmu untuk membangun anak syarikat di Negeri Selangor ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Saya nak ulang balik bahawa aset-aset ini kita kenal pasti tidak strategi dah bertahun-tahun dan kalau disebutkan ia membawa kelonggan sampai 75%. Bukanlah 75% keseluruhan, dia ada *holding cost*, saya *repeat* balik. Dia ada kos-kos tersembunyi yang terpaksa ditanggung dan sebagainya. Berkenaan dengan proses ini saya dah sebut ia ada melalui proses tender terbuka dan ia telah di-*ractify* balik bahawa kita harus melalui tender terbuka dan yang disebutkan tadi saya akan semak balik secara terperinci apa kah berlaku



ataupun tidak sebab daripada keseluruhan yang dilaksanakan itu adalah di sekitar 10 hingga 14 aset-aset ini yang telah terjual melalui proses yang terawal dan ini adalah perkara-perkara yang telah kita *ractify* dengan harga dengan persekitaran dan juga dengan justifikasi-justifikasi yang terbabit. Jadi ia tidak melalui *first come first serve* lagi dah ia adalah tender terbuka. Ia adalah melalui proses yang disemak melalui *valuation, valuer-valuer* yang bertauliah dan kita dapat rekodnya ia telah membebankan di samping projek-projek berjalan. Kalau dibangkitkan lagi sebab kita memang dapat 9 Juta. Kemudian daripada tahun 2019 sampailah tahun 2024 kita akan dapat 15 Juta tiap-tiap tahun. 15 tu tak cukup mungkin hanya cukup untuk wang pembelajaran dan pengajian anak-anak kita yang ditanggung oleh Yayasan Selangor.

Menarik tentang cadangan Ahli Lembaga Pengarah Profesional dan sebagainya itu kita boleh buat dengan menggubah tatacara dan Tatawujud tadi yang telah ada sejak daripada tahun 1970. Saya *repeat* balik, *since 1970's*. Sejak 50 tahun dulu, itu lah Tatawujud dan tatacaranya. Kalau ada perubahan, saya pun tak ada masalah, kita pun dah terbiasa. Yayasan, Perbadanan ada wujud wakil Kementerian pun bersama-sama dengan kita kerana setelah beberapa tahun Yayasan telah berkembang dan menjadi dua mata. Satu untuk pendidikan kita teruskan, satu lagi pengurusan aset. Dan Pengurusan Aset itulah yang bukan hanya melibatkan bangunan-bangunan, kita juga ada ladang-ladang. Ada ladang kelapa sawit dan sebagainya yang terus mendatangkan hasil sebagaimana pentadbiran Yayasan Selangor.

Jadi, dua arah ini perlu diletakkan satu yang memahami hampir keseluruhan ataupun paling tidak ada menjaga aset-aset ini kerana aset-aset ini merupakan nilai yang sangat tinggi yang telah kita wariskan untuk pelaburan kepada pendidikan anak-anak sekalian.

Jadi, saya percaya saya telah menjawab hampir kesemua. Hah!..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Sikit lagi.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Apa yang kita kena tekankan dalam pengalaman panjang sumbangan Yayasan Selangor dalam Pembangunan Pendidikan di Selangor dan Malaysia adalah tentang kepimpinan yang telah ditunjukkan. Pimpinan Yayasan Selangor pada masa yang lepas mentadbir sebagai Pengurus Besar selama 8 tahun, 9 tahun dan 10 tahun. Pengalaman yang lama dan apabila kita mengambil alih Kerajaan Pakatan Harapan, Pakatan Rakyat mengambil alih tempohnya singkat, 4 tahun, 2 tahun dan ada gap yang paling dahsyat daripada tahun 2016 sampailah kepada Pilihan raya yang berikutnya. Kita kehilangan pimpinan yang *direct* tetapi oleh kerana ada SOP. Saya kira kita-kita yang iktiraf ada SOP. Walaupun dulu dipimpin oleh pengurus-pengurus yang lama tempohnya tetapi ada

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

SOP yang baik, benda tu cantik. Buktinya, apabila tidak ada Pengurus Besar pada tahun 2016, kami melawat JP-ABAS, kita dapati bahawa ada pemangkunya seorang wanita. Seorang wanita, berkesan. Dan dia, *worry* dia, kerisauan dia adalah dia tidak dapat tarikh daripada MB pada masa tu untuk adakan *meeting* Lembaga. Itu *problem* dia. Tapi dari segi SOP semua cantik.

Jadi saya tidak ada risau untuk *revise* balik apabila kita tengok dari segi aset baru Yayasan Selangor bila Dato' Menteri Besar mengambil peranan sebagai Pengerusi yang bertanggungjawab itu jalannya. Program berjalan, apa berjalan dan saya tahu Yayasan Selangor akan *reborn* kepada sesuatu yang lebih baik, pada yang lebih berjaya dengan adanya SOP yang telah merupakan tradisi dan itu boleh dikemukakan dalam laporan kita hari ini, dia menyatakan begitu. Kita adalah satu Yayasan yang telah berjaya. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Sebab itu dalam perancangan strategik di antara perkara yang kita titik beratkan tadi adalah SOP kerana SOP-SOP ni semuanya mungkin telah agak uzur dah lama, dah tidak *updated* dengan izin, dan tidak dikemas kini jadi kita kemas kini mengikut piawaian-piawaian tertentu bagaimana pengurusan-pengurusan syarikat tertentu dan sebagainya dengan pengurusan korporat supaya titik keseimbangan ini berlaku sebab saya sebutkan tadi kalau kita lihat Yayasan Selangor kita akan ingat asrama pelajar, mahasiswa.

Tapi kita juga ingat Yayasan Selangor ada *building*, ada bangunan yang harus diuruskan dengan cara dan kaedah yang baik cara serta cara dan kaedah yang paling mantap lah. Jadi terima kasih kepada PAC, saya percaya apa yang dibangkitkan itu dan memang dalam pengetahuan Kerajaan Negeri dan beberapa *update* atau kemas kini terhadap isu-isu yang dibangkitkan itu tetapi isu pokok yang paling penting pengurusan Yayasan Selangor masih ada, masih wujud dan sebenarnya kita telah selesaikan isu-isu yang berbangkit dan sebagainya adalah daripada yang telah disebutkan.

**TUAN SPEAKER :** Dah cukup dah, cukup.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tak boleh?

**TUAN SPEAKER :** Dah cukup dah, cukup. Silakan. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi :-  
"Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (*Public Account Committee*) PAC bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan Yayasan Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 35 Tahun 2020.

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**.

Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya. Usul No. 21 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI** : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (*Public Account Committee*) PAC bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan Majlis Sukan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 36 Tahun 2020.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Sekalian, isu secara amnya PAC telah meneliti Majlis Sukan Negeri Selangor seperti yang terdapat dalam teguran Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2018. Isu secara amnya termasuk Pengurusan Kewangan MSNS dan kedua penyediaan dan penyelenggaraan fasiliti sukan.

Yang pertama, Pengurusan Kewangan MSNS – Bagi Tahun 2016 hingga 2018, MSNS telah menerima peruntukan berjumlah RM29.57 Juta untuk penyaluran bantuan kewangan dan teknikal. Gaji jurulatih serta keperluan peralatan kepada Persatuan Sukan. Pencapaian perbelanjaan program pembangunan sukan tahun 2016 adalah cecap, berdasarkan peratusan perbelanjaan sebanyak 91.4%. Bagi tahun 2017, prestasi perbelanjaan menurun kepada 78.7%. Bagi tahun 2018, MSNS telah berbelanja sebanyak RM11.99 Juta berbanding peruntukan berjumlah RM7 Juta. Ini menunjukkan lebih perbelanjaan sejumlah RM4.99 Juta ringgit atau 71.3%. Bagaimanapun MSNS had peruntukan bagi setiap jenis sukan. Unit kewangan memaklumkan lebih perbelanjaan berjumlah RM4.99 Juta telah menggunakan baki peruntukan pada tahun 2017. Lebih perbelanjaan pada tahun 2018 antaranya disumbangkan oleh bayaran bantuan latihan atlet, bayaran bantuan kejurulatihan dan perbelanjaan persediaan SUKMA yang melebihi anggaran asal yang diluluskan. Keduanya yang ditegur oleh Laporan Ketua Audit Negara ialah penyediaan dan penyelenggaraan fasiliti sukan. Antara fasiliti yang ditegur oleh laporan termasuk:-

- (i) Pusat Latihan Bola Keranjang di Batu 11, Cheras.
- (ii) Pusat Latihan Jim Rama di Seksyen 6, Shah Alam.

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

- (iii) Asrama Pusat Latihan Angkat Berat, Batu 18, Hulu Langat, dan
- (iv) Pusat Latihan Sukan Layar, Batu Laut di Kuala Langat.

Bagi yang terakhir, isu yang dibangkitkan termasuk penggunaan dan penyimpanan peralatan sukan Pusat Latihan Sukan Layar di mana Persatuan didapati tidak melaksanakan susunan teratur untuk peralatan di Pusat Latihan Angkat Berat mereka. *Disc* yang digunakan pecah ataupun rosak. Ada *bar* yang telah berkarat dan platform yang telah rosak turut ditempatkan dalam kawasan latihan tersebut. Dimaklumkan bahawa MSNS tiada peruntukan sebaliknya memberi tumpuan untuk membeli peralatan sukan berskala besar berikutan peruntukan yang terhad. Secara ringkasnya juga, 4 kerja berjumlah RM1.81 Juta telah disiapkan melebihi tempoh yang ditetapkan dengan kelewatan antara 37 hingga 168 hari.

Bagaimanapun, pada masa tu tiada denda lewat dikenakan bagi kesemua 4 kerja tersebut memandangkan tiada klausa pengenaan denda dinyatakan dalam surat setuju terima. Semakan mendapati kontrak kerja menaik taraf padang bola sepak, Akademi Bola Sepak Merah Kuning ABMK bernilai RM269 Juta, eh *sorry*, RM269, RM215 telah ditamatkan pada 16 November 2018. Penamatan tersebut adalah disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan walaupun telah diluluskan lanjutan masa sebanyak 4 kali selama 238 hari.

Setakat tarikh lawatan Audit pada bulan Januari 2019, tiada pelantikan kontraktor baru bagi menyiapkan kerja tersebut. Namun pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit dengan menyatakan komitmen untuk menambah klausa berkaitan denda terhadap kontraktor yang memungkirkan kontrak. Di samping itu kekurangan peruntukan menyebabkan kerja-kerja membaik pulih padang ABMK tidak dapat diteruskan.

Ahli-ahli Dewan boleh mendapatkan perincian teguran Laporan Ketua Audit Negara dan tindakan MSNS dari penyata yang di terbit. Meneliti isu berbangkit, Jawatankuasa PAC telah membuat keputusan untuk membuat lawatan tapak ke Kompleks Sukan Sukses di Seksyen 6, Shah Alam dan Akademi Bola Sepak Merah Kuning di Sungai Buloh pada 28 Ogos 2020.

Jawatankuasa juga berpeluang berbincang dengan Tuan Mohd Nizam Bin Marjuki iaitu Pengarah Eksekutif merangkap Setiausaha Lembaga Pengurus MSNS *on site* dengan izin. Pertama bagi Kompleks Sukan SUKSES, Seksyen 6, Shah Alam asalnya ditadbir oleh Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (DEFM). Bangunan Kompleks terdiri daripada Pusat Latihan Gimnastik, Dewan Latihan Silat dan Gim yang berkongsi ruang dengan Pusat Rawatan Atlet. Kompleks Sukan SUKSES baru diserahkan kepada MSNS tetapi MSNS tidak menerima peruntukan daripada DEFM dan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan. Antara isu yang diteliti semasa lawatan itu termasuk :-

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Pertama, kebocoran pada bumbung-bumbung di Dewan Gim dan Silat serta Pusat Latihan Gimrama. Dinding dan siling Pusat Latihan Gimnastik telah berkulat dan menjadi risiko kesihatan kepada atlet. Kedua, sebahagian lantai dalam Pusat Latihan Atlet Gimrama telah rosak seperti parket tercabut kerana lantai kayu itu dipakai sejak tahun 1970 dan dimakan oleh anai-anai. Sebahagian pula lantai Pusat Gim di Dewan Latihan Silat tidak berkarpet dan boleh meningkatkan risiko kecederaan atlet. Di dewan latihan silat, peralatan gim lama telah berkarat. Peralatan gim dan Pusat Rawatan Atlet dalam keadaan baik. Akibat PKP, Pusat Rawatan Atlet terpaksa ditutup kerana MSNS tidak mampu membeli peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan membekalkan perkhidmatan seperti urut dan fisioterapi. Bagi pengurusan dan penyelenggaraan Akademi Bola Sepak Merah Kuning pula tertakluk di bawah MOU antara MSNS dan Persatuan Bola Sepak Melayu Selangor (PBMS). MOU ini berkuat kuasa pada 1 September 2019 sehingga 31 Ogos 2029 iaitu bagi tempoh 10 tahun. Pada 29 Jun 2020, pihak PBMS telah mengemukakan surat penarikan diri disebabkan wabak COVID-19. Atas nasihat peguam, pihak MSNS telah mengemukakan notis kemungkiran bertarikh 24 Julai 2020 kerana tiada klausa yang menyatakan PBMS boleh menarik diri atas sebab yang diberikan.

Sehubungan itu, PBMS telah membalas notis kemungkiran dengan persetujuan meneruskan pengurusan dan penyelenggaraan AMBK serta menjelaskan semua tunggakan. Pada masa ini kerjasama antara adalah MSNS, PMBS dan *Cyberlink International College*. Akademi Bola Sepak Merah Kuning juga dikosongkan dan terbiar sejak Mac 2020 kerana Pasukan Bola Sepak telah dibubarkan akibat kesan ekonomi COVID-19 dan PKP kepada MSNS. Isu-isu lain yang di perhati semasa lawatan tapak termasuk kerja-kerja membaik pulih padang bola sepak di ABMK gagal disiapkan walaupun kelulusan lanjutan masa telah diberikan sebanyak 4 kali atas faktor masalah laluan masuk, cuaca, pembekal rumput dan pemasangan jaring dan pagar. Justeru itu, surat penamatan kontrak kerja kepada Anjung Rimbu, Anjung Rimbun, maaf, telah dikeluarkan dan penamatan tersebut berkuat kuasa pada 16 November 2018.

Kedua, tanah runtuh di *reserve* milik Kerajaan Negeri yang masih tiada ada tindakan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam, MSN, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Tanah/Daerah sejak surat makluman yang dikirim pada 10 November 2018. Lain-lain isu termasuk pagar di padang bola sepak ABMK telah runtuh. Rak ataupun lokar dalam bilik asrama telah patah dan harus diganti dan kebocoran pada bumbung di penghawa dingin telah mengakibatkan kerosakan karpet. Setelah lawatan tapak, perbincangan telah diadakan antara PAC dengan EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Yang Berhormat Mohd Khairuddin Bin Othman di mana jawatankuasa mengambil maklum bahawa bagi Kompleks Sukan SUKSES, walaupun ia diserahkan kepada MSNS dari DEFM, MSNS tidak menerima peruntukan daripada DEFM dan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan. Bagi Kerajaan Negeri, justifikasi ialah kerana aset sukan tadbir urus MSNS dan MSNS hanya bertanggungjawab dalam pembangunan program. Keduanya, MSNS tiada sebarang

sumber ekonomi dan mempunyai hutang operasi sebanyak RM20 Juta. Sehubungan itu, Perbendaharaan Negeri Selangor bersetuju untuk mewujudkan Tabung Amanah Sukan untuk mendapatkan sumbangan dan dana yang dijangka diperolehi daripada caj pembangunan dan *public private partnership* dengan izin. Ketiga, kawasan tanah runtuh ABMK di bawah bidang kuasa MBSA, peruntukan yang besar masih diperlukan. Secara keseluruhannya, masih kurang penambahbaikan sejak teguran Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2018. Saya pergi, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat kepada Bahagian 6, penemuan Jawatankuasa untuk penerangan yang lebih lanjut tetapi secara amnya apa yang kami mendapatkan ialah bahawa terlihat ada jurang komunikasi antara DEFM dan MSNS berkenaan pengurusan dan penyelenggaraan pusat-pusat sukan. Jawatankuasa juga mendapati pihak pengurusan MSNS perlu berada di dalam Lembaga Pengurus DEFM untuk memastikan penyelenggaraan *facility* dan aset sukan adalah berada di tahap yang terbaik dan kondusif untuk para atlet.

Ketiga, penemuan ketiga ialah PAC mendapati Akademi Bola Sepak Merah Kuning tidak dimanfaatkan sepenuhnya pada masa ini. Sedangkan ia berpotensi besar menjadi hab untuk kelahiran bakat muda bola sepak. Oleh itu, PAC mempunyai beberapa syor di mana Kerajaan Negeri memperuntukkan peruntukkan dana yang secukupnya kepada MSNS supaya MSNS dapat mencapai pencapaian yang cemerlang dalam semua kejohanan yang disertai dan juga untuk memastikan para atlet dapat berlatih dalam keadaan yang selamat dan tiada kecederaan yang datang kepada mereka. Yang keduanya, jawatankuasa juga mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyerahkan kembali aset sukan Kompleks SUKSES di Seksyen 6, Shah Alam kepada MSNS bersama peruntukan yang sewajarnya kerana MSNS lebih memahami keperluan dan kaedah penjagaan dan penyelenggaraan aset dan *facility* sukan. Ketiga, PAC mencadangkan agar Yang Berhormat, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan iaitu Yang Berhormat EXCO dilantik sebagai Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah DEFM.

Ini adalah bersesuaian dengan portfolio Yang Berhormat EXCO yang bertanggungjawab terhadap semua aspek pembangunan sukan. Selain itu, Pengarah Eksekutif MSNS juga wajar dilantik menjadi sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah DEFM di samping pihak profesional lain yang mahir dalam bidang pengurusan *facility* sukan dan yang terakhirnya Jawatankuasa PAC menyeru Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu *blueprint* dengan izin, komprehensif terhadap pelan pembangunan dan operasi Bola Sepak Merah Kuning agar ia menjadi *self sustaining* dengan izin dan mencapai objektif asal penubuhannya. Tuan Speaker saya mencadang.

**TUAN SPEAKER** : Ya, terima kasih Kampung Tunku, silakan.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI** : Tuan Speaker, saya menyokong.



**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada. 5 minit.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Seperti mana yang saya perkatikan dalam perbahasan saya tempoh hari. Saya melihat seolah-olah Kerajaan Negeri Selangor hanya pandai berbelanja tetapi tidak mampu mengurus. Saya baru sentuh berkenaan dengan Stadium Shah Alam pada perbahasan saya tempoh hari. Ini sekali lagi PAC buat penyata berkenaan dengan pengurusan aset Negeri Selangor berkenaan dengan sukan. Kita tengok asalunya Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan DEFM (Darul Ehsan Facilities Management). Saya tengok niat asalunya bagus, DEFM ini ditubuhkan untuk mengurus aset Negeri Selangor lebih-lebih lagi yang melibatkan sukan. Tetapi pelaksanaannya itu yang saya tengok gagal. Bila kita buat lawatan, Majlis Sukan Negeri Selangor dah tak lagi boleh mengurus aset, sebab sebelum ini ada ditubuhkan DEFM ini yang kononnya pada waktu, ketika itu untuk mengurus aset. Tetapi tak mampu mengurus aset.

Jadi, Majlis Sukan Negeri Selangor dia hanya merancang sukan. Tetapi bila ada perancangan yang baik, tetapi dari segi asetnya, tempat gimrama nya, keadaannya dia tak boleh, tak boleh nak urus. Jadi bila ada perancangan baik, tetapi tempatnya dalam keadaan tak baik pun tak mampu untuk melahirkan atlet. Jadi sebab itu saya harap Kerajaan Negeri perlu semak balik DEFM ini wajar lagi kah ya untuk di laksana sekiranya tidak, baik tutup, bagi sahaja terus kepada Majlis Sukan Negeri Selangor. Jadi, Majlis Sukan Negeri Selangor senang. Dia rancang, dalam masa sama apa-apa keperluan dia orang sendiri boleh *manage*. Begitu juga dengan Akademi Bola Sepak Merah Kuning. Saya buat lawatan. Amat mendukacitakan. Tak diurus dengan baik, saya tengok siling bocor. Bocor sebab apa? Sebab *aircond*. *Aircond* ini menitis sampai bocor hingga takungan, dia letak sahaja baldi sehingga ada jejantik. Nyamuk aedes ada di situ. Maknanya saya tengok, maknanya mungkin *aircond* ini terpasang dalam jangka masa yang lama. Tak dimatikan ke apa saya tak pasti. Maksudnya tak diurus dengan baik, sehingga air menitis. Begitu juga lokar, betul kita tahu COVID, jadi tak boleh beroperasi. Tetapi janganlah bila tak beroperasi dibiarkan terbiar sehingga berlaku kerosakan. Tak ada penjagaan. Jadi, saya tengok inilah kegagalan dari segi mengurus daripada pihak Kerajaan Negeri dan dari pihak Kerajaan Negeri memantau perkara ini.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Boleh celah?

**TUAN SPEAKER** : Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang ya, setuju atau tidak kalau dalam Persatuan Bola Sepak Selangor ini FAS dimasukkan ADUN-ADUN Selangor di dalam itu sebagai Ahli Majlis atau apa sahaja untuk memantau FAS ini.



**TUAN SPEAKER** : Bukan pemain ya?

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Saya setuju. Seperti mana yang saya perkatkan, dah sampai masa Kerajaan Negeri perlu memberi kepercayaan kepada di kalangan Ahli Dewan untuk sama-sama mencurahkan bakti ya, membina Kerajaan Negeri Selangor ini. Janganlah hanya orang tertentu, orang itu juga. Kita dalam PAC, kita tengok dah, kita dah tengok dah semua dah nama-nama Ahli Lembaga Pengarah ini, kebanyakannya hanya orang itu sahaja. Itu saya kata, ini ada kroni senang kata kroni. Kenapa orang itu sahaja. Adakah mereka ini tak layak ataupun Kerajaan Negeri dah tetapkan seolah-olah di kalangan ahli dewan ini tak ada integriti. Jadi saya rasa dah sampai masa perlu diberi kepercayaan lah untuk sama-sama buat semak dan imbang aset-aset Kerajaan Negeri ini. Ini tadi belum lagi berkenaan dengan hutang ya, Majlis Sukan Negeri Selangor menanggung hutang sampai RM20 Juta. Ini pun saya minta penjelasan lah. Kalau ada cepatlah tutup. Kita tengok boleh bagi apa nama UPM, Geran RM5 Juta, tolonglah ini. Majlis Sukan Negeri Selangor ini, ini yang penting, kata Selangor Negeri pengeluar atlet. Atletnya hebat, tapi kalau orang datang, ada pelancong datang nak tengok keadaan Negeri Selangor ini oh melahirkan atlet gimrama terbaik, buat lawatan, tengok Pusat Gimrama orang pun ketawa dengan kita. Jadi itu sahaja Yang Berhormat Speaker.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Ya, Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : 5 minit ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Cukup. Memandangkan saya pun saya salah seorang daripada ahli jawatankuasa, atlet itu sudah pasti.

**TUAN SPEAKER** : Atlet-atlet.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Itu sudah pasti.

**TUAN SPEAKER** : Pemain bukan ya pemain.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Pemain. Pemainlah. Atlet itu pemainlah. Jadi, setelah kita memanggil pegawai daripada MSN untuk kenal pasti kenapa tidak lagi Selangor tidak lagi berada di tangga teratas setiap kali SUKMA sejak kebelakangan ini? Jawapan yang diberikan ialah dari segi faktor kewangan. Jadi, kita kena lihat semula sejauh mana peruntukan yang diberikan oleh Terengganu umpamanya berada di tangga teratas. Tetapi dari segi soal *facility* yang ada di Terengganu berbanding dengan di Selangor, Selangor memiliki *facility* yang cukup

lengkap, lebih *advance*. Tetapi adakah faktor kewangan menjadi punca mundurnya ataupun ketinggalannya kita berbanding dengan Terengganu. Jadi soal itu kita kena perlu kenal pasti dan saya yakin dan percaya kemampuan EXCO Sukan kita yang memang hebat orangnya. Dia pun atlet juga itu. Dia selalu juga berhubung dengan saya untuk bertanya pendapat. Sebab saya pun atlet. Jadi kita selalu kongsi dan saya yakin dan minta Yang Berhormat daripada PAC beri ruang yang secukupnya dan memberikan sokongan yang padu kepada Yang Berhormat EXCO ya. Surat semalam jangan lupa, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ha, Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker, saya bila meneliti penyata yang dibentangkan oleh PAC ini, saya sebenarnya merasa amat sedihlah kerana begitu banyak fasiliti sukan yang ada di dalam Negeri Selangor ini diabaikan begitu sahaja. Ini baru penemuan oleh PAC, tetapi kalau kita pergi ke daerah-daerah di seluruh Negeri Selangor ni stadium kita pun tidak terjaga dengan baik. Peralatan yang ada dalam bilik-bilik, kawasan-kawasan terutama di luar bandar ni tidak terjaga dengan baik. Tidak ada *maintenance* la, tidak ada penyelenggaraan.. Dibiarkan makna ditinggalkan begitu sahaja. Perkara-perkara ini sebenarnya sangat serius lah, kita jangan duduk di dalam Dewan ini memandangi benda ini sebagai satu benda, yang apa, yang tidak memberi remeh. Jangan remehkan soal-soal sukan ini kerana kita di dalam sejarah SUKMA ni dulu, Selangor adalah sebuah negeri yang begitu sentiasa mendapat tempat yang pertama di dalam sukan, Majlis Sukan-sukan Negeri negara dalam setiap pertandingan. Tetapi sejak kebelakangan, bukan sejak kebelakangan, sejak 5, 10 tahun dahulu la kita dah mula menurun daripada segi pencapaian kita dalam bidang sukan, terutama bola sepak la. Bola sepak ni antara yang, saya ada 5 minit sahaja.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Yang Berhormat Kuang, setuju tak saya nak tanya. Yang Berhormat Kuang setuju tak sekiranya selepas ini kita mohon Yang Berhormat Paya Jaras selaku EXCO turun ke padang untuk tengok semua ini perkara-perkara ini. Saya tengok Sabak Bernam tu ada Pusat Latihan Tinju pun dah dalam keadaan uzur dah. Jadi saya rasa, setuju ye kalau kita minta DUN turunla.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya setuju dengan...

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sekarang PKPB. Jangan galakan turun sana turun sini, ke sana ke sini, ye jangan ingkar SOP. Kurangkan pergerakan.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Tuan Speaker saya rasa PKPB ni kita boleh lagi bergeraklah antara dalam daerah. Saya nak pergi Sekinchan pun masih boleh lagi, tapi saya setujulah dengan Sungai Air Tawar, supaya EXCO turun ke semua daerah di dalam negeri ini dan tengok dengan sendirilah dengan mata kepalaanya betapa kemudahan-kemudahan sukan kita ini diabaikan begitu sahaja. Dan

ini sangat serius, saya nak balik kepada syarikat yang mengendalikan yang dipanggil sebagai Darul Ehsan apa, DEFM tadi. Saya minta supaya kalau penubuhan ini menyekat seseorang di dalam *Memorandum Of Artical* saya minta supaya dipinda. Beri ruang kepada Yang Berhormat EXCO, terutama EXCO Sukan ini supaya mempengerusikan syarikat tersebut dan sekali gus struktur Majlis Sukan Negeri itu dirombak dan pastikan bahawa ia betul-betul berada tidak bercanggah dengan yang lain, betul-betul berada di bawah EXCO yang berkenaan. Jadi kita boleh *point at one finger* sahaja kepada seseorang. Sekarang ini kita tak tau nak *point* pada sapa, nak *point* pada Kuang pun, Kuang tak ada apa. Kita Bebas sahaja. Kita Bebas, jadi itulah saya amat bersetuju dengan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini dan dapatan-dapatan ini harus diambil perhatian dengan serius. Jangan abaikan terhadap perkara-perkara yang kita tengok *parquet* yang dah berapa? Daripada tahun 70an ke berapa ke, masih tak bertukar sampai sekarang. Apa nak jadi dengan kita punya, kita punya aset-aset negeri ni, kan. Jadi saya minta supaya perhatian yang bersungguh-sungguhla, saya minta Yang Berhormat Menteri Besar berikan peruntukan yang besarlah untuk kerja-kerja membaik pulih terhadap fasiliti-fasiliti yang kita tinggalkan itu. Sekian terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat daripada Bukit Tunku yang membentangkan Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) berkaitan Majlis Sukan Negeri Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan mengambil peluang ini sedikit sahaja berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan ini. Jadi, ini adalah suatu yang mengejutkan dan apabila perkara ini dibentangkan dan juga didedahkan. Jadi kita tahulah mengapa prestasi sukan Negeri Selangor semakin tahun semakin menurun kerana saya lihat berdasarkan dapatan ini kita lihat Negeri Selangor tidak mengambil serius berkenaan dengan pengurusan ataupun pembangunan sukan di Negeri Selangor, apa lagi kalau kita nak menghadapi SUKMA yang akan datang. Kalaulah perkara ini berterusan berkenaan dengan kebajikan atlet, pembangunan sukan dan juga prasaran fasiliti sukan yang ada di Negeri Selangor ini tidak diambil perhatian sepenuhnya. Maka kita akan sekali lagi menghadapi kegagalan membawa kegemilangan Negeri Selangor di persada sukan tanah air di peringkat SUKMA. Apa lagi kalau kita impikan Negeri Selangor ini ingin melahirkan lebih ramai atlet di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Kalau di peringkat negeri kita sendiri kita gagal memberikan perhatian yang penuh tentang kebajikan-kebajikan ya kita lihat ada berlaku keberhutangan, tangguhan bayaran dan sebagainya. Ini tidak sepatutnya berlaku apabila pihak Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk *outsource* ataupun melantik pihak ketiga iaitu DEFM ini sendiri sebagai pihak yang menguruskan. Jadi kita harap sangatlah perkara ini segera diselesaikan dan kita harap Majlis Sukan Negeri Selangor akan kembali membawa kegemilangan sukan di Negeri Selangor di masa masa akan datang selepas pihak kerajaan mengambil berat tentang perkara-perkara yang dibentangkan ini, itu sahaja terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, yang terakhir. Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) yang telah membentangkan penyata tentang aset-aset Majlis Sukan Negeri Selangor. Dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berapakah sebenarnya aset-aset ataupun fasiliti ataupun prasarana ataupun gelanggang sukan yang ada di bawah kawalan Kerajaan Negeri Selangor, di bawah PBT dan di bawah mana-mana NGO yang ada di dalam Negeri Selangor. Apa yang saya lihat ialah ini pemandangan saya secara peribadi, kita ini banyak bina macam-macam gelanggang, macam-macam fasiliti, macam-macam prasarana tapi kita tidak pernah kira apakah kos penyelenggaraannya pada masa akan datang. Dan kualiti gelanggang yang macam mana yang kita nak bina. Kalau kita tengok di kawasan di daerah-daerah di kawasan pentadbiran PBT, kawasan Pejabat Daerah, gelanggang-gelanggang seperti gelanggang futsal yang dibina kalau kita tengok kualitinya tidak sama *standard* antara satu daerah yang lain. Ada yang menggunakan *standard* yang tinggi, ada menggunakan *standard* yang rendah, jadi sebab itu kita kena kenal pasti balik sebenarnya berapa banyak aset-aset ataupun fasiliti ataupun prasarana ataupun gelanggang sukan yang ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor, di bawah PBT dan juga di bawah Pejabat Daerah ataupun mana-mana NGO yang ada kaitan dengan Kerajaan Negeri dan apakah kos penyelenggaraannya. Apakah kita mampu untuk menanggung semua atau ada tak gelanggang-gelanggang yang kita boleh swastakan dan kita kerjasama dengan pihak-pihak yang boleh memajukan. Dan ia bukan sahaja gelanggang ini kalau kita tengok dewan-dewan yang ada di PBT pun, ada gelanggang-gelanggang badminton, gelanggang-gelanggang sepak takraw pun ada, yang tidak berfungsi dengan baik. Untuk disediakan kepada, ya

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Boleh saya bertanya?

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Ya, Yang Berhormat Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Hujah yang menarik, tetapi apakah Yang Berhormat nak cadangkan, adakah Yang Berhormat nak seru Kerajaan negeri jangan bina fasiliti baru sehingga kita dapat *catch up* semua *maintenance* ini ataupun Yang Berhormat nak cadangkan kita nak bekalkan lebih duit kepada EXCO Sukan. Kalau nak bekalkan lebih duit kepada EXCO Sukan, nak potong duit yang mana.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Tak, sebab tu saya nak maklumkan sekiranya kita nak membina sesuatu fasiliti perlulah dikira juga kos penyelenggaraan-penyelenggaraan yang akan dijangka akan dibuat pada masa akan datang. Jangan kita seronok membina hanya semata-mata nak membina tetapi lepas itu ada gelanggang-gelanggang yang terbiar pun tidak digunakan. Dan apa nak jadi dengan fasiliti-fasiliti yang kita dah bina sebab itu ianya kelihatan uzur dan tidak dijaga dengan baik dan yang paling penting sekali setiap fasiliti itu yang kita lihat ni macam ada

syarikat yang mengendalikannya. Perlu betul-betul la syarikat yang profesional nak mengendalikannya sesuatu gelanggang itu bukanlah hanya semata-mata dibayar untuk tengok dan lihat sahaja tapi dia mesti tahu apa nak buat dan apa nak dilaksanakan terhadap gelanggang. So, pembaikan yang macam mana, penyelenggaraan yang macam mana yang perlu dibuat. Itu sahaja cadangan saya Yang Berhormat EXCO, kalau boleh perlulah ditambahkan yang apa ni, kos penyelenggaraan gelanggang-gelanggang ini supaya ia terus kekal lama.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN** : Boleh tanya?

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Dah nak habislah Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN** : Tanya sikit.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Okay-okay tanyalah, tanyalah.

**Y.B. TUAN LAU WEN SAN** : Tanyalah, sebab saya tertarik dengan perkataan profesional, sebab saya pun takut juga dengan perkataan profesional ini. Bila kita nak perkhidmatan yang profesional pastinya bayaran yang dikenakan itu profesional juga. Itulah kebimbangan saya sama ada kita mempunyai wang mencukupi untuk membayar secara profesional.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Yang Berhormat, boleh?. Saya rasa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Pelabuan Klang maksudnya Kerajaan Negeri jangan hanya pandai berbelanja, tetapi tidak pandai mengurus. Bukanlah sampai nak profesional dan sebagainya. Itu saya rasa. Jadi kalau nak belanja, kita boleh belanja tetapi kena juga ada perancangan dari segi mengurus iaitu *maintenance* perkara yang telah kita belanjakan.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Okay terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat, yang telah bertanyakan soalan dan saya setuju dengan kedua-dua cadangan tersebut. Sudah tentu kalau kita nak ambil yang profesional untuk menjaga gelanggang ini sudah tentu kosnya pun kos yang profesional. Tetapi kita buatlah keputusan yang terbaik berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri selepas meneliti berapa banyak fasiliti dan prasaran yang ada di bawah kawalan semua agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor. Saya menyokonglah apa ni Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) ini, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sikit je, rekod ni, rekod penting.

**TUAN SPEAKER** : Untuk dua ayat sahaja.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Dalam siasatan ini terkandung dalam penyata tersirat mengatakan bahawa sesi pengurusan, *empowerment* memperkasakan jawatankuasa dan pengurusan bawahan tidak berlaku. Jadi saya meminta apa yang diminta yang telah kami jelaskan pada pegawai-pegawai, pengurus-pengurus pusat latihan dan pusat yang menyediakan kemudahan agar dinyatakan bahawa pihak pengurusan atasan akan menyokong segala cadangan-cadangan yang hendak diperlukan ke atas bagi meningkatkan sumbangan Kerajaan Negeri dalam membiayai kemudahan sukan.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Hulu Kelang, saya persilakan kerajaan, ada apa yang nak balas. Paya Jaras silakan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih pada Usul yang dibawa daripada PAC. Saya menghargai kesemua keprihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dan saya yakin Yang Berhormat-Yang Berhormat kebanyakannya adalah bekas ahli sukan. Sama ada sekarang ataupun pernah melalui pengalaman bersukan dan Yang Berhormat sendiri tahu bagaimana pentingnya kita mempunyai satu fasiliti yang baik untuk kita membangunkan para pemain ataupun sukan kita. Daripada rumusan jawatankuasa ini yang terhormat sekalian, saya hanya mampu menyebut bahawa *something is wrong somewhere*, dan diantara kelemahan yang ada dalam sistem adalah struktur organisasi ataupun sistem perjalanan sukan di Negeri Selangor. MSN membangun para atlet, kita sekarang ini ada Pengarah yang baru, saudara Nizam Marjugi yang lebih 20 tahun berpengalaman yang dikenali di semua negeri boleh membangun sukan. Tetapi dalam masa sama, kita tidak ada peluru, peluru tu duduk di DEFM. *This is the system*, maka siapakah yang ini berlaku, ini berlaku adalah daripada semasa waktu Tan Sri Khalid lagi menjadi Menteri Besar. Beliau adalah Menteri Besar pada waktu itu yang telah mengasingkan asalnya aset DEFM ini berada di bawah MSN Holding. Ini asalnya, dan sekarang ini bukan sahaja kita mempunyai kekangan untuk menyewa tempat-tempat daripada DEFM tapi untuk maklumat Yang Berhormat semua Majlis Sukan Negeri pun sekarang ini menyewa pejabat kita dibangunan milik DEFM. Ya, saya cerita fakta.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI** : MSN sewa aset sendiri Y.B., MSN kena bayar sewa dekat aset sendiri.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ya kita menyewa, saya menceritakan dan saya berbalik kepada...

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Y.B. EXCO, boleh saya beri sedikit cadangan?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN AMIRUDDIN** : Ya.



## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Bermakna adakah Y.B. EXCO setuju agar DEFM ini lepas ini ditutup sahaja balik? Dan serah balik kepada Majlis Sukan Negeri Selangor. Sebab saya tengok DEFM ini harapkan pagar, pagar makan padi. Dia sepatunya menguruskan aset. Tapi aset, *facility* bawah jagaan dia bertambah teruk. Yang Berhormat setuju?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN AMIRUDDIN :** Ya Yang Berhormat. Saya...

**TUAN SPEAKER :** Y.B. Sungai Air Tawar, Yang Berhormat dalam PAC kan? Pengerusi. Tapi tak buat cadangan suruh tutup, nak tambah lagi kenapa? Patut dalam cadangan ya. Ok. Silakan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ha ha ha ha ha.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat silakan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Saya bersetuju dengan Y.B. Speaker sebab apa yang disebut oleh Y.B. Ketua Pembangkang, tak ada pula dalam Laporan PAC ini. Ha ha ha ha.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Minta maaf Y.B. Speaker, ini pandangan peribadi saya. Laporan PAC ini kena pandangan keseluruhan.

**TUAN SPEAKER :** Boleh jawab atau tidak jawab ni? Masa berjalan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ya, baik. Tak apa, kita meraikan. Tak, Yang Berhormat. Saya rasa kita tak perlu tutup DEFM. Cuma kita *realign* balik *ownership* aset-aset sukan ini. Dan untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah bersetuju melalui minit dalam bulan yang sudah untuk melantik beberapa orang daripada Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri Selangor untuk duduk dalam DEFM. Antaranya EXCO Sukan itu sendiri, Pengarah Majlis Sukan Negeri Selangor dan dua orang (satu daripada Lembaga Pengurus Bebas dan satu lagi daripada wakil daripada Perbendaharaan Negeri Selangor) akan duduk di dalam DEFM itu. Jadi saya harapkan dengan keberadaan wakil-wakil baru ini, kita dapat *at least link* di antara kemudahan sukan dan MSN itu nanti.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Minta laluan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** MSN itu nanti... Ya, ya?

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Adakah... Saya nak tanya satu soalan saja. Adakah yang dilantik untuk mengisi jawatan yang dah dipersetujui itu



daripada golongan yang memahami apa yang sebenarnya yang berlaku di dalam DEFM itu?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Oh sudah tentu. Antara individu yang dilantik yang dinamakan oleh Lembaga Pengurus adalah wakil daripada Perbendaharaan itu sendiri, dari segi kewangan dan kita ada seorang nama yang disebut yang ahli lembaga yang tidak ada kena mengena dengan politik yang berada dalam Lembaga Pengurusan ini dan seorang adalah saudara Pengarah yang tidak, yang memang mahir dalam sukan dan saya sendiri berada dalam DEFM itu sendiri. Jadi Yang Berhormat sekalian,

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Yang Berhormat, boleh? Sedikit?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ya, ya.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Saya tertarik

**TUAN SPEAKER** : Pandangan peribadi lagi?

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Bukan, bukan. Saya tertarik tadi nak meletakkan Ahli-ahli Lembaga Pengarah itu bukan daripada kalangan politik saya bersetuju. Tetapi saya rasa di kalangan Ahli Dewan perlu diletak supaya mereka tahu dan mereka sama-sama boleh berbahas pada masa akan datang.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya serahkan kepada budi bicara Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebab kuasa melantik adalah kuasa di bawah beliau. Walau bagaimanapun kita yakin pandangan-pandangan Yang Berhormat hari ini akan diambil kira.

Isu ABMK yang disebut-sebut ok. Aset Majlis Sukan Negeri Selangor bukan tak ada. Dia hanya ada tiga aset yang itu yang Padang Seksyen 6, ABMK dan Seksyen 16. Ini saja aset yang dipunyai oleh, bukan yang dipunyai, yang ditadbir oleh Majlis Sukan Negeri Selangor. Lain daripada itu, aset sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang tadi, kenapa kita nak banyak aset? Kebanyakan aset yang ada, aset sukan yang ada adalah di bawah pentadbiran sama ada PBT itu sendiri, Pejabat Daerah itu sendiri ataupun agensi-agensi lain yang memiliki aset-aset sukan ini.

Dan saya setuju bahawa kita harus membaik pulih kemudahan yang kita ada dan untuk makluman Yang Berhormat pada tahun ini kita akan membaiki seksyen, kemudahan Seksyen 6 itu dengan belanja RM150,000. Itu adalah hasil daripada PAC, Cadangan PAC dan kita mengambil kira. Ada bagus juga PAC ini untuk menegur kita perkara-perkara yang kita tidak tahu. Dan saya, ya macam Kuang ajak kita turun

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

melihat dengan mata kepala kita sendiri, saya nak tanya Kuang. Kuang dah turun ke belum?

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya ada turun.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Di mana?

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya turun. Kejam lagi saya turunlah.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ha ha ha ha ha ha ha ha ha (Ketawa besar). Ya, bukan. Saya bimbang. Saya bimbang sebab cara...

**TUAN SPEAKER** : Cakap berkobar-kobar tapi tak turun.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Berkobar tak apa Yang Berhormat Speaker. (Ketawa).

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya, Yang Berhormat Speaker...

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : (Ketawa) saya bimbang. Saya ingatkan Kuang dah pergi tengok.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Yang Berhormat. Paya Jaras, kita ni jiran. Janganlah tolak kuat sangat. Kita ni jiran. Ingat baik-baik. Tapi ada satu saja. Kalau Yang Berhormat rasa..

**TUAN SPEAKER** : Ok Kuang duduklah.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Bukan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat turun tadi, saya ingin nak berjumpa dengan Yang Berhormat, nak tanya apa di sini macam mana, di sana macam mana. Bukan nak, bukan nak, bukan nak siku Yang Berhormat kuat-kuat. Tidak. (Ketawa besar). Tapi tak apa. Saya andaikan bahawa Yang Berhormat mengambil berat walaupun Yang Berhormat tidak melihat dengan mata kepala sendiri.

Isu DEFM ini Yang Berhormat sekalian, bukan kita tak baiki. Kita telah membelanja cukup banyak juga dalam kita membaiki kos projek tersebut RM7.69 Juta. 2017 kita membaiki kemudahan *facility*, perabot, CCTV, peralatan sukan, pemasangan langsung dengan harga RM300,000. 2018 kita menambah kemudahan-kemudahan yang ada dalam *facility* tersebut dan apa yang berlaku hari ini adalah ABMK itu sendiri telah kita berikan kepada apa ini Persatuan Bola Sepak untuk ABMK itu sendiri untuk bekerjasama dengan *Cyber Link* bagi mereka untuk *run facility* tersebut. Kalau *facility*

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

kita di antara kekangan kita, *facility* sukan ini. Yang Berhormat Speaker kalau kita buat boleh, tapi kalau kita tak guna itu akan menjadi masalah besar. Itu tidak ada.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ya, ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Kalau kita tengok balik dalam Belanjawan muka surat 198, peruntukan untuk Program Pembangunan Sukan, keseluruhan sukan ialah RM7 Juta berbanding dengan Pembangunan Bola Sepak Negeri Selangor RM10 Juta. Hanya untuk satu sukan RM10 Juta. Sukan-sukan lain, keseluruhan sukan hanya RM7 Juta. Jadi adakah bajet yang dibuat ini rasional ataupun tidak untuk kita nak meningkatkan mutu sukan di Selangor ini?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Yang Berhormat anak Selangor?

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Saya hampir dengan Selangor.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Hampir. (Ketawa besar).

**TUAN SPEAKER** : Itu masalahnya. Itu masalahnya.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Saya nak sambung sikit. Dia...

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI** : Pecah rahsia.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Dia duduk di Seberang sungai saja. Antara Selangor dan Perak tu seberang saja.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat jangan buang masa. Sebab yang dua-dua Bebas ini ada tak turunlah, ada bukan lagilah. Yang Berhormat ringkaskan, ringkaskan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Bukan Yang Berhormat. Yang Berhormat, bila kita, prestasi bola sepak kita merudum, orang hentam persatuan kita.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Saya ingat Yang Berhormat pun 08 dengan saya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Tidak, tidak, tidak. Saya 10. Saya 10. (Ketawa besar). Saya anak Selangor. Tidak Yang Berhormat.

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Kita kena *be fair*. Bajet yang kita beri kepada Persatuan Bola Sepak itu pun kita dah *reduce* kerana suasana COVID sekarang ini. Kita tidak boleh meninggalkan terus sukan bola sepak kerana ini adalah antara jelapang Negeri Selangor, apa ini program yang sangat dipentingkan oleh kebanyakan belia-belia kita Selangor. Jadi tentang bola sepak ini, sekarang ni kan, apa ini NFL telah mewajibkan semua persatuan bola sepak menjadikan kelab, buka kelab. Dan kita mengharapkan dengan ke arah menubuhkan kelab ini di suatu waktu nanti FAS dapat berdiri ataupun mendapatkan *income-income* yang lain dan mereka mampu berdiri sendiri selepas daripada itu. Apa pun Yang Berhormat, sekarang kita bagi pada ABMK tadi, kita telah bekerjasama dengan...

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Boleh celahan? Yang Berhormat?

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : ABMK dan *Cyber Link* dan kita harapkan mereka dapat membaiki selepas

**TUAN SPEAKER** : Y.B. Seri Setia nanti. Saya tak benarkan. Duduk.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Ni anak Selangor ni.

**TUAN SPEAKER** : Dah, dah. Ini bukan persoalan anak Selangor sebab tadi saya tak nampak bahas. Duduk.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Seberang sana sungai ke seberang sini sungai? (Ketawa besar)

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Sungai Way, Sungai Way.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Oh Sungai Way. Ya, Seri Setia bangun untuk bangkitkan isu FAS. Kita *let's be fair*. Kita bagi peluang kepada FAS untuk membangunkan industri bola sepak yang mana sukan bola sepak ini penting dalam Selangor ini. Hutang yang disebut oleh Sungai Air Tawar tentang MSN. Memang kita berhutang. Hutang kita ini timbul akibat daripada zaman pemerintahan UMNO dulu. Ini stadium itu di bangun. Hasil daripada perjanjian yang dibuat pada waktu itu menyebabkan kerajaan sekarang ini menanggung hutang...

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL** : Yang Berhormat Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ya?

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih sebab mengingatkan hutang itu daripada zaman UMNO. Tapi saya juga nak ingatkan Kerajaan Negeri dah mentadbir lebih 12 tahun. Jadi kalau Kerajaan Negeri sekarang tak mampu nak bayar, pulangkan balik kepada UMNO. Kita bayar.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** UMNO banyak sangat hutang tinggalkan.

**TUAN SPEAKER :** Kita balik kepada MSN. UMNO tak relevan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Hutang sampai sekarang tak habis bayar. Hutang daripada zaman UMNO.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Tidak, tidak. Saya kira ya lah. Kita menanggung beban hutang.. Akibat daripada projek atau pengurusan pada waktu dulu. Dan saya nak bagi jaminan kepada Ketua Pembangkang bahawa pentadbiran Yang Amat Berhormat dan Ahli Kerajaan sekarang ini saya ingat jauh lebih telus, lebih baik daripada yang dahulu.

(Dewan bersorak)

Jadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang, isu hutang ini kita telah menjual aset kita untuk menampung hutang TTDI yang menyaman kita. Dan baki RM20 Juta itu adalah dengan persetujuan daripada Yang Amat Berhormat. Kita akan selesaikan dalam tahun ini juga hutang-hutang kita itu. Jadi lepas daripada ini, MSN akan bebas hutang dan kita akan *move forward* untuk kita membangunkan industri sukan lepas daripada ini termasuk bangunan-bangunan yang, aset-aset sukan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sekalian. Saya ingat tak adalah...

**TUAN SPEAKER :** Memang habislah. Silakan

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Ada sikit lagi nak sambung.

**TUAN SPEAKER :** Saya tak benarkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi 'Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam *Public Account Committee* (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berkaitan Majlis Sukan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2020.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata **ya**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **tidak**.  
Usul ini dipersetujui.

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SETIAUSAHA BAHAGIAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Usul No.22 Tahun 2020 – Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Sentosa.

**TUAN SPEAKER** : Silakan Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Salam Sentosa Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Patut pantunlah. Dua minit nanti Speaker suruh berhenti ya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sentosa, silakan.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut 'Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor *Special Select Committee on Water Resource Management of the State of Selangor* (JKPSAS) berhubung penggantian paip dan *non-revenue water* yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang dihormati,

Selaras dengan Peraturan 71(1) dan (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor dan menurut perintah dan menurut Peraturan Tetap 76(1) - (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan penyata daripada Penyata Jawatankuasa Pilihan. Maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri pada 3 Oktober 2020 sehingga 6 Oktober 2020. Latar belakangnya ialah Jawatankuasa telah mengadakan pendengaran tertutup pada 25 Ogos bagi mendapatkan penjelasan dan pencerahan mengenai usaha penggantian paip di Negeri Selangor. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri juga telah dijemput untuk turut bersama mendengar pendengaran tersebut. Sesalinan saksi untuk setiap agensi telah juga dilampirkan bersama. Turut hadir ialah Pengurusan Air Selangor dan juga Unit Perancang Ekonomi. Ahli Jawatankuasa yang terlibat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat ADUN Subang Jaya dan ahli-ahli lain ialah ADUN Yang Berhormat Pandamaran, Yang Berhormat Meru, Yang Berhormat Sijangkang, Yang Berhormat Kota Anggerik dan juga Yang Berhormat Batang Kali.

Tuan Speaker,

Tujuan pendengaran ini diadakan adalah untuk memandangkan aduan berkenaan gangguan air tidak berjadual di sekitar Selangor akibat paip pecah di samping kadar *non-revenue water* yang tinggi. Jawatankuasa juga telah mengambil maklum Usul yang...

**11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**TUAN SPEAKER** : Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan 1 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN)**

**( DEWAN DISAMBUNG SEMULA )**

**( TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN )**

**TUAN SPEAKER** : Saya persilakan Yang Berhormat Sentosa, sambung usul tadi.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tujuan pendengaran ini diadakan.

**TUAN SPEAKER** : Saya minta bagi *point-point* yang penting, yang lain tidak perlu panjang lebar. Silakan.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Ok, perintah diterima. Tujuan pendengaran ini adalah untuk memandag adalah diadakan memandangkan aduan berkenaan gangguan air tidak berjadual di sekitar Selangor akibat paip pecah dan sebagainya. Tuan Speaker, penemuan jawatankuasa sasaran untuk menggantikan sebanyak 150km paip setiap tahun jumlah sepanjang 6000km, isi paip bermaksud tempoh 40 tahun diperlukan untuk menggantikan kesemua paip using. Oleh itu saranan jawatankuasa adalah jawatankuasa menyarankan supaya kerajaan negeri memastikan supaya Air Selangor menyelaraskan program penggantian paip dengan projek menurapan jalan setiap tahun yang menggunakan peruntukkan marris yang mempunyai nilai sebanyak RM500juta, lebih setiap tahun untuk Selangor. Ini adalah untuk menjimatkan kos bagi pihak Air Selangor disamping mengelakkan pembaziran dalam keadaan dimana jalan yang sudah diturap perlu dikorek semula untuk penggantian paip.



Saranan kedua Jawatankuasa adalah untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa menyarankan bahawa Air Selangor perlu menjelaskan jadual kerja penggantian paip penurapan dan pembaikan jalan dengan pihak berkuasa tempatan dan JKR selepas bajet diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor untuk mengelakkan penindihan kerja dan pembaziran wang. Dengan ini Air Selangor hanya perlu membuat kerja penggantian paip manakala kerja penurapan jalan dilaksanakan oleh PBT atau JKR. Untuk mempercepatkan proses penggantian paip, jawatankuasa menyarankan supaya Air Selangor mempertimbangkan penerbitan jumlah sukuk yang munasabah dibawah kelestarian Air Selangor. Saranan keempat ialah jawatankuasa menyarankan juga supaya kerajaan negeri mempertimbangkan penambahan jumlah pinjaman kewangan kepada Air Selangor untuk mempercepatkan proses penggantian paip. Saranan kelima ialah jawatankuasa mencadangkan supaya kadar tarif disemak semula. Walau bagaimanapun, sebarang kenaikan jika perlu wajar hanya dilaksanakan dalam keadaan ekonomi yang sesuai.

Oleh itu, Tuan Speaker, amatlah mustahak untuk kita membuat satu penyelidikan dan juga untuk memastikan proses penggantian paip dapat menyelesaikan masalah terutamanya tekanan air yang kurang dan setiap kali paip pecah, gangguan air berlaku. Sebelum saya Sentosa mengakhiri pembentangan, saya Sentosa ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Yang Berhormat EXCO Kajang dan semua agensi kerajaan yang telah menyelesaikan masalah air kita semalam dengan cepat dan tangkas dan LRA kita dapat berfungsi semula pada 3.00 pagi, saya tengok Dato' Menteri Besar pun di *whatsapp* dan *twitter* sampai 4.00 pagi, tak tidur nampak nya.

Oleh itu, bagi pihak masyarakat India yang akan merayakan Deepavali, ini adalah berita baik kerana kita difahamkan hari ini atau petang sebelah petang atau malam, air akan sampai ke rumah masing-masing. Penyata ini telah dibincangkan, diluluskan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya, Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor untuk dibentang kepada dewan yang mulia ini dan seterusnya untuk dipertimbangkan syor dan jawatan. Sentosa ingin mencadang, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baik Sentosa, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Bandar Utama. Ringkas ya, lima minit.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Saya cepat je, terima kasih Tuan Speaker. Jadi Bandar Utama akan meringkaskan isu yang Bandar Utama *concern* ataupun prihatin adalah seperti yang dilaporkan di dalam penyata lebih

daripada 6000km part yang perlu diganti dan kini Air Selangor menasaskan penggantian selama 150km paip setahun. Ini bermaksud mungkin kita memerlukan tempoh sepanjang 40 tahun untuk menggantikan semua isi paip yang dibawah Negeri Selangor. Jadi Bandar Utama pernah membangkitkan isu ini juga, mengambil kampung cempaka sebagai contoh. Bila kita mengalami isu paip pecah dan juga tekanan air rendah dikawasan tersebut, malah dalam satu taklimat bersama Air Selangor, saya ada bertanya kepada Air Selangor selepas saya menggambarkan situasi di kampung cempaka dan pegawai Air Selangor juga telah mengatakan situasi kampung cempaka ini sebagai hotspot.

Namun apabila pejabat saya menerima surat daripada Air Selangor pada 03 Jun, dia mengatakan kampung cempaka belum mencecah kriteria kritikal yang ditetapkan. Pada pendapat Bandar Utama, saya rasa bukannya kampung cempaka ini tidak mencecah kriteria kritikal ditetapkan, namun mungkin ada kriteria yang lebih kritikal dikawasan-kawasan lain. Itu tidak bermaksud kampung cempaka ini tidak seharusnya diletakkan dibawah kategori hotspot. Jadi, Bandar Utama memang amat menyokong saranan jawatankuasa itu, terutamanya penerbitan sukuk yang bersesuaian penambahan jumlah pinjaman, juga kadar tarif supaya dikaji semula, mungkin tidak perlu melaksanakannya pada sekarang kerana sekarang ianya merupakan penularan wabak COVID-19 dan semua rakyat ataupun warga Selangor terjejas. Tapi saya rasa kajian patut dilaksanakan untuk meneliti perkara ini.

Cuma ada penambahan bagaimana kita boleh memperbaiki lagi ataupun menyumbang lebih kepada penyata-penyata seperti ini. Saya faham hari ini JPKSAS telah mengeluarkan dua penyata, penyata pengganti paip dan juga selepas ini berhubung dengan pindaan enakmen LUAS. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa yang telah menemui banyak penyelesaian untuk isu-isu berkaitan dengan air. Namun Bandar Utama berpendapat, kita seharusnya menubuhkan saya tidak tahu mungkin sebuah suruhanjaya ataupun perbandanan khas yang mampu melaburkan lebih banyak masa kepakaran dan tenaga untuk menjalankan siasatan menyediakan report dan menyelesaikan isu air dan sekiranya berlaku pertindihan juga boleh menggunakan jawatankuasa dibawah Yang Berhormat EXCO, mungkin YB EXCO Izham sebagai contoh jawatankuasa pemulihan sungai-sungai ataupun jawatankuasa kecemasan pencemaran sumber air negeri Selangor. Namun perbezaan yang Bandar Utama ingin cadangkan disini adalah, sekiranya kita mahu memperkukuhkan ataupun sekiranya kita mahu mendapat idea-idea ataupun cadangan yang lebih bernas, sepatutnya jawatankuasa ini bukan sahaja melibatkan ahli-ahli politik, bukan sahaja melibatkan wakil-wakil rakyat yang dipilih ataupun pegawai agensi kerajaan, tetapi juga pihak berkepentingan yang lain ataupun *stakeholder* dengan izin, seperti ahli-ahli profesional, contohnya jurutera-jurutera pakar kewangan, saintis peguam dan sebagainya ataupun ahli-ahli perbadanan bukan kerajaan.

Kerana Bandar Utama merasakan banyak daripada individu-individu seperti ini mungkin dikenali ataupun diyakini dengan kemahiran ataupun kepakaran mereka ini ataupun sekali gus dapat membinbing kerajaan negeri ataupun jawatankuasa untuk *think out of box* dengan izin kerana kita sekarang dalam keadaan ataupun situasi yang amat kritikal bila seluruh warga Selangor tengah melihat bagaimana kerajaan negeri boleh mengendalikan isu krisis air di Selangor. Tapi Bandar Utama merasakan dengan penambahan yang individu-individu seperti ini dilibatkan dalam jawatankuasa, kita dapat *think out pf box* pada masa yang sama warga Selangor juga mungkin lebih yakin dengan laporan yang telah disediakan kerana mereka tahu laporan ini disediakan bukan sahaja daripada pihak kerajaan, bukan sahaja daripada pegawai kerajaan dan tidak memihak ataupun melindungi sesiapa, namun daripada pihak-pihak lain, seperti yang dikatakan pihak berkepentingan lain, daripada pihak yang mempunyai kepakaran tertentu ataupun mempunyai professional yang tertentu yang boleh membantu dalam isu krisis air. Jadi itu saha komen daripada Bandar Utama, dengan ini saya ingin menghabiskan perbahasan saya, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor kerana telah membentangkan satu penyata yang komprehensif dan sangat bermakna untuk dikaji oleh pihak kerajaan negeri. Saya suka dengan saranan jawatankuasa untuk point nombor satu iaitu memastikan keadaan paip-paip yang lama ini diganti segera dengan paip-paip yang baru. Yang point nombor dua pula, selepas penggantian ini, kerja-kerja penurapan hendaklah dilaksanakan oleh pihak PBT ataupun JKR. Kebanyakan paip-paip yang ada ini ditanam oleh JKR dan juga jalan-jalan PBT. Dan sementara kita nak menantikan penggantian-penggantian paip ini dilaksanakan, ianya mengambil masa yang Panjang dan juga kos yang tinggi, say berharap pihak Air Selangor sekarang ini banyak kejadian paip-paip pecah disebabkan paip-paip lama, Air Selangor terpaksa mengorek jalan-jalan ini dan kemudian membaiki paip tersebut dan kemudian menampal semula tempat yang dikorek, tetapi kualiti tampalan tersebut amatlah mengecewakan, ia tidak memenuhi *standard* dan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak PBT dan juga JKR

Adalah disarankan juga kepada pihak Air Selangor sementara kita mendapatkan paip-paip baru, paip-paip lama ini mesti akan pecah tambah pula macam semalam kita terputus bekalan air dan banyak paip-paip yang lama ini kosong, angin, tinggal angin dan apabila bekalan air pulih dah sudah tentu akan banyak paip-paip ini pecah. Dalam dua tiga hari ini dan terpaksa pihak Air Selangor membaiki paip-paip yang pecah ini. Diharapkan pihak Air Selangor untuk lebih bersungguh-sungguh memantau kontraktor-kontraktor yang telah diberikan tugas untuk menggantikan paip ini supaya menampal ataupun menurap semula tempat yang dikorek tersebut, mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JKR dan PBT demi keselamatan pengguna-pengguna jalan tersebut terutama sekali penunggang-penunggang motosikal. Jadi

saya Pelabuhan Klang menyokong penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Pelabuhan Klang. Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mengucapkan tahniah, terima kasih kepada Sentosa yang membawa usul tentang perkara yang berikut iaitu usul nombor 22. Cuma saya nak maklumkan, kalau ikutkan apa yang nyatakan disini, saranan mereka untuk memastikan paip-paip air yang berusia 20 hingga 30 tahun sahaja dan cuma saya nak maklumkan, di Kelana Jaya, di ss5 dan ss6, perkara ini telah berulang kali berlaku. Saya tak pasti apakah paip itu berusia 20 30 tahun ataupun 40 tahun. Dan dalam masa yang sama, kalau dia repair atau dibaiki waktu siang, malam nya akan pecah semula. Selepas dibaiki, jalan diturap, saya setuju dengan yang dinyatakan oleh Pelabuhan Klang tadi, jalan yang diturap agak sedih dan boleh melibatkan kemalangan.

Cuma isunya di Kelana Jaya ini satu tempat kawasan yang orang-orangnya kebanyakan warga emas. Bila air kadang-kadang di Selangor air ada, mereka tak ada air, sebab alasannya paip pecah, bila paip pecah nak ambil masa sampai 5 6 jam untuk repair. Bila aduan dibuat masih tak dapat selesai lagi. Jadi saya amat mengharapkan sekali lagi bahawa kawasan Kelana Jaya ini terutama ss5 ss6 ini dapat diperbaiki paip ini ditukar kalau boleh dan seperti mana yang berlaku sekarang ini, kalau ikut semalam kawasan Seri Setia masih elok cantik, belum ada air tetapi kawasan ss5 ss6 Kelana Jaya adalah tempat yang pertama yang tak ada air. Tetapi apabila kawasan Seri Setia dah ada air semua ss5 dan ss6 adalah yang terakhir ada air. Maknanya dia mengalami yang pertama tak ada air yang terakhir ada air, yang ini saya minta tolong ambil perhatian terutama kepada pihak LUAS sendiri dan pihak SYABAS, pihak Air Selangor. Jadi saya sekali lagi menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sentosa, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Speaker, saya ringkas sahaja. Saya amat menyokong saranan jawatankuasa point 6.1 dan 6.2 agar kerja program penggantian paip diselaraskan dengan JKR dan PBT, tapi saya juga ingin mengutarakan isu dimana utiliti yang menyebabkan pemecahan paip-paip bocor akibat kerja-kerja yang dilakukan. Jadi saya ingin tanya kepada kerajaan negeri sama ada adakah terdapat apa-apa caj ganti rugi yang dikenakan dan kalau tiada saya ingin cadangkan sekali lagi kena ada caj ganti rugi yang boleh diberi kepada Kerajaan Negeri ataupun Air Selangor. Yang kedua saya ingin merujuk kepada muka surat 15 daripada lampiran laporan penyata jawatankuasa tentang *permanent leaked noise correlating logger* dengan izin. Saya ingin tahu yang 1,400.. yang bakal diperluaskan ataupun di tambah lagi pada tahun 2020 ini berapa yang akan dipasang di daerah

Petaling dan juga apakah *respon time* dengan izin. *Permanent leaked noise correlating logger* ini dengan izin. Ia itu apabila satu kebocoran tu berlaku apakah *respon time*, apakah *leak time* dengan izin. Apabila Air Selangor dapat kesan lokasi kebocoran itu dan turun ke tapak. Itu sahaja daripada saya. Saya menyokong USUL. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya minta pihak Kerajaan. Bagi ringkas sahaja tidak perlu ulang lagi.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya akan jawab secara ringkas. Saya pertama ucap terima kasih pada Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan pengurusan sumber air dan berkait dengan isu paip, gantian paip dan *non-revenue water*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, benda ni adalah saya pun telah beberapa kali menyebut dan akan tegaskan bahawa di bawah perancangan 30 tahun pembangunan atau *business plan* bagi Air Selangor tak ada SYABAS lagi ya Air Selangor. Air SYABAS tak de dah. Jadi memang kita merangka program-program untuk penggantian paip ini merupakan sebahagian daripada program inisiatif *non-revenue water*. Program yang kita peruntukkan buat masa ini adalah sekitar 150 juta setahun untuk paip sahaja. Tapi proses *non-revenue water* ni dia banyak ya, dia bukan sahaja melibatkan paip ya dia melibatkan sistem *valve* nya dan juga tempat-tempat apa nama ni *device*, peralatan-peralatan, macam *trancion*, *pressure* punya *device* untuk mengesan dengan cepat berlaku kebocoran di mana juga kolam-kolam dan sebagainya. Ini semua sebahagian daripada program-program untuk *non-revenue water* punya inisiatif. Jadi dia memerlukan kewangan, peruntukan yang besar dan kita akan mengambil segala langkah perlu untuk mengurangkan. Dan daripada laporan yang kita dapat pun aduan-aduan berhubung paip pecah ni pun dah berkurangan banyak. Saya tak ingat tapi ada saya sebutkan hari tu lah salah satu soalan itu saya menjawab, dah pengurangan yang banyak menunjukkan bahawa ada keberkesanan dan kita pun sebagaimana disebut baru satu tahun mengambil alih keseluruhan apa nama ni, industri air, pengurusan Air Selangor ini daripada rawatan dan pengagihan. Jadi tentulah memerlukan masa dan kita akan bagi tumpuan dengan sepenuhnya kepada semua jenis permohonan, aduan untuk diselesaikan.

Tentang Bandar Utama tadi menyebut Jawatankuasa khas. Kita ada banyak jawatankuasa sebenarnya yang melihat dan kita melibatkan semua. Yang daripada luar pun kita libatkan. Yang pakar-pakar dalam air ni pun kita libatkan. Tu yang kita dapat buat beberapa cadangan-cadangan yang baik ini adalah juga merupakan bukan maklum balas saya seorang, atau dua tiga orang dalam Kerajaan tapi juga melibatkan pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam air ini dan *friends of rivers* ni sebenarnya terdiri daripada penggeraknya sebahagian besar mereka ini adalah orang-orang yang memang pakar dalam air sebenarnya. Bukan mereka ni komuniti biasa ya mereka ini memang kalangan yang memang pakar air. Setengah tu puluhan tahun terlibat dalam urusan air dan mereka lah yang membawa banyak cadangan-cadangan yang baik untuk kita laksanakan di Negeri Selangor ini.

Jawatankuasa pun banyak. Kita ada di bawah Jawatankuasa Tetap saya pun ada. Di bawah Jawatankuasa Khas, *High level* punya untuk penyelesaian masalah air. Jawatankuasa Pencemaran Air, Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai semua macam-macam jenis jawatankuasa kita ada dan kalau perlu kita lihat nanti kalau ada keperluan lagi kita akan bangunkan. Tetapi memang kita menghimpunkan segala jenis kepakaran air untuk kita selesaikan.

Cuma benda-benda ni Yang Berhormat Bandar Utama memerlukan masa sedikit, kadang-kadang. Saya faham semua tidak sabar lagi tapi kita kena akui hakikat bukan semua kita boleh buat serentak, segera tapi perancangan kita lengkap untuk kita laksanakan, memastikan bekalan air yang lestari kepada Negeri Selangor.

Tentang paip lama ni pun saya telah sebut juga yang disebut oleh Pelabuhan Klang tadi. Cuma dia menekankan kali ni lebih kepada isu jalan ya. Itu yang kita telah cuma tak disebut mungkin agenda tahun depan kita sebut. Sebenarnya dah dilancarkan dah Kucell ini Koridor Utiliti Selangor ini oleh anak syarikat kita yang mengurus nanti segala aspek utiliti ini akan ada laluan khas mereka. Bila ada laluan khas ini dia tidak akan ganggu jalan tapi ini pun makan masa sebab apa? Kebanyakan kawasan kita dah pun membangun jadi laluan pun dah tak ada, jadi itu yang kita kena tengok, ni *brownfield* dia panggil. Kawasan *Greenfield*, kawasan yang baru kita dah tetapkan 5 meter kiri kanan mesti ada sedia laluan utiliti. Ini utiliti semua akan lalu situ. Sama ada dia fiber ke, sama ada kabel, ni akan bermula Januari ni.

Maka kabel ataupun paip air, IWK punya pembetung semuanya mesti melalui koridor ini dan tidak ada lagi kerja-kerja mengganggu korekan pada jalan. Ini yang semua yang korekan ini akan melibatkan *brownfield* kawasan yang dah sedia membangun. Itu kita akan buat dengan baik dan saya telah minta supaya semua PBT dulu dan juga termasuk JKR dikenakan deposit *cash*, tunai kepada utiliti ni supaya mereka ni kadang-kadang buat kerja tidak memenuhi piawaian. Dia kalau ikutnya, dia akan buat tampalan awal sebab apa jalan tu akan mendap. Bila dia buat tampalan awal, tiga minggu lepas itu dia kena datang balik untuk buat yang *permanent*. Daripada bahu jalan ke bahu jalan tapi dia buat tampalan di situ sahaja dan tidak dipantau terpaksa PBT buat sendiri atau JKR. Ini yang makan belanja sebab itu kita dikenakan, saya minta dia orang dikenakan deposit tunai jangan bond supaya duit tu dia boleh kalau dia tak *certain time* dia tak buat kita akan guna duit tu untuk buat jalan yang baik. Itu cadangan saya dan setengah PBT ada buat tapi tak semua PBT yang mengenakan kaedah yang serupa.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Yang Berhormat, setahu saya ada PBT yang memang dah dikenakan deposit ni tapi mereka masih degil.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ya, tak bagi saya kalau ada saya tahu sebab masa saya jadi Ahli Majlis di Subang Jaya dan Shah Alam memang kita *push* ini dan memang kita dikenakan deposit daripada tunai. Kalau kita dah *certain time* ikut



perjanjian kita, kalau dia tak buat duit tu cair kan dan guna untuk membuat sendiri kita buat sendiri. Tak kita *make sure* deposit tu mencukupi jangan kena deposit rendah tu bagi saya hak terpulang pada PBT memang lah pihak utiliti tak setuju tapi kalau pihak utiliti tak setuju pastikan kontraktor korang, kontraktor masing-masing supaya melaksanakan tugas dengan baik, itu sahaja. *Simple, then* kita tak perlu nak melaksanakannya sendiri tetapi kalau dalam pengalaman saya sekarang, itu lah hakikatnya jadi terpaksa lah kita kena ambil langkah-langkah tambahan untuk memastikan jalan-jalan kita sama ada PBT atau jalan JKR tidak akan rosak kerana kerja-kerja yang sebegini. Itu saya punya pandangan saya lah ya.

Untuk Seri Setia, saya pun faham. Tempat yang disebutkan itu tempat tinggal rumah lama saya dulu tapi masa saya duduk dulu tak ada pula masalah air. (Ketawa). Untuk makluman semua, paip AC ni, yang asbestos simen ni tak ada yang 20 tahun. Semua 30, 40 tahun dah. Lama paip ini dan dia ada 6,000 kilometer. Paip kita keseluruhan 22,000 lebih. Paip ini 6,000 kilometer, kita hanya boleh ganti dalam Bukit Gasing tak ada ni kalau dia ada dia mesti bangun. (Ketawa). Kita boleh ganti, *target* kita dalam 100 kilometer setahun.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat EXCO, jawapan ini telah diberikan dua, tiga kali dah jadi saya rasa tak perlu ulang.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ya, saya kena ulang bukan apa sebab soalan itu timbul lagi. (Ketawa). Jadi saya harap benda ini kita akan buat, teliti ada kaedah lain sama bukan hanya paip sahaja. Penggunaan apa ni *district monitoring zone* dan sebagainya ni kita boleh buat untuk menjaga tekanan kerana dia pecah ini kerana tekanan nanti kita akan pantau begitu tapi tidak bermakna kita tak ganti dan paip ini, paip AC ni memang tak ditampal ya. AC paip memang tak tampal kalau bocor, pecah, kita ganti terus. 5 meter begitu, satu seksyen 5 meter memang ganti terus tidak ada tampalan kepada AC yang tampal tu *steel* paip aje boleh. Tapi kala AC paip tidak ditampal, diganti.

Dan untuk Kampung Tunku tadi, sikit ya lagi, isu pampasan ni memang tak ada lah. (Ketawa). Kalau kita *start* bagi pampasan mati kita. (Ketawa). Memang tidak ada pampasan tapi tidak menghalang kalau dia nak ambil tindakan undang-undang kat kita tapi setakat ni memang bukan di mana ada peruntukan yang kita mesti bagi pampasan kerana berlakunya gangguan bekalan air ni ya. Jadi itu yang saya dapat sampaikan dan terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi :-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee on Water Resources*



## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

*Management of The State of Selangor JPK-SAS*) berhubung penggantian paip dan *non-revenue water* yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 37 Tahun 2020. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini

### Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya. USUL No. 23 Tahun 2020. USUL di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Meru

**TUAN SPEAKER :** Silakan Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu USUL yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor berhubung pindaan kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 38 Tahun 2020.”

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah sama-sama meluluskan pindaan Enakmen LUAS di mana ianya telah mengambil kira syor-syor dalam penyata yang bakal saya bentangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, di dalam Dewan Yang Mulia ini, Jawatankuasa telah membentangkan laporan insiden yang telah melibatkan henti tugas tidak berjadual dari tahun 2018 sehingga April 2020 iaitu sebanyak 7 insiden pencemaran. Ini tidak termasuk pencemaran yang berlaku pada semalam.

Perkara ini amat serius dan berat kerana rakyat akan menyalahkan Kerajaan Negeri Selangor atas gangguan air ini namun rakyat tidak boleh disalahkan kerana rakyat tidak mengetahui secara tepat dan jelas punca kuasa pihak yang sepatutnya bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini. Sehubungan dengan ini, jawatankuasa ini telah mencadangkan kepada Dewan beberapa cadangan dan tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi yang berkaitan. Saya di sini tidak akan mengulang semula penyata-penyata yang jawatankuasa telah bentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya hanya memberi tumpuan kepada cadangan yang ingin dikemukakan oleh jawatankuasa. Terdapat beberapa cadangan yang ingin kami cadangkan seperti berikut iaitu yang pertama menaikkan denda maksimum sehingga RM1 juta.

Jawatankuasa telah mengadakan sesi pendengaran tertutup berkenaan dengan Pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 susulan daripada makluman daripada Yang Berhormat EXCO Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Kali Keempat Belas Tahun 2020 semasa membahaskan Kertas Mesyuarat Bilangan Ke 12 Tahun 2020 iaitu pembentangan Penyata Jawatankuasa Berhubung Dengan Pencemaran Sumber Air Sehingga Menyebabkan Henti Tugas Loji-loji Rawatan Air dan Bekalan Air Kecemaran. Beliau telah memaklumkan bahawa terdapat rancangan untuk meminda Enakmen LUAS dengan menaikkan kesalahan dengan pencemaran sumber air daripada RM100,000 kepada RM500,000. Jawatankuasa berpendapat cadangan menaikkan denda daripada RM100,000 kepada RM500,000 adalah tidak memadai dengan kesalahan yang telah dilakukan sehingga menyebabkan nama Kerajaan Negeri serta agensi-agensi yang berkaitan tercemar teruk tetapi juga telah menyebabkan kesusahan yang tidak terperi kepada seluruh rakyat Negeri Selangor. Jawatankuasa berpendapat hukuman yang lebih berat patut dikenakan kepada pihak pencemar ini dengan denda RM1 juta maksimum patut dikenakan. Yang kedua, hukuman penjara mandatori dalam erti kata tiada pilihan Hakim untuk menjatuhkan hukuman penjara kepada pesalah.

Dalam Enakmen LUAS 1999 yang sedia ada hanya menyatakan denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Perlu dipinda kepada hukuman dengan RM1 juta berserta penjara mandatori dan pihak bertanggungjawab mencemar yang pihak yang bertanggungjawab mencemarkan sumber air. Hukuman keras ini adalah amat perlu supaya pihak yang mahu mencemarkan sumber air kita berfikir banyak kali akan risiko yang perlu mereka hadapi jika tertangkap dan di dakwa di Mahkamah. Mengikut rekod penghakiman sebelum ini pihak yang didapati bersalah mencemarkan sumber air hanya didenda dengan RM10,000.00 hingga RM70,000.00 sahaja sedangkan kesalahan yang mereka lakukan adalah sangat serius dan banyak menyusahkan rakyat. Dan kompaun yang telah dikenakan kepada pengilang itu telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat jelata yang menyatakan kompaun RM60 ribu itu tidak berbaloi dengan kesusahan yang rakyat hadapi akibat henti tugas di loji rawatan air.

Jawatankuasa berpendapat kerajaan negeri dan pihak agensi yang lain tidak lagi boleh berkompromi dengan perbuatan mencemar sumber air sehingga menyusahkan jutaan rakyat Selangor. Hukuman penjara mandatori ini adalah satu amaran yang keras kepada pihak yang tidak bertanggungjawab yang mahu mencemarkan sumber air kita, sekali gus dengan hukuman keras ini akan mendidik pihak industri dan kilang untuk mengambil tindakan sendiri dan bertanggungjawab serta pro aktif bagi melindungi sumber air dan sungai kita.

Yang ketiga, memasukkan klausa denda minimum RM200 ribu di dalam Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999. Sekarang ini Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 tidak menyatakan had denda minimum dan hanya menyatakan

denda maksimum RM100 ribu. Ini menyebabkan hakim mahkamah yang mengendalikan pengadilan ini tidak ada pilihan selain mengenakan hukuman denda mengikut seperti yang termaktub di dalam Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 itu sendiri. Sehubungan dengan ini Jawatankuasa mencadangkan agar pindaan enakmen yang ingin dibuat, memasukkan klausa denda paling minimum yang hakim boleh jatuhkan adalah sebanyak RM200 ribu bagi setiap kesalahan yang telah dilakukan di mana hakim mahkamah tiada pilihan melainkan mengenakan denda minimum ini. Jawatankuasa mendapati denda RM200 ribu minimum perlu dimasukkan di dalam Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 yang hendak dibuat ini. Sama seperti hukuman maksimum RM1 juta dan penjara mandatori bukannya tujuan utama adalah untuk menghukum rakyat tetapi sebaliknya untuk mendidik rakyat agar sama-sama menjaga sumber air dan alam sekitar demi kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Dengan pelaksanaan hukuman yang lebih tegas ini diharap akan menghuraikan masalah dan menghapuskan sama sekali aktiviti pencemaran di sungai air dan sungai-sungai.

Yang keempat, memasukkan pencemaran bau sebagai salah satu kesalahan nyata di dalam Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999. Jawatankuasa juga mencadangkan agar Seksyen 79(1)(a) dipinda dengan memasukkan pencemaran air yang menyebabkan perubahan fizikal atau warna atau bau atau rasa sebagai salah satu bentuk kesalahan yang nyata di dalam Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 ini.

Yang kelima, Jawatankuasa juga mencadangkan agar Seksyen 79(2) dan 79(4) dipinda. Pindaan Seksyen 79(2) adalah kaitan dengan pihak yang melakukan pencemaran itu sama ada tuan pemilik bangunan atau pemilik kenderaan atau pemandu kenderaan berkenaan yang didapati bersalah melakukan kesalahan membuang bahan tercemar perlu bertanggungjawab kepada perbuatan itu.

Yang keenam, Jawatankuasa juga mencadangkan agar kuasa mengkompaun kesalahan di bawah Seksyen 112(2) dipinda dengan memasukkan klausa “mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan apa-apa kesalahan suatu jumlah tidak melebihi  $\frac{1}{4}$  dipinda kepada  $\frac{1}{2}$  daripada jumlah denda yang ditetapkan untuk kesalahan itu, atau, sekiranya tiada jumlah yang ditetapkan maka jumlah yang tidak melebihi RM3 ribu dipinda kepada kos untuk membetulkan, memperbaiki atau membersihkan perbuatan kesalahan itu dimasukkan di dalam Seksyen 112(2) ini.”

Dan yang ketujuh, memandangkan Jawatankuasa serius untuk mencegah dan mendidik pelaku dan mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan ini, maka juga dicadangkan pesalah ini menanggung keseluruhan kos pembersihan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan khususnya agensi berkaitan dan orang perseorangan yang terlibat dengan kerugian disebabkan dari kesalahan mereka. Semoga ia akan melahirkan rasa gerun di dalam diri pelaku untuk tidak melakukan kesalahan atau cuai dalam tanggungjawab mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa berlakunya henti tugas loji rawatan air akibat pencemaran rakyat jelata meluahkan perasaan meminta pesalah-pesalah dihukum dengan pelbagai cara. Ada juga yang meminta pesalah digantung sampai mati. Ada juga yang meminta sebatan, menunjukkan betapa marahnya rakyat kepada pelaku atas kesalahan mereka. Sebagai pengakhiran, pendirian Jawatankuasa adalah cadangan yang dikemukakan adalah pindaan minimum kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 yang kami harap kerajaan negeri melaksanakannya. Namun jika kerajaan negeri ingin mencadangkan hukuman yang lebih berat, Jawatankuasa mengalu-alukan. Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER :** Baik, Meru. Silakan Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Pelabuhan Klang ringkaskan ya. Jangan ulang, ulang, ulang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air yang telah membentangkan penyata berhubung pindaan kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semalam kita dikejutkan sekali lagi dengan masalah terputus bekalan air disebabkan isu pencemaran dan kali ini alhamdulillah kita mengucapkan tahniah kepada pasukan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan juga EXCO Alam Sekitar kerana telah berjaya menyelesaikan isu dengan cepat dan telah berusaha dan memastikan bekalan air pulih semula pada hari ini tetapi isunya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah, isu ini kalau boleh selepas ini tidak mahu lagilah berulang, tolonglah dah banyak kali kita berbahas dalam dewan yang mulia ini, isu terputus bekalan air ni tolonglah jangan berlaku lagi selepas ini. Segeralah selepas kita dah pinda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 2020 perlulah ia dikuatkuasakan dan pihak kerajaan negeri kena cepat menyediakan garis panduan yang lebih jelas lagi selepas ini bagaimanakah cara operasi bersepadu yang patut dilaksanakan menggunakan semua akta-akta yang ada.

Isu pencemaran ini Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan hanya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor sahaja yang kita boleh kuatkuasakan tetapi kita juga ada Akta Industri Perkhidmatan Air (2006), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, lepas tu kita ada juga Akta Kerajaan Tempatan 1976 Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 yang akan dilaksanakan ataupun dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Jabatan Alam Sekitar, ini yang paling penting sekali, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Akta Kerja-kerja Perparitan

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

1994 dan Akta Kawasan Pengairan 1993 Jabatan Parit dan Saliran, serta ada Kanun Tanah Negara dan kita juga boleh mendapatkan sokongan ataupun bantuan daripada pihak Polis Diraja Malaysia. Sebab itu kita kena ada satu garis panduan yang jelas, siapakah yang nak mengetuai operasi penguatkuasaan terhadap isu pencemaran alam sekitar ini.

Tadi kita dijelaskan oleh EXCO Alam Sekitar bahawa isu yang berlaku di Rawang semalam telah dikenal pasti puncunya pada 4 hari bulan dan laporan polis juga telah dibuat, laporan kepada Jabatan Alam Sekitar juga telah dibuat. Tetapi kita semua sedia maklum, Jabatan Alam Sekitar ini, walaupun kita ada EXCO Alam Sekitar, tetapi agensi penguatkuasaannya di bawah Menteri Alam Sekitar, Kementerian Alam Sekitar dan kita harap selepas ini Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri tidak boleh lagi salah menyalah antara satu sama lain tetapi mestilah bekerjasama antara satu sama lain untuk menyelesaikan isu air. Isu air bukanlah isu yang boleh dipolitikkan. Ini adalah tanggungjawab asas, semua kerajaan, baik Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri termasuk kerajaan tempatan kena memastikan bekalan air yang bersih perlu diberikan kepada masyarakat setempat.

Jadi saya berharap sangat-sangat kepada Kerajaan Negeri untuk memikirkan bagaimanakah kaedah yang terbaik untuk kita mengatasi masalah ini pada masa akan datang. Sebaik sahaja kita diberikan cadangan untuk meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor ini kita dah uar-uarkan dalam surat khabar, Y.A.B. Dato' Menteri Besar juga menguar-uarkannya kepada pihak umum, jadi semua kilang-kilang haram ataupun kilang-kilang berlesen ini sudah takut untuk membuang sisa-sisanya ke parit dan ke saliran. Tetapi apa yang berlaku? Semalam, sekarang ini mereka tahu kita punya penguat kuasa dan rajin, baik LUAS ke, baik agensi PBT ke, kita melakukan rondaan dan membuat operasi, kali ini mereka buang dalam tandas premis dan sisa ini terus masuk ke loji Indah Water, loji kumbahan di mana loji kumbahan ini kita tahu hanya boleh merawat sisa najis ataupun sisa-sisa daripada restoran-restoran tetapi tidak kepada sisa-sisa toksik yang kosnya tinggi untuk diproses dan IWK pun tak mampu nak proses sisa-sisa ini. Jadi apa premis-premis ini laksanakan dan buat ialah membuangnya ke dalam tandas yang kita tak boleh nak kesan selepas ini. Tetapi ianya tiba-tiba *overflow* di premis ataupun di loji kumbahan IWK. Jadi ini kita kena fikirkan, kita buat undang-undang yang macam ni, penjenayah-penjenayah ni buat pula kesalahan macam ni dan ingat kita tak boleh kesan, tetapi alhamdulillah dengan kepakaran Y.B. EXCO Kajang bersama dengan pasukannya telah berjaya mengenal pasti premis-premis yang telah melaksanakan ataupun membuat kerja-kerja yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi sekarang ini pun saya difahamkan Y.B. EXCO PBT sedang beroperasi di kawasan terlibat dan memeriksa semua premis-premis yang berhampiran dengan loji rawatan IWK. Jadi sekali lagi saya berharap kepada pihak kerajaan negeri untuk lebih serius memandang isu ini, nasib baik Y.B. Tuan Speaker air pulih pada hari ini bayangkan kalau sampai hari Ahad ini tak pulih, bagaimana dengan nasib kawan-kawan kita yang beragama Hindu yang akan menyambut perayaan Deepavali. Memang akan terkesan. Jadi sekali lagi saya ucapkan tahniah

kepada kerajaan Negeri Selangor, tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, tahniah kepada EXCO Alam Sekitar. Hari ni kita tahniah lah, tapi lain kali jangan jadi lagi. Kalau jadi lagi sekali Yang Berhormat, tiada maaf bagimu Yang Berhormat, kena pastikan lepas ini tidak lagi berlaku kejadian pencemaran sehingga memberhentikan loji rawatan air sehingga terputus bekalan air untuk rakyat Negeri Selangor. Jadi Y.B. Tuan Speaker saya Pelabuhan Klang menyokong penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya silakan, kerajaan?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan negeri mengambil maklum tentang penyata ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State of Selangor*) (JPK-SAS) berhubung pindaan kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 38 Tahun 2020.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “**ya**”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “**tidak**”. Usul ini

**Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul No. 24 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) Oleh Y.B. Banting.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Banting, jangan panjang-lebar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SIAN :** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor mengenai kesan negatif ekonomi akibat wabak COVID-19 dan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap prestasi kutipan hasil cukai dan premium yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2020.”



Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa PADAT telah mengadakan 2 kali mesyuarat dan juga pendengaran untuk menyiasat perkara ini dan saya menjemput semua Ahli Yang Berhormat untuk menghabiskan sedikit masa untuk baca penyata yang terperinci ini kerana penyata ini adalah sangat penting iaitu berkaitan dengan cukai dan hasil yang dikutip oleh kerajaan kita tahu sedia maklum bahawa kutipan cukai tanah premium, cukai petak dan sebagainya merupakan satu pendapatan yang cukup besar cukup penting bagi kerajaan Negeri Selangor, oleh sebab itu sekiranya kita tidak dapat mencapai prestasi yang ditetapkan setiap tahun maka ia akan memberi kesan yang berpanjangan kepada kewangan kerajaan negeri di mana banyak projek-projek ataupun program-program kebajikan yang telah pun dirancang tidak akan dapat dilaksanakan dengan teliti dan juga lancarnya.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian tentang dua, tiga perkara yang saya rasa penting untuk saya masukkan dalam ucapan iaitu Jawatankuasa mengambil maklum sehinggalah ke 30 Julai 2020 PTGS telahpun berjaya mengutip 74% daripada anggaran hasil selepas *retreat* bersama dengan Pengarah dan Setiausaha PTGS pada awal tahun ini. Harus kita maklum bahawa setiap tahun Pejabat Tanah dan Galian Selangor akan mengadakan *retreat* juga untuk melihat kembali angka-angka yang dibentangkan oleh dalam bajet ini. Jadi saya kira pada tahun depan perkara ini juga akan berlaku. Kita juga mengambil maklum bahawa pandemik ini telah memberi sedikit kesan kepada kutipan hasil dan juga ingin dilaporkan bahawa sehinggalah ke tarikh yang sama iaitu 30hb Julai, PTGS juga berjaya mengutip cukai tanah sebanyak RM429juta. Itu hanya 60% berbanding dengan yang perlu dikutip. Berkenaan dengan cukai tetap PTGS hanya dapat mengutip sebanyak 38% sahaja berbanding apa dengan jumlah yang perlu dikutip pada tahun ini. Dan kita perlu mengambil maklum bahawa begitu juga dengan cukai tanah semasa, cukai tanah tunggakan, cukai petak semasa dan cukai petak tunggakan telah pun berjaya dikutip 81%. Jadi penemuan Jawatankuasa telah mendapati memang seperti apa yang saya kata ada impak positif negatifnya dan kita tidak boleh memandang remeh kerana kutipan hasil cukai tanah, cukai petak, premium akan memberi satu kesan yang cukup penting terhadap kedudukan kewangan negeri dan kita juga mendapati rekod tunggakan cukai yang ada dalam laporan Ketua Audit Negara siri 2 tahun 2018 juga adalah tinggi tunggakannya. Di mana hasil tunggakan cukai tanah yang melebihi enam tahun. Yang melebihi enam tahun sahaja pada tahun 2018 adalah berjumlah RM161juta. Cukup besar. Cukup besar dan ini perlu dilihat dengan teliti. Kita juga mendapati bahawa rekod tunggakan cukai yang tinggi adalah disebabkan oleh ketidaktepatan maklumat yang belum dikemas kini menyebabkan tunggakan tidak ditolak dari dalam sistem dan serta kurangnya operasi dan penguatkuasaan kutipan oleh pihak PTGS dan Pejabat Tanah dan Daerah. Perkara ini bukan satu perkara yang baru, pernah dibangkitkan oleh beberapa siri penyata JP PADAT yang lalu tetapi saya kira masalah ini masih belum dapat diselesaikan dengan terperinci. Jadi saranan daripada Jawatankuasa saya, kita telah pun menggariskan empat saranan dan saya amat berharap pihak Eksekutif di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh memberi penekanan terhadap keempat-empat saranan ini.



Yang pertama, kita menyarankan PTGS untuk meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil cukai dan premium supaya kedudukan negeri akan sentiasa berada dalam keadaan yang lebih kukuh. Kita tidak nak, kita bukannya 100% tapi sekurang-kurangnya ianya perlu berada pada landasan yang kukuh supaya segala proses dan juga perjalanan dasar dan juga program kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan lancar. Kita perlu membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa serta bertindak proaktif seperti menyediakan pasukan khas untuk menyelidik punca spesifik pemohon yang enggan dan lewat membayar cukai. Itu sangat penting. Ada yang memang degil, tak mahu bayar. Kita perlu semak siapakah mereka dan kita perlu mengambil tindakan yang diperlukan untuk memastikan tunggakan ini dapat dilangsaikan.

Kedua, Jawatankuasa PADAT juga menyarankan agar PTGS mengemas kini maklumat di dalam sistem supaya maklumat tunggakan cukai adalah tepat dan terkini seperti apa yang dinyatakan. Tunggakan ini adalah disebabkan juga mungkin disebabkan oleh maklumat yang tidak tepat dan tidak dikemas kini. Perkara ini perlu merupakan satu perkara yang satu proses yang cukup besar dan bukannya *one off*. Jadi saya Jawatankuasa telah pun memasukkan di dalam penyata ini agar siri bengkel yang besar yang melibatkan pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang dan juga Pejabat Tanah Dan Daerah di Negeri Selangor untuk mencari jalan penyelesaian dan menetapkan satu KPI supaya perkara yang berkaitan berkenaan kutipan ini tunggakan ini boleh diselesaikan dalam masa yang terdekat khususnya perkara yang melibatkan contohnya kita ada masukkan bagaimana tunggakan ini boleh berlaku seperti kelulusan permohonan *approve application*, hak milik induk yang tidak dipantau, ada dua hak milik yang bertindih tetapi masih didaftarkan di dalam akaun. Jadi perkara-perkara teknikal seperti inilah yang menyebabkan tunggakan itu selalu berlaku. Jadi ini memerlukan *its a huge process and operation* jadi perlu ada usaha bersepadu daripada semua pegawai yang terlibat.

Ketiga. Yang ini berkenaan dengan pengoptimum cadangan untuk mengoptimumkan teknologi maklumat dan Internet untuk memudahkan segala urusan dan transaksi tanah dan khususnya dalam pembayaran premium dan fi yang tertentu. Fenomena seperti orang ramai dan *runner* yang perlu datang awal beratur panjang di kaunter PTGS untuk urusan tanah harus dijadikan sebagai sejarah. Ini secara tidak langsung berkaitan dengan usaha *Smart Box* yang dibangunkan oleh PTGS. Dan saya kira perkara ini pernah pun dibincangkan dalam sidang Dewan dan kerajaan telah pun mengambil tindakan. Namun saya kira ianya bukan satu penyelesaian yang penyelesaian ini dapat meringankan sedikit aduan di luar sana tetapi masih belum menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh. Dan saya berharap saranan tiga-tiga ini boleh dilihat dengan serius oleh Pejabat Tanah Dan Galian Selangor.

Keempat dan yang terakhir Jawatankuasa juga menyarankan PTGS dan PTD untuk melaporkan maklumat langgar syarat nyata guna tanah seperti menggunakan tanah pertanian untuk perniagaan. Kerana kerajaan mengalami kerugian memandangkan

cukai tanah yang dibayar adalah dikira berdasarkan status tanah pertanian sedangkan aktiviti yang dijalankan pada tanah tersebut ialah aktiviti perniagaan. Selain itu, kerajaan juga mengalami kerugian kerana pemilik tanah seharusnya menukar syarat nyata daripada pertanian kepada perniagaan. Kemudian bayaran premium tukar syarat juga perlu dibayar kerana yang lebih *rigid* juga perlu dibayar sebelum sesuatu aktiviti perniagaan boleh dijalankan di atas tanah itu. Kerana semua ini tidak berlaku maka kita mengalami kerugian dari segi kutipan hasil. Oleh sebab itu saya berharap keempat-empat cadangan saranan daripada kerajaan, daripada Jawatankuasa perlu bolehlah diterima oleh kerajaan dan pemerhatian yang kita dapat dalam kita capai dalam penyata ini haruslah diguna oleh diambil maklum oleh kerajaan untuk memastikan kutipan cukai untuk pada 2021 menjadi lebih baik dan mencapai KPI yang ditetapkan. Dengan itu Tuan Speaker saya mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Banting. Silakan Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Sungai Pelek? Tiga minit. Tiga minit.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih Tuan Speaker. Ya. Pendek je. Pendek je. Saya telah baru-baru ini menerima beberapa aduan ataupun *complaint* daripada *especially* para peguam. Katakan ini *Smart Box* ke atau apa ni semua ni nombornya kadang-kadang habis pada pukul 6.15 pagi. Dan seorang beritahu kepada saya dia terpaksa menghantar orang seawal pukul 5.00 pagi untuk memastikan dapat nombornya. Jadi saya rasa *problem* ini sudah lama dan masih belum ada penyelesaian sebab itu saya menyokong usul ini dan semoga masalah ini boleh diselesaikan secepat mungkin seperti Kuala Lumpur dan tempat-tempat yang lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan pihak kerajaan. Kalau ada?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ingin berkongsi tentang kutipan terkini cukai-cukai tanah yang telah berjaya dikutip oleh Pejabat-Pejabat Tanah Dan Daerah di Negeri Selangor. Untuk daerah Klang sehingga 31hb Oktober 2020 kita telah berjaya mengutip 90% daripada jumlah yang perlu dikutip. Kuala Langat 77% daripada jumlah perlu kutip. Kuala Selangor 83% daripada jumlah yang perlu dikutip. Sabak Bernam 85% daripada jumlah yang perlu dikutip. Hulu Langat 82%. Hulu Selangor 83%. Petaling 89%. Gombak 79% dan Sepang 64%. Manakala kutipan untuk cukai-cukai tertunggak kutipan kita masihlah pada kadar yang rendah kecuali daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang telah mencatatkan 44% berbanding daerah-daerah lain 25% dan 23% dan paling rendah saya kira adalah daerah Gombak sekitar 17%. Justeru, saya percaya bahawa beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak

Jawatankuasa boleh diambil kira seperti *Task Force* dan juga Jawatankuasa tertentu untuk meneliti yang tertunggak ini berbanding dengan kutipan semasa. Sebab kutipan pada kadar semasa ini biasanya memang melebihi. Di pihak pentadbiran kerajaan negeri memang tiap-tiap tahun kita memberikan anugerah. Anugerah dalam bentuk peruntukan kepada Pejabat-Pejabat Tanah Dan Daerah yang mencatatkan kutipan lebih 100% hampir empat atau lima Pejabat-Pejabat Tanah Dan Daerah kita. Biasanya lazimnya akan menepati catatan dan juga kutipan yang lebih daripada segi *carret* dengan izin ataupun ganjaran kita telah berikan. Dan juga kita harus meneliti bagaimana kaedah yang terbaik untuk tunggakan-tunggakan yang disebutkan tadi.

Sementara dalam hal yang kedua pula ialah berkenaan dengan kaedah teknologi. Sememangnya pada ketika ini kita masih lagi menunggu serta menyelesaikan mitigasi diantara dokumentasi Pejabat-Pejabat Tanah dan PTGS kita dan Pejabat-Pejabat Tanah Daerah kita dengan sistem e-tanah. Sistem ini adalah di bawah kelolaan pihak persekutuan yang sudah diperuntukkan daripada awal malahan sebelum 2018 sudah ada dan perlu masuk kepada sistem kita. Adakah kita tak buat? Kita sudah buat. Di pihak pentadbiran kerajaan negeri sebelum ini pada di zaman tahun 2008, 2010, 2012 lagi kita dah mulakan dalam penggal pertama tetapi sistem itu *more on our system* maknanya *on* dalaman yang tidak boleh diakses oleh orang luaran. Tetapi dengan mitigasi kepada sistem e-tanah yang diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan sebenarnya di bawah Kementerian KATS sebelum ini mungkin sebelum ini namanya Kementerian lainlah namanya dan kita boleh seperti Kuala Lumpur sebagaimana yang disebut oleh Sungai Pelek. Di mana-mana di waktu-waktu bila orang boleh akses kepada sistem itu bukan hanya untuk pemeriksaan tetapi untuk transaksi-transaksi yang disebutkan. Berkenaan dengan cadangan daripada Sungai Pelek kita akan ambil maklum untuk memperkemaskan sistem *Smart Box* kita yang dulu sebenarnya sistemnya adalah *Drop Box*, orang letak saja. Sekarang kita dah *upgrade* kepada sistem e-tanah ataupun kepada sistem *Smart Box* dan pembayaran-pembayaran ataupun yang telah dibuat sehingga hari ini kita telah naikan jumlah transaksinya kepada 300/hari berbanding 200/hari dan juga tiada had untuk carian persendirian dan carian rasmi. Biasa *no* hal cuma transaksinya masih terhad kepada 300.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Ya, terima kasih. Apabila saya sendiri *check* dengan Timbalan Pengarah di semalam. Dia katakan ini mungkin kerana MCC/MCO terpaksa hanya ada 30% ataupun 50% *staff* untuk kerja. Jadi ini merumitkan lagilah isu ini. Jadi saya rasa kerana ini satu perkara yang sangat penting mungkin negeri Selangor boleh mengadakan syif ataupun cara-cara yang lain untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih. Itulah di antara perkara yang saya sebutkan di awal sesi Dewan ketika menjawab soalan yang lepas bahawa memang ada kekangan itu tapi kita dah tambah dan saya memang

menyarankan ataupun mencadangkan agar segera kita menambah supaya sistem ini boleh juga dikawal dan dijaga walaupun berurusan di luar pejabat ataupun di luar waktu pejabat ataupun di luar kawasan pejabat. Cuma integriti sistem itu kita kena pertahankanlah. Kita takut nanti begitu mudah orang masuk keluar dan akhirnya dia membuka kepada pencerobohan dan keselamatan sistem e-tanah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Saya ingin bertanya tentang cadangan yang menggunakan *Smart Box* ini. Di mana sekarang pegawai, bilangan pekerja, pegawai yang bekerja telah pun ditambahkan tetapi suka ataupun tidak akan ada *client* ataupun pembayar ataupun *law firm* dia gagal membuat bayaran tepat pada waktunya dan bila dia nak bayar dan bila mereka hendak membayar mereka sudah melepasi tarikh akhir dan dikenakan *penalty*. Tetapi itu bukan salah mereka. Jadi saya ingin bertanya apakah kerajaan akan mengurangkan ataupun menghapuskan caj *penalty* ini buat sementara waktu sehingga sistem ini stabil?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih. Kita akan pertimbangkan dan ambil maklum terhadap cadangan tersebut. Tetapi saya tak boleh katakan sekarang kita bagikan *penalty* tu tak boleh. Sebab dia ada sistemnya dan dia ada peraturan-peraturannya dan dia melibatkan proses fi yang ada dalam peraturan. Cuma kita kena tengok *case by case* lah. Kalau kita dapat memerhati *case by case* dengan budi bicara Pengarah PTGS, ini saya percaya perkara-perkara itu akan dapat kita maklumkan dan selesaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP PADAT bagi Dewan Negeri Selangor mengenai kesan negatif ekonomi akibat wabak COVID-19 dan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap prestasi kutipan hasil cukai dan premium yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.39 Tahun 2020. Ahli-ahli yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini

**Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Mesyuarat seterusnya, Usul nombor 25 Tahun 2020, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kuang.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Yang Berhormat Kuang. Jangan terlalu bebas.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor berhubung status pengurusan Kelab Golf Seri Morib oleh Permodalan Selangor Berhad yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2020.”

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS), Dewan Negeri Selangor berhubung status pengurusan Kelab Golf Seri Morib oleh Permohonan Selangor Berhad. Penyata Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) ini adalah untuk menghuraikan saranan jawatankuasa kepada Kerajaan Negeri supaya tangani isu berbangkit terhadap status pengurusan Kelab Golf Seri Morib oleh Permodalan Selangor Berhad.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, JP-ABAS juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak berkaitan pada hari lawatan yang telah kita lakukan pada 18 Ogos 2020 lalu. Berkenaan berkaitan, lawatan diadakan bagi mendapatkan maklumat terperinci isu status Kelab Golf Seri Morib dan penyelenggaraan padang golf untuk menambah baik urusan Kelab Golf Seri Morib dan kerja-kerja penyelenggaraan yang diperlukan supaya beroperasi dengan baik. Perbincangan dengan Kelab Golf Seri Morib telah diadakan oleh Jawatankuasa dan mengambil maklum bahawa rumah kelab dan hotel adalah hak milik Serimas Development Sdn. Bhd. manakala padang Kelab Golf adalah hak milik Permodalan Negeri Selangor Berhad. Sebelum keputusan EXCO bertukar hakmilik Kelab Golf Seri Morib kepada Kerajaan Negeri pada PNSB. Kelab Golf Seri Morib di uruskan sendiri oleh ahli-ahlinya dengan kerjasama sebuah syarikat daripada Korea.. Pada masa tersebut operasi Kelab Golf Seri Morib berjalan dengan amat baik ramai ahli dan pengunjung dan mampu mempunyai simpanan yang amat sihat.

Namun demikian, pada masa kini Kelab Golf Seri Morib mempunyai hutang operasi RM300,000.00 termasuk hutang cukai tanah, SOCSO, TNB, Air Selangor, gaji pekerja, JMP dan lain-lain. Ini menyebabkan tiada pendapatan yang mencukupi untuk Kelab Golf Seri Morib. Pendapatan berkurangan kerana syarikat usaha sama daripada Korea Selatan telah menarik diri dan menyebabkan tiada peruntukkan yang mencukupi untuk menyelenggarakan kelab yang berkenaan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Kelab Golf Seri Morib telah menggunakan pendapatan yang di perolehi daripada kolam renang untuk menampung kos bayaran gaji dan operasi kelab. Tetapi kerana setelah bekalan air diputuskan oleh Air Selangor akibat kegagalan membayar bil air status kewangan Kelab Golf Seri Morib lebih menjadi buruk dan gagal menarik pengunjung ke Kelab Golf berkenaan. Buat setakat ini kelab mempunyai 400 ahli kelab golf yang masih membayar yuran bulanan purata kutipan RM7000.00 hingga RM9000.00 sebulan

dengan harapan dapat beroperasi. Walau bagaimanapun kutipan tersebut tidak mencukupi untuk menampung operasi Kelab Golf Seri Morib. Peruntukkan sejumlah RM15,000.00 untuk menyelenggarakan Kelab Golf Seri Morib oleh PNSB yang dibayar kepada kontraktor yang dipilih oleh mereka pada masa ini tidak memenuhi spesifikasi oleh ahli-ahli Kelab Golf Seri Morib untuk teruskan aktiviti sukan golf. Jawatankuasa juga telah maklum Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan sebanyak RM30 000.00 sebulan bagi menampung perbelanjaan operasi bulanan Kelab Golf Seri Morib yang merupakan kelab golf milik Kerajaan Negeri tetapi peruntukkan itu telah diberhentikan semenjak status tanah diserahkan kepada Permodalan Negeri Selangor Berhad.

Perancangan PNSB ke atas Kelab Golf Seri Morib. Jawatankuasa telah mengambil maklum PNSB telah bekerjasama dengan Serimas Development Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat milik Pemodal Negeri Selangor Berhad. Hasil kerjasama tersebut sebuah syarikat usaha sama atau *joint company* iaitu dimanakan Serimas Resort Sdn. Bhd telah diwujudkan. Status tanah, status hak milik tanah di kawasan Kelab Golf Seri Morib dan sekitar 606 ekar yang melibatkan 3 buah syarikat adalah seperti berikut:

- i. SDSB memiliki 449 ekar
- ii. PNSB memiliki 93 ekar
- iii. Serimas Resort Sdn. Bhd. memiliki 54 ekar.

Jawatankuasa mengambil maklum perancangan perniagaan 10 tahun Serimas Resort Sdn. Bhd. pada tahun 2021 hingga 2031 adalah untuk membangunkan pembangunan bercampur merangkumi padang golf, kediaman dan komersial. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa setelah pembangunan ini siap, tiada lagi keputusan jelas semua ahli kelab dia akan diserap masuk ke dalam kelab golf yang baru dan kadar yuran keahlian serta syarat keahlian juga dijangka akan berubah.

Penubuhan Jawatankuasa JP-ABAS mendapati bahawa kualiti *fasiliti* kelab golf tidak berada di tahap yang sangat tidak memuaskan dan sebahagian *fasiliti* tidak dapat digunakan oleh ahli kelab dan orang ramai. Hal ini telah menyebabkan pengoperasian, pendapatan serta kemasyhuran Kelab Golf Seri Morib sebagai antara kelab golf bertaraf antarabangsa. Jawatankuasa berpendapat bahawa kerja menyelenggarakan kelab golf berkenaan perlu diteliti semula agar peruntukan bagi tugas menyelenggara padang golf tersebut disalurkan kepada pihak yang lebih memahami spesifikasi tentang golf supaya aktiviti golf dapat dijalankan dengan selesa dan memuaskan para pemain golf.

Jawatankuasa juga mendapati keadaan sekeliling kawasan tanah yang dimiliki PNSB dan SDSB tidak diselenggarakan dengan baik terutamanya keadaan-keadaan pokok-pokok di tepi jalan yang telah mati dan berisiko untuk tumbang dan membahayakan penduduk sekitar. Jawatankuasa juga mengambil maklum kerisauan ahli Kelab Golf



## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Seri Morib yang telah menjadi ahli kelab selama berpuluh tahun yang lalu. Seandainya situasi Kelab Golf Seri Morib pada masa kini tidak diatasi dan diselesaikan dengan baik oleh pemilik tanah iaitu pihak PNSB dan SDSB.

Saranan Jawatankuasa mencadangkan agar pihak PNSB dan juga SDSB memulihkan dan menyelenggara ke semua *fasiliti* Kelab Golf Seri Morib, rumah kelab, kolam renang, padang golf dengan baik dalam masa jangka pendek agar Kelab Golf Seri Morib kembali beroperasi semula dengan kelab golf bertaraf antarabangsa dan menjadi tarikan pelancong.

Jawatankuasa juga bercadang supaya satu perjanjian dibuat antara pihak-pihak PNSB dan SDSB dengan Kelab Golf Seri Morib di mana pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan padang golf dapat diserahkan kepada Kelab Golf Seri Morib bersama peruntukkan penyelenggaraan yang mencukupi dan dipantau oleh Serimas Development Sdn. Bhd. Ini bagi membolehkan kelab golf, Serimas melantik sendiri kontraktor yang bertauliah untuk menyelenggara padang golf tersebut.

Jawatankuasa juga menyarankan pihak PNSB dan SDSB sebagai pemilik tanah di kawasan sekitar Kelab Golf Seri Morib untuk menyelenggara dan menebang pokok-pokok yang telah mati atau tumbang di tepi jalan bagi menjamin keselamatan penduduk di kawasan tempatan dan pengguna jalan raya.

Untuk perancangan jangka panjang Jawatankuasa berpendapatan PNSB perlu menjual kesemua kepentingan PNSB dalam *joint venture company* dengan Serimas Resort Sdn. Bhd. iaitu berjumlah 30% dengan syarat mengekalkan Kelab Golf Seri Morib.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa akhirnya berpendapat bahawa keperluan penambahanbaikan dalam aspek-aspek yang dinyatakan dan berharap Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya selepas kesemua saranan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa. Saya dengan ini mencadang. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah disokong, saya buka untuk perbahasan sekiranya ada.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, 1 minit sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sungai Pelek, *One minute*.



**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, saya amat bersetuju dengan saudara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam soalan tadi ada sebut dia *holding cost* apabila *holding* GLC pegang hartanah dan sebagainya. *Holding cost* ini satu, saya rasa *holding cost* apabila terlalu tinggi atau tidak berbaloi lebih elok bagi pada GLC mana-mana masuk kes ini PNSB jual harta itu supaya tidak menjadi mendatangkan kerugian kepada PNSB. Saya rasa saya percaya, banyaklah harta-harta di bawah GLC-GLC di Selangor yang merupakan tidak strategik memakan *holding cost* yang tinggi, tidak salahlah kalau Kerajaan Negeri memberi arahan kepada semua GLC-GLC menjualkan harta-harta yang tidak mendatangkan hasil ataupun tidak strategik ataupun memakan kos *holding cost* yang terlalu tinggi. Dengan cara ini kita boleh memperkasakan semua GLC di negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kita minta pihak kerajaan, kalau ada.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan mengambil maklum terhadap cadangan-cadangan yang akan dikemukakan atau yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa khususnya untuk mengupayakan ataupun *main power* Kelab Golf Seri Morib ini ataupun tanah sebagai aset penting Kerajaan Negeri. Maklum balas daripada Sungai Pelek sudah pasti Kerajaan Negeri mengambil kira tentang keutamaan dan saya ingin memaklumkan sepanjang jajaran itu sehingga ke KLIA kita telah menerima beberapa cadangan-cadangan pembangunan. Yang mana cadangan-cadangan pembangunan tersebut akan memberi kesan besar kepada Pantai Morib sampailah ke Bagan Lalang, dan kawasan hinggalah ke KLIA. Dan di situ dituruti perancangan daripada pihak Kerajaan Pusat untuk membina jalan yang akan merentasi yang juga turut bersama-sama dalam pembangunan berkenaan. Sudah pasti Kelab Golf Seri Morib ini akan diambil kira pertimbangannya dan saya kira Kerajaan Negeri boleh *participate* bersama bukan sahaja berunsur daripada keuntungan tetapi bagaimana mampu memelihara dan menjaga kepentingan dan *public interest* (dengan izin) kepada masyarakat. Namun semua cadangan-cadangan itu kita akan ambil dan kita akan teliti lebih dalam sebab sebahagian daripada perjanjian-perjanjiannya adalah perjanjian lampau yang mempunyai pelbagai latar belakang dan sejarah yang tersendiri. Dan kita tidak mahu terperangkap dengan klausa-klausa yang kadangkala tidak begitu adil kepada anak syarikat kerajaan negeri mahupun kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu susul yang berbunyi:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung status pengurusan Kelab Golf Seri Morib (KGSM) oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) yang telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini sebagai

Kertas Mesyuarat bilangan 40 Tahun 2020. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. Usul ini

**Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya usul No. 26 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Kota Anggerik.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Kota Anggerik. Bawa usul jangan terlalu panjang.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Sekejap sahaja. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut “Bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor mempertahankan status warta hutan simpan di seluruh negeri agar kawasan-kawasan tadahan air dan hutan-hutan simpan di Negeri Selangor dikekalkan dan dipelihara dengan baik supaya sumber air di Negeri Selangor mencukupi dan tidak terjejas untuk masa akan datang”. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya usul yang dibentangkan ini cukup signifikan dan berkait rapat dengan tanggungjawab kita sebagai pemegang mandat rakyat serta kewajipan kita sebagai khalifah yang diamanahkan oleh tuhan untuk menjaga serta memelihara alam ini yakni bumi yang kita diami ini. Oleh yang demikian pada hari ini saya menjangkakan dokongan penuh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama memastikan usul ini disepakati dan dizahirkan sebagai mewakili suara serta tuntutan seluruh rakyat Selangor yang komited dan tegas menjamin kelestarian, kehijauan dan keseimbangan ekosistem di Negeri Selangor. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian dalam al-Quran menerusi surah Al-Rum ayat ke 41, Allah SubhanAllah Taala telah mengingatkan dengan izin, telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia. Timbul yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada pembalasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat. Saya percaya setiap agama dan kepercayaan sama ada Islam, Kristian, Buddha dan Hindu menuntut para penganutnya agar memelihara hubungan yang seimbang di antara manusia dan alam. Sebagai seorang Muslim saya sering mengingat diri saya peranan yang dimaktubkan oleh Allah SubhanAllah Taala di dalam al-Quran sebagai Khalifatul fil ardh, yakni khalifah ataupun pemimpin di bumi ini. Istilah ini bolehlah ditafsirkan sebagai wakil tuhan di atas bumi ini yang dipertanggungjawabkan untuk memakmurkan menjaga serta memeliharanya dengan baik. Kepentingan alam sekitar turut dinyatakan di dalam al-Quran surah Lokman ayat ke 10 yang bermaksud dengan izin, dia menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagai mana kamu tidaknya dan dia mengadakan di bumi gunung ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu dan dia biakkan kepadanya pelbagai jenis binatang dan kami menurunkan hujan dari langit lalu kami turunkan di bumi pelbagai jenis tanaman yang memberi manfaat. Tuan Speaker dan

Ahli Yang Berhormat sekalian, pada bulan Februari yang lalu kita semua telah dikejutkan dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk menyahwarta hutan simpan Kuala Langat Utara bagi tujuan projek pembangunan bercampur. Keseluruhan kawasan berkenaan dianggarkan seluas 2400 ekar. Saya mendapat maklumat daripada pakar-pakar perancang bandar sekiranya 1000 ekar sekali pun yang mahu dibangunkan projek-projek berkenaan boleh memakan masa sehingga 10 hingga 20 tahun dan ia bergantung pada keadaan pertumbuhan ekonomi dan beberapa faktor lain. Bayangkan bagi kawasan seluas 2400 ekar mungkin memakan masa sehingga 40 hingga 50 tahun. Barangkali nilai projek juga berbilion ringgit, maknanya projek ini bukan kepalang, bukan sahaja perlu dilihat dari sudut keuntungan ekonomi namun perlu juga dilihat impak lain yang mungkin timbul. Sekali pun nyah warta peringkat awal keluasan 1000 ekar sahaja ia juga sudah cukup besar. Saya tidak pasti apakah saya saiz keseluruhan kawasan berkenaan sama seperti saiz keseluruhan beberapa penempatan lain, misalnya Subang Jaya atau mungkin juga lebih besar saiz dari Setia Alam. Katakanlah saiznya sebesar Subang Jaya sehingga kini pun Subang Jaya boleh dikatakan masih belum siap dibangunkan sepenuhnya meskipun sudah mendapat status Bandaraya. Saya percaya kita semua bukan mahu menolak pembangunan, apa yang kita dapat pelajari daripada kesilapan masa lalu ialah pembangunan perlulah dirancang dengan baik. Kita sudah terlalu banyak kawasan pembangunan baru yang hanya molek di peringkat awal tetapi menjadi berkecamuk kemudiannya. Secara logiknya kawasan kediaman komersial serba moden seperti cuba dibangunkan di Cyberjaya yakni kawasan yang agak berhampiran dengan hutan simpan yang kita bincangkan ini, sekali pun masih belum dapat dimajukan semaksimanya. Begitu juga dengan Putrajaya dan kawasan berhampiran kesemuanya masih terbuka dan belum begitu padat. Oleh yang agak tidak munasabah sekiranya Kerajaan Negeri sekali lagi ingin menyahwartakan sebuah kawasan seluas 1000 ekar atau lebih bagi tujuan pembangunan bercampur seperti mana ayat al-Quran yang saya sebutkan di atas saya bimbang kesan jangka panjang akan menjadikan negeri yang kita cintai ini sebagai negeri yang simpang perenang kerana kegagalan kita merancang pembangunan secara komprehensif. Tak kala saya memandu kereta ke arah selatan sebelum membelok ke lebuhraya menuju ke KLIA saya juga dapat lihat bangunan tinggi di pacak di kawasan berhampiran hutan simpan yang kita bicara ini. Terdetik di dalam hati saya perasaan yang aneh, bagaimanakah pangsapuri yang begitu tinggi didirikan di dalam kawasan yang sekelilingnya yang masih tanah kosong. Ia seakan-akan menggambarkan sifat tamak pemaju yang mahu mengaut keuntungan yang maksimum dengan membangun pangsapuri di tengah-tengah padang jarak padang tekukur. Sudah tentu rumah yang ditentu rumah yang disusun ke atas akan lebih menguntungkan termasuk dalam tempoh masa panjang, ketimbang rumah yang dibangunkan secara teres berkembar ataupun banglo. Apa yang boleh saya bayangkan pembangunan apartmen atau kondominium sebeginilah yang menjadi antara punca kediaman *landed* menjadi begitu mahal. Kalau pangsapuri pun dijual dengan 500 ribu ringgit hingga ke 1 juta ringgit berapa pula harga sebuah kediaman *landed*, sedangkan bagaimana sempit pun negeri Selangor ini, kita masih punya tanah yang luas, apa tah lagi di kawasan Kuala Langat yang belum pun begitu

maju serta padat. Apa yang saya maksud di sini ialah setiap keputusan kita di dalam Dewan yang mulai ini akan memberi kesan di masa depan. Sama ada kesan ekonomi mahupun kesan sosial. Oleh itu pada pandangan saya sekali lagi Kerajaan Negeri perlu cermat dan berhati-hati manakala menyahwarta hutan simpan mahupun membangunkan kawasan pembangunan baru agar kita tidak mengulangi lagi kesilapan lampau. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat tindakan untuk menyahwarta simpan Kuala Langat utara ini tidak boleh dilakukan tanpa rundingan dengan pelbagai pihak, sama ada golongan profesional mahupun dengan pemegang taaruf di kawasan berkenaan. Pemegang taaruf iaitu yang penting ialah masyarakat di kawasan berhampiran, saya sedar sejak awal tahun ini lagi Kerajaan Negeri telah melakukan proses pendengaran awam bagi mendengar setiap pandangan di pelbagai peringkat. Susulan dari itu banyak bantahan telah diterima melibatkan pelbagai stigma masyarakat termasuk pimpinan politik, ahli akademik, badan-badan bukan kerajaan, wakil-wakil komuniti orang asli, penjawat awam, syarikat-syarikat swasta dan lain-lain. Bahkan menerusi sesi pendengaran awam yang dijalankan di Pulau Carey pada sekitar September yang lalu. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Lanjan dan Sijangkang turut menzahirkan protes mereka di samping wakil-wakil komuniti orang asli dari sekurang-kurangnya dari 7 buah kampung. Saya sendiri bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat Kg Tunku, Pelabuhan Klang, Dusun Tua dan Rawang turut menyatakan bantahan kami terhadap cadangan ini menurut petisyen awam yang digerakkan oleh gabungan beberapa NGO di antaranya Persatuan Kesedaran dan Keadaan Iklim Malaysia (KAMY), Pertubuhan Perlindungan Khazanah Awam (PEKA), Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat, Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) dan *Green Peace* Malaysia, menurut maklumat yang diterbitkan di laman sesawang *Green Peace* Malaysia Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang telah diwartakan pada awal tahun 90 1920an telah pun mengalami kemerosotan sebanyak 97% daripada saiz asal. Hutan ini adalah hutan paya gambut yang mempunyai keunikan bio diversiti dan fungsi eko sistem yang penting untuk penduduk di sekitar Banting dan Kuala Langat. Berfungsi sebagai tadahan air semula jadi, hutan ini juga sebagai hutan rayau bagi komuniti orang asli di mana kehidupan mereka sememangnya bergantung pada hutan ini. Hutan ini juga merupakan habitat kepada spesies fauna terancam seperti beruang matahari, tupai terbang, ikan laga merah langat serta beberapa spesies tumbuhan terancam seperti meranti bunga, meranti bakau dan mersawa paya. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha kerajaan Negeri untuk menjayakan agenda pembangunan serta membawa kemajuan kepada rakyat Selangor, kita tidak sewajarnya menyalahkan tanggungjawab untuk memastikan keseimbangan ekosistem dan kelestarian alam sekitar terus dipelihara. Persatuan Pencinta Alam Malaysia melalui Presiden Profesor Dr Ahmad Ismail juga ada menyentuh mengulas atas mengenai kawasan berkenaan pandangan beliau yang telah terbit dalam akhbar Berita Harian pada 29 September lalu menyatakan dengan tegas bahawa kawasan itu mempunyai kepentingan di dalam pemuliharaan flora dan fauna di Negeri Selangor, selain daripada itu ia menjadi kawasan rayau dan penempatan Orang Asli. Selangor sebagai sebuah negeri maju juga, disarankan agar menjadi negeri contoh dalam usaha pemuliharaan hutan simpan. Sehubungan

dengan itu, suka untuk saya tegas kepada pihak kerajaan Negeri, nasihat serta ingatan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 18 Mac 2020 yang menitahkan agar kawasan-kawasan tadahan air dan hutan-hutan simpan di Negeri Selangor di kekalkan dan dipelihara dengan baik supaya sumber air di Negeri Selangor ini mencukupi dan tidak terjejas untuk masa akan datang. Menerusi titah ucapan yang sama Duli Yang Mulia Tuanku turut menitahkan agar usaha-usaha mengekalkan hutan simpan serta keindahan flora dan fauna semula jadi di hutan hendaklah dilakukan serta memastikan bahawa tiada aktiviti pembalakan berlaku di hutan-hutan simpan dan kawasan tadahan air ini. Kita amat sedar bahawa sekali lagi masalah yang kita hadapi hari ini tidak lain adalah apa yang kita tanggung kesan daripada kepincangan pentadbiran yang lalu. Antaranya ialah bila mana tanah-tanah negeri dipindahkan kepada anak-anak syarikat yang tertentu secara besar-besaran. Bermula dari situ apa kemudiannya terjadi ialah risiko salah urus sehingga Kerajaan Negeri terpaksa menanggung pelbagai kerugian, apabila rugi maka akhirnya Kerajaan Negeri yang terpaksa menanggungnya. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar mengambil alih semula tanah-tanah yang secara pukal telah diberikan kepada anak-anak syarikat tertentu dan menyusun semula perancangan pembangunan yang lebih memberikan manfaat kepada rakyat. Setidak-tidaknya dengan cara ini sekiranya berlaku sesuatu yang buruk dan tidak diingini sekali pun Kerajaan Negeri tetap tidak kehilangan tanah yang bernilai berjuta bahkan berbilion ringgit. Tata kelola anak-anak syarikat Kerajaan Negeri juga wajar berubah demi memastikan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan dapat digalas dengan baik. Zaman di mana bangsa kita dikenali bangsa penjual tanah pusaka sudah berakhir. Sekian mohon mencadangkan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya berdiri untuk menyokong usul yang telah di bawa oleh Kota Anggerik. Ahli-ahli Yang Berhormat Subang Jaya tiada hutan, jadi mungkin terdapat persoalan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat kenapa pula Subang Jaya ingin menyokong isu ini. Sebenarnya ketiadaan hutan itulah menjadi sebab mengapa Subang Jaya menyokong, sebab sebagai suatu bandar yang hanya mempunyai hutan konkrit di mana bangunannya megah berdiri di merata tempat. Sudahlah penduduk betapa berharga bagi hutan simpan yang kami ada dan betapa penting perlunya usaha untuk melindunginya. Oleh itu dan dengan membawa suara rakyat Subang Jaya, saya sebagai wakil rakyat segala hormatnya tidak bersetuju kepada penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Anggerik telah menyenaraikan beberapa jenis, flora dan fauna yang boleh didapati di Hutan Simpan Kuala Langat Utara, sebenarnya saya juga tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Kajang kepada Yang Berhormat soalan Yang Berhormat Bukit Lanjan bahawa terdapat sungai sebenarnya lebih jenis flora dan fauna yang boleh didapati di hutan tersebut. Saya difahamkan terdapat 29 jenis



spesies terancam mamalia seperti musang, kelawar, ungka tangan putih dan skele monkey yang dilindungi bawah Akta 716 terdapat juga 70 spesies burung yang termasuk spesies kawalan seperti burung hantu, 7 spesies reptilia, 11 spesies katak dan lain-lain. Pembukaan kawasan hutan untuk tujuan pembangunan dan akan menjejaskan rangkaian ekologi mengakibatkan kemusnahan habitat paya gambut yang unik dan mengancam flora dan fauna. Selain itu Hutan Simpan Kuala Langat Utara memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan perubahan iklim. Ia memiliki keupayaan menyimpan banyak 1600 tan karbon per hektar, sejumlah stok karbon Hutan Simpan Kuala Langat Utara adalah kira-kira 1,500,000 tan. Ini bermaksud bahawa 5.5 juta tan pelepasan karbon dioksida dapat dielakkan jika Hutan Simpan Kuala Langat Utara tidak dikembangkan dan dikekalkan sebagai hutan simpan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu alasan yang dikemukakan untuk penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara adalah kebakaran. Namun, mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Kajang, tiadanya kebakaran dalam Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam beberapa tahun ini. Pada sebaliknya, kebakaran lebih tertumpu pada Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Memang antara tahun 2011 sehingga 2014, kebakaran telah melanda Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Namun atas perintah Kerajaan Negeri, pada tahun 2014, tindakan pantas telah dijalankan oleh masyarakat orang asli setempat bersama dengan Jabatan Perhutanan, NGO dan lain-lain untuk mencegah kebakaran dan memulihkan keadaan hutan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menghasilkan Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan, Hutan Simpan Kuala Langat Utara 2017 sehingga 2021 yang masih berkuat kuasa. Antara penambahbaikan utama adalah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan segera untuk memadam kebakaran hutan walaupun kecil, yang berlaku di luar hutan simpan, seperti dalam tanah pertanian. Sebanyak 10,000 pokok telah ditanam, dan 300 hektar hutan telah dipulihkan. Tindakan ini telah menghasilkan capaian yang positif, di mana sejak tahun 2014, kejadian kebakaran hutan di hutan paya gambut telah berkurang secara konsisten. Andai pula isu kebakaran ini adalah benar, bukankah tindakan yang wajar adalah untuk mengatasi masalah tersebut. Saya difahamkan bahawa melalui usaha pembinaan suatu dinding tanah liat bawah tanah, masalah kehilangan air, dapat diatasi dan dengan itu kebakaran dapat dikawal. Jadi saya menyeru agar Kerajaan Negeri melabur dalam usaha sedemikian. Dan bukan penyahwartaan seluruh hutan simpan untuk mengatasi masalah kebakaran. Berkenaan cadangan untuk mengganti Hutan Simpan Kuala Langat Utara pula, saya tidak dapat menerima alasan bahawa hutan ini adalah sama dengan hutan lain. Hutan Simpan Kuala Langat Utara mempunyai antara baki hutan paya gambut yang tinggi, yang tinggal dalam negeri Selangor. Ia mempunyai ciri-ciri biodiversiti dan spesies sendiri. Setiap hutan adalah berbeza. Ia tidak boleh diganti dengan begitu sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, alam semula jadi adalah pusaka milik kami yang diamanahkan oleh Tuhan Yang Maha Esa untuk kami memeliharakannya. Jadi saya menyeru, memohon agar Kerajaan Negeri melindungi Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan semua hutan di negeri Selangor, supaya anak-anak kami, cucu cicit mereka dan generasi mereka selepas itu dapat mewarisi sebuah negeri Selangor, di mana alam sekitar, flora fauna dan biodiversitinya dipelihara. Setiap tindakan kami pada hari ini akan mempunyai kesan kepada masa depan negeri kita. Jadi Subang Jaya menyeru agar kami jangan mengambil ringan keputusan besar seperti ini. Dengan itu Tuan Speaker, Subang Jaya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul..

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Sungai Panjang..

**TUAN SPEAKER :** Usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk perbahasan. Saya buka untuk perbahasan dan saya oleh sebab Usul ini, saya benarkan di bawah Peraturan Tetap 26(1). Memandangkan isu-isu yang dibangkitkan, sudah diteliti dan dibincang dalam pertanyaan mulut, sesi pertanyaan dan juga belanjawan, pembentangan dan sebagainya, maka saya tidak mahu membuang masa Dewan ini, saya hanya benarkan dua daripada kerajaan, 3 minit, 3 minit, dan seorang daripada pembangkang. Silakan Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Tuan Speaker. Jangan bimbang, hanya pendek sahaja. Saya berdiri hari ini, sekadar untuk menyatakan pendirian, bukan sahaja untuk Hutan Simpan Kuala Langat Utara sahaja. Ini juga melibatkan penyahwartaan mana-mana hutan simpan. Sahabat-sahabat saya, Yang Berhormat dari kawasan-kawasan lain, telah membangkit tentang flora fauna dan sebagainya. Sebelum ini, Bukit Lanjan juga telah membangkitkan tentang orang asli, Cuma saya ingin juga tekankan di sini, barangkali mungkin ada yang terlupa, apabila melibatkan penyahwartaan hutan simpan, apabila kita melibatkan hutan simpan, tidak dapat lari daripada komuniti atau masyarakat orang asli di kawasan itu. Pergi mana-mana hutan simpan akan ada isu dengan orang asli. Dan kadang-kadang saya lihat, kita seolah-olah terlupa bahawa tanah itu sangat terkait dengan identiti orang asli itu. Kita sering kali mengatakan kita di negara Malaysia ini, meraikan kepelbagaian identiti. Kita meraikan semua identiti yang ada. Sesetengah masyarakat, identitinya terkait dengan budaya, dan budaya itu pula terkait dengan agama. Ada masyarakat yang identitinya terkait dengan budaya dan budayanya terkait dengan bahasa. Tapi untuk masyarakat orang asli, identiti mereka sangat terkait dengan tanah. Sebab itu kita ada perbincangan panjang tentang tanah adat dan sebagainya. Dan ini bukan cakap-cakap kosong. Laporan inkuiri nasional mengenai tanah orang asli, hak tanah orang asli, juga dah menyentuh tentang perkara ini. Jadi kalau kita katakan mungkin kita mengambil jalan mudah, kadang-kadang kita rasakan, ah, kita pindahkan sahaja orang asli ini ke satu tempat lain. Tanpa kita sedar sebenarnya kita dah merampas mereka daripada identiti mereka itu sendiri. Dan agak



hipokrit kalau kita beria-ia mempertahankan identiti kita, tetapi apabila masuk identiti mereka, hanya kerana mereka minoriti, hanya kerana mereka tinggal jauh daripada kita, maka kita tak ambil peduli. Ini ialah masalah. Oh.. bila identiti kita tercuit, kita melompat bukan main, tak kiralah daripada masyarakat mana. Tapi bila identiti masyarakat orang asli tercuit. Kita tak kisah, tak apa, pindahkan saja. (TEPUK). Jadi ini saya nak tekankan. Sangat perlu kita beri perhatian, tentang keterkaitan tanah ini, hutan ini, dengan identiti orang asli itu sendiri. Kalau kita lupa pun, ini kita ambil ringan. Sebab apa, bila melibatkan identiti kita, kita mahu berbincang, kita mahu buat elok-elok, tak nak nanti jadi pergaduhan, tak nak ada rusuhan dan sebagainya. Tapi identiti orang, oh.. kita biarkan macam itu. Mentang-mentang mereka tinggal dalam hutan, kita buat macam itu. Dan saya ingin ingatkan, jangan kita ingat kerana kita menyangka, merasakan diri kita bertamadun. Ini satu lagi masalah paling besar. Kita ingat kitalah yang paling betul, paling bertamadun, mereka tak bertamadun, tak apa. Kita kena selamatkan mereka. Ini satu pandangan, bagi saya silap. Mereka ada tamadun mereka sendiri, mereka ada adat mereka sendiri. Dan sepatutnya kita membantu sebagaimana kita membantu identiti-identiti masyarakat yang ada di Malaysia. Jadi pendek sahaja. Itu sahaja yang saya ingin bawakan. Saya minta semua kerajaan mengambil perhatian tentang perkara ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua yang sangat bertamadun. Cukup 3 minit, ngam-ngam. Bagus. Silakan Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya bangun untuk menyokong Usul ini. Di Sungai Panjang, sememangnya ada satu jajaran hutan simpan lah, iaitu Hutan Simpan Sungai Karang. Dan di dalam Usul ini, jelas menyatakan bahawa ini adalah satu isyarat ataupun gesaan kepada pihak kerajaan agar kita mesti teliti dengan cermat dalam kita menguruskan hutan-hutan simpan yang telah ada di dalam negeri kita ini. Dan saya suka ingin merujuk kepada Seksyen 10, Akta Perhutanan, ada beberapa kelas hutan-hutan ini diletakkan ataupun diwartakan sebagai hutan simpan kekal. Dan antara kelas-kelas ataupun maksud hutan simpan kekal tersebut adalah :-

1. Hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan bekalan.
2. Hutan perlindungan tanah hutan tebus guna tanah.
3. Hutan kawalan banjir.
4. Hutan tadahan air.
5. Hutan perlindungan hidupan liar.
6. Hutan simpanan hutan dara.
7. Hutan lipur.
8. Hutan pelajaran.
9. Hutan penyelidikan.
10. Hutan bagi maksud persekutuan.

Berbalik kepada isu Hutan Simpan Kuala Langat Utara ini, berdasarkan perbincangan ataupun point yang telah diutarakan oleh rakan-rakan yang berhormat tadi, saya percaya di Hutan Simpan Kuala Langat Utara ini, menyimpan habitat flora dan fauna. Khususnya berkenaan dengan hidupan liar yang telah diterangkan oleh rakan yang berhormat, saya, daripada Subang Jaya. Ada hidupan liar ini ataupun haiwan-haiwan ini tidak boleh didapati di tempat-tempat yang lain, yang ada hanya di situ sahaja. Cuba kita bayangkan sekiranya habitat mereka ini diganggu ataupun dinyahwartakan dan juga dibangunkan walaupun tujuannya kerana ekonomi ataupun melaksanakan sesuatu yang memberikan hasil yang lebih tinggi kepada negeri, tetapi kita akan kehilangan satu habitat haiwan ataupun flora dan fauna yang ada di situ selamalamanya. Dan ia mungkin sudah tidak akan ada lagi pada masa-masa yang akan datang dan tidak boleh diganti dengan perkara-perkara lain selain kalau ia hanya boleh diletakkan di muzium sebagai satu peringatan.

Tetapi ia akan merosakkan secara menyeluruh ekosistem biodiversiti dan sebagainya. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dan kita semua mesti berhati-hati dalam kita membuat pertimbangan menyahwartakan suatu kawasan hutan simpan kekal, jangan kita memikirkan ataupun memfokuskan pembangunan yang kononnya yang kita rancang akan memberikan impak ekonomi ataupun pulangan ekonomi yang tinggi kepada negeri, tetapi kita terpaksa mengorbankan sesuatu yang kita tidak akan dapat pada akan datang. Jadi setakat itu saya menyokong Usul ini dan menggesa supaya kerajaan mengekalkan status hutan-hutan simpan yang ada di negeri Selangor termasuk Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Saya persilakan Kg. Tunku, yang terakhir.

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya terus ke isu Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Di mana saya ingin tekankan sekali lagi, tanah itu denyut nadi orang asli. Dan saya ingin ingatkan Dewan yang mulia ini bahawa cadangan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara ini telah menerima lebih daripada 45,000 bantahan awam. Ini perkara yang serius. Dan sehingga kini masih tiada penjelasan sama ada tanah perkuburan Suku Temuan telah dikeluarkan daripada cadangan penyahwartaan tersebut. Penggantian tanah bagi orang asli bukan mudah. Tanah itu macam lego untuk orang asli. Dan tanah juga yang dicadangkan untuk menjadi penggantian untuk penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, terletak di Sungai Panjang, Kuala Selangor dan Ampang Pecah. Ketiga-tiga tempat lebih daripada 1 1/2 jam daripada Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Pembangunan bagi orang asli, konsep pembangunan bagi orang asli sangat berbeza dengan konsep pembangunan bagi orang bandar dan sebagainya. Dan saya ingin menggesa Dewan yang mulia ini supaya kita mempertimbangkan isu ini dengan sangat-sangat berhati-hati. Dan saya ingin berdiri di sini untuk menyokong Usul dan.. Bukit Gasing...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah. Terima kasih Kg. Tunku. Memang betul, banyak sebab kita perlu peliharakan tanah ini. Dan saya juga bangun untuk menyokong Kg. Tunku dan rakan-rakan, Kota Anggerik dan sebagainya, untuk membantah, kita menyahwartakan hutan ini. Saya nak mengupas seorang anggota pentadbiran ini berkata, pembantahan ini adalah tindakan selfish, pandangan selfish orang bandar. Dan sememangnya tidak. Kita tidak membantah bila nak ambil, nak nyah warta hutan untuk laluan paip air Langat 2, kita tidak bantah untuk nyah hutan untuk laluan kabel TNB. Itu adalah keperluan dan kita faham bila kita kena balance keperluan dan niat untuk *preserve* hutan. Tetapi apabila untuk tujuan *mix development*, di mana berhampiran di Cyber jaya dan Selangor Science Park 2, masih lagi tanah kosong, infra jalan semua telah siap, ada tapi tanah kosong, bolehlah pembangunan itu berlaku di sana dan tidak perlu nyah warta hutan. Jadi saya harap pihak kerajaan akan meneliti bantahan-bantahan kami. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ini yang terakhir

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Bukit Gasing, saya amat bersetuju dengan celah Bukit Gasing dan oleh itu saya ingin menekankan lagi penggantian tanah ini bukan seperti main lego. Kita harus mempertimbangkan hal ini dengan sangat-sangat berhati. Saya berhenti di sini. Saya menyokong Usul dan juga membantah sebarang penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Kg. Tunku. Saya persilakan pihak kerajaan sekiranya ada.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Hutan simpan kekal ini penting, saya akan jawab. Bukan dua tiga perkataan. Terima kasih kepada Tuan Speaker, dan terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik.

**TUAN SPEAKER :** Bagi 3 minit jawab.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Yang juga, Yang Berhormat Subang Jaya, Dusun Tua, Sungai Panjang, Kg. Tunku dan Bukit Gasing, yang telah pun mengambil bahagian perbahasan tentang Usul yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Anggerik. Kerajaan negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan jumlah keluasan kawasan hutan simpan kekal sentiasa dipertahankan. Dalam hubungan ini, keluasan kawasan hutan simpan kekal di negeri Selangor telah berjaya ditingkatkan sehingga 250,207.39 hektar ataupun 31.5% daripada keluasan negeri pada masa ini. Kerajaan Negeri juga amat prihatin akan kepentingan kawasan Hutan Simpan di seluruh Negeri Selangor, justeru itu, sejumlah 44,543 hektar kawasan hutan ini telah pun diwartakan di bawah Kelas Hutan Tadahan Air mengikut Seksyen 10 Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985, iaitu pada tahun 1999 dan juga 2009. Manakala sejumlah 130,360.15 hektar kawasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor telah

pun diwartakan sebagai Kelas Hutan Perlindungan yang merangkumi Hutan Perlindungan Tanah, Hutan Perlindungan Hutan Liar, Hutan Simpan Hutan Dara, Hutan Lipur, Hutan Pelajaran, Hutan Penyelidikan, Hutan Taman Negeri dan Hutan bagi maksud-maksud Persekutuan. Umumnya Kelas Hutan Perlindungan ini bukan diperuntukkan untuk tujuan pengusaha hasilan ataupun pembalakan. Kerajaan Negeri juga telah pun menambahbaik Seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 pada 2011, dengan mengenakan syarat untuk melaksanakan Penyiasatan Awam bagi mana-mana kawasan Hutan Simpan Kekal yang ingin diwarta keluar. Di samping itu juga, pewartaan keluar kawasan Hutan Simpan Kekal yang terlibat ini perlulah diganti dengan kawasan yang setara nilai atau keluasan hutan yang sama atau lebih luasannya. Proses ini perlu dilakukan secara serentak.

Bagi memperkasakan lagi keadaan ini, Kerajaan Negeri juga telah mengambil tindakan yang proaktif dengan meluluskan pindaan kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, dalam MMKN ke 26/2020 pada 22 Julai 2020. Sebagai makluman, Negeri Selangor adalah merupakan negeri pertama dan satu-satunya negeri di Malaysia yang telah pun menguatkuasakan kaedah Penyiasatan Awam sebagai syarat di dalam proses pemansuhan ataupun penyahwartaan Hutan Simpan Kekal. Untuk Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara, Kerajaan Negeri belum ada keputusan lagi di mana masih *maintain* sebagai Hutan Simpan Kekal. Kita belum buat keputusan di mana sekarang masih dalam penyiasatan. Belum sebarang keputusan dibuat. Yang ini saya pun telah jawab berkali-kali di Dewan ini, dan saya memang akan melakukan proses yang akhirnya, Mesyuarat MMKN akan menentukan Hutan Simpan Kekal ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor mempertahankan status warta Hutan Simpan di seluruh negeri agar kawasan-kawasan Tadahan Air dan Hutan-hutan Simpan di Negeri Selangor dikekalkan dan dipelihara dengan baik supaya sumber air di Negeri Selangor mencukupi dan tidak terjejas untuk masa akan datang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. (Ahli Dewan berkata ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan Dewan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Speaker, Ahli-ahli Dewan yang budiman sekalian. Saya rasa bersyukur sebab dalam sesi sidang Dewan kali ini, kita telah meluluskan beberapa Rang Undang-undang ataupun Enakmen yang benar-benar bererti kepada Kerajaan Negeri. Pertama, Rang Undang-undang

Perbekalan tahun 2021, sebanyak RM2.23 bilion dengan 47% untuk program-program dan projek pembangunan dan 53% untuk meneruskan kelangsungan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Dalam pada masa yang sama, dalam pembentangan ini kita telah menggariskan beberapa cabaran terkini yang telah dibahaskan dengan cukup teliti sehingga 25 orang Ahli-ahli Dewan membahaskan dan Kerajaan berpeluang menjawab serta mengambil kira cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Dalam pada masa yang sama kita turun meluluskan Enakmen ataupun Pindaan Enakmen Undang-undang LUAS ataupun Enakmen LUAS 1999 yang mana kita telah mengukuhkan tekad dan iltizam Kerajaan Negeri dalam pentadbiran untuk menghalang dan memelihara sumber air mentah yang berdepan dengan pelbagai masalah dan kita dicuba dan di *test* dalam tempoh satu (1) dan dua (2) hari ini. Namun begitu, saya percaya, baik Rang Undang-undang Perbekalan, baik Rang Undang-undang ataupun Enakmen LUAS yang kita pinda, ia memerlukan penelitian dan kerja berterusan daripada semua pihak untuk memastikan kelangsungan dan kehidupan rakyat kekal terjamin dan mampu dipelihara dengan sebaiknya. Saya ucap terima kasih kepada seluruh Ahli Dewan yang dengan matang berbahas walaupun ada perbezaan dan kita mampu menjawab dan meneruskan budaya dan cara kaedah yang sangat bertamadun, malahan kalau saya bandingkan sekali lagi dengan Dewan-dewan yang lain termasuk di Dewan Rakyat, saya kira pekik lolong kita tu sangat kurang. Walaupun, dan kita sering berbahas, walaupun kita berbeza, ini kekuatan Pakatan Harapan Selangor yang kekal stabil.

Justeru, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan ini telah tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga suatu masa yang ditetapkan kelak.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah, sudah sampai ke penghujung di mana saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana kita telah bersidang seperti Jadual, walaupun awal satu hari tetapi kita telah *OT*, tujuh jam setengah. Maknanya kita bersidang, ditetapkan 10 hari, kita buat 10 hari setengah. Setengah hari kita dah boleh dapat tu. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Ketiga Persidangan Penggal Ketiga kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar walaupun sekarang dalam Pandemik Covid-19.

## 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf Penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar Penyata Rasmi ini dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ini hari ini hari yang berkat dan barakah kerana hari ini 11.11.20, juga merupakan hari Ulang tahun Kelahiran ke-59 Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dato' Mohd. Amin bin Ahmad Ahya. *Happy Birthday!* Kita ucapkan. Kita doakan (bahasa Jawa), sihat walafiat, murah rezeki, terus menabur jasa dan bakti kepada Kerajaan Negeri Selangor dan rakyat Selangor. Pada masa yang sama, sempena kedatangan perayaan Hari Deepavali pada 14.11.2020, *Happy Deepavali* kepada semua penganut agama Hindu. Selamat menyambut dan bahagia di sisi keluarga. Dengan ini, saya menangguhkan Persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**( DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG )**